

**21 MAC 2019 (KHAMIS)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**SHAH ALAM, 21 MAC 2019 (KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, P.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

**21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, P.P.T. (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

**21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj. Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

**21 MAC 2019 (KHAMIS)**

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN** : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 21 Mac 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhamadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadrat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu jua pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadrat Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah kami berserah.

*Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin  
Walhamdulillahi Rabbil 'Alamiin.*

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan-aturan mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI** : Yang Berhormat Puan Speaker.  
Soalan saya soalan nombor 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : KEMUDAHAN KLINIK KESIHATAN & HOSPITAL MILIK KEMENTERIAN  
KESIHATAN**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha menambahbaik perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Selangor khususnya di kawasan-kawasan yang tidak memiliki klinik kesihatan dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan seperti di kawasan Setia Alam?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik di atas soalan yang bertanyakan apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha menambah baik perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Selangor khususnya di kawasan di Setia Alam? Yang Berhormat Kota Anggerik, buat masa ini penduduk kawasan Setia Alam boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Meru, Klang, 10 km daripada Setia Alam, Klinik Kesihatan Seksyen 7, Shah Alam, 10 km daripada Setia Alam dan Klinik Kesihatan Bukit Kuda, Klang, 13 km daripada Setia Alam.

Untuk kawasan Setia Alam setakat ini ada tanah yang diperuntukkan untuk tapak klinik oleh pihak pemaju. Status tanah tersebut belum lagi dibuat pemberimilikan tapak. Oleh itu, JKN Selangor akan membuat permohonan untuk pemberimilikan tanah tersebut.

Bagi menampung keperluan klinik di Setia Alam, terdapat sebanyak 13 buah klinik panel yang telah berdaftar di bawah Skim Peduli Sihat. 10 buah klinik ini senarainya akan saya berikan kepada Y.B. *InsyaAllah*. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Seperti mana yang Yang Berhormat EXCO sebutkan tadi pesakit-pesakit di Setia Alam pergi ke Meru. Ini limpahan pesakit-pesakit daripada Setia Alam itu menyebabkan Meru menjadi masalah. Ada tak usaha daripada pihak Kerajaan Negeri untuk membantu Klinik Kesihatan Meru itu sendiri seperti penambahan kakitangan dan sebagainya?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Yang Berhormat Meru, urusan ataupun kuasa untuk mendirikan Klinik Kesihatan dan membesar Klinik Kesihatan semua ini adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Memang saya dari semasa ke semasa akan menyampaikan kepada pihak JKN tentang keperluan klinik-klinik yang perlu ditambah baik dari segi kakitangan dan juga dari segi infrastrukturnya. Molek juga kalau Yang Berhormat Meru sendiri boleh menulis surat kepada Kementerian Kesihatan dan juga kepada saya menguatkan lagi permintaan daripada pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya nombor 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
**(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PERNIAGAAN HARAM TAMAN KANAGAPURAM, PJ**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- Apakah statistik penguatkuasaan MBPJ terhadap perniagaan haram di Taman Kanagapuram?
- Mengapakah MBPJ tidak bertindak tegas untuk sita barang niaga untuk premis haram ini?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing, sebanyak 22 premis telah difailkan di mahkamah dari tahun 2017 hingga tahun 2018. Di antaranya sebanyak 18 premis telah disaman dan dijatuh hukum oleh mahkamah dan selebihnya telah diroboh oleh pihak Majlis. Tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan yang sedang diambil terhadap pengusaha-pengusaha perniagaan haram atau tanpa kelulusan Majlis adalah seperti berikut. Pusat jagaan tanpa kelulusan (7 kes), aktiviti menjual kereta atau lori (5 kes), aktiviti servis kereta (1 kes), pameran motosikal (1 kes), jumlah keseluruhannya 15 kes. Melalui peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian MBPJ 2007, tindakan penyitaan boleh dijalankan ke atas premis berlesen berdasarkan Peruntukan UUK 38(1), Pihak Berkuasa Melesen atau Pegawai Diberi Kuasa yang menjalankan kuasa di bawah Undang-Undang Kecil 36 dan 37 boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai oleh sebagai mempunyai kaitan dengan atau dapat memberikan keterangan tentang perlakuan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang ini atau Peruntukan UUK 38(2), Pihak Berkuasa Melesen atau Pegawai Diberi Kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis berlesen di bawah perenggan 1 hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya premis berlesen itu atau perkhidmat atau ejennya yang berada di premis berlesen itu. Kerajaan Negeri sedia maklum atas aduan-aduan yang dikemukakan dan akan membuat penelitian selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih atas statistik. Saya ambil maklum memang ada tindakan daripada MBPJ tetapi keadaan di tapak masih lagi terdapat banyak perniagaan haram itu tetap berterusan walaupun terdapat tindakan daripada MBPJ. Mungkin tindakan ini tidak cukup tegas, tak cukup kerap. Jadi, apakah langkah seterusnya arahan mungkin daripada Kerajaan Negeri kepada MBPJ supaya

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

*once and for all* boleh banteras semua perniagaan haram yang memberi kacau ganggu kepada rumah persekitarannya.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Bukit Gasing. Seperti apa yang saya telah jawab tadi Kerajaan Negeri sedia maklum tentang aduan-aduan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing dan juga penduduk-penduduk di kawasan itu. Dan, oleh itu Kerajaan Negeri akan membuat penelitian selanjutnya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Cari makan adalah hak asasi manusia. Apakah EXCO Kerajaan Tempatan dan PBT akan ada usaha ataupun ambil langkah-langkah yang positif sebelum merobohkan ataupun merobohkan penjaja ataupun kedai yang haram? Apakah usaha Kerajaan Negeri?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya rasa perlu dijelaskan di sini. Ini bukan penjaja. Ini adalah perniagaan besar yang menggunakan rumah banglo untuk perniagaan mereka. Terdapat banyak *shop lot* kosong di Petaling Jaya yang tidak disewa sebab mereka lebih suka sewa rumah banglo yang lagi murah. Ini adalah kacau ganggu. So, tidak ada isu, tidak ada masalah. Pindah keluar daripada rumah banglo masuk ke dalam satu *shop lot* dan buat perniagaan di sana. Bukan penjaja.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Puan Timbalan Speaker. Setahu saya, banyaklah, ramailah orang kampung ke, orang Chinese New Village ke mereka traditionally, mereka gunakan rumahnya sebagai tempat perniagaan. Jual apa benda. Ada, macam Seri Kembangan, macam Sepang

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Jadi, maksud saya

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Maksud saya...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bandar Baru Klang.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Nanti dulu, nanti dulu. Saya belum habis.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Peraturan Tetap kena duduk dulu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bandar Baru Klang. Sungai Pelek sila duduk.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, ini adalah sesi pertanyaan. Mengikut Peraturan Tetap, hanya EXCO yang menjawab. Ia tidak boleh ada celahan daripada mana-mana ADUN dan juga hendaklah merujuk kepada subjek utama yang ditanyakan. Saya minta daripada Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Bandar Baru Klang. Silakan Sungai Pelek, teruskan. Persoalan.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Soalan tambahan saya termasuk bukan sahaja kedai yang perniagaan yang katakan haram itu. Saya sentuh penjaja itu satu tambahan. So, saya tidak keluar daripada tajuk ini, OK. Khusus pada katakan perniagaan yang haram, memang dalam masa yang apabila ekonomi yang macam sekarang ini ramai di kalangan penduduk mereka tak boleh ataupun tak mampu menggunakan kedai....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalannya Sungai Pelek?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Jadi, dia gunakan rumah dan sebagainya. Jadi, saya haraplah kerajaan khasnya PBT bagilah kelonggaran pada masa sekarang. Memang secara tradisional ramai penduduk menggunakan rumah kerana tak mampu gunakan kedai.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baiklah. Terima kasih Sungai Pelek. Silakan EXCO.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Walaupun soalan dari Sungai Pelek jauh berbeza dengan soalan pokok yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing, saya akan jawab sedikit tentang perniagaan dijalankan dari di rumah. Yang saya rasa kita perlu meneliti kes to kes basis dan kita juga perlu tengok keadaan setempat. Ok. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya nombor 33.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN (NO2 SABAK)**

#### **TAJUK : DASAR KERAJAAN NEGERI**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

- a) Masih terdapat sebahagian jabatan-jabatan yang tidak dapat menyelesaikan permasalahan rakyat sehingga menjaskan nama baik kerajaan. Apakah tindakan kerajaan kepada jabatan tersebut?
- b) Sub-soalan telah ditolak

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Sabak dan Timbalan Speaker. Bilangan aduan dan juga makluman balas daripada rakyat yang menunjukkan peningkatan saban tahun merupakan salah satu indikator bagaimana kesedaran rakyat mengenai kemampuan kerajaan yang dapat membantu menyelesaikan masalah mereka dan sekali gus akan diambil iktibar dan juga perhatian oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan serta memperkemaskan perkhidmatan perjawatan awam di dalam Negeri Selangor. Dan ini membuktikan bahawa rakyat begitu yakin terhadap ketersediaan dan kemampuan untuk menyediakan dan menyelesaikan masalah mereka. Walau bagaimanapun, setiap permasalahan dan aduan akan dirujuk kerana ada limitasi serta punca kuasa, garis panduan tertentu yang mengawal selia penjawat-penjawat awam. Terdapat juga masalah yang diterima di luar bidang kuasa kerajaan ataupun jabatan dan agensi yang dirujuk. Sebagai contoh, kerajaan sama sekali tidak boleh mencampuri mana-mana aduan atau masalah yang tidak menepati syarat-syarat seperti di gariskan dalam peraturan pekeliling yang sedang berkuat kuasa. Antara lain Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil. 3 Tahun 2010 ini termasuklah aduan masalah yang melibatkan kes-kes dan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ataupun SPRM, pihak Polis mahupun yang sedang dibicarakan di mahkamah. Apabila suatu aduan permasalahan tidak dapat diselesaikan, kerajaan perlu melihat kepada seluruh sistem yang terbabit bukan hanya memandang kepada masalah mengikut individu *per say*. Sebagai contoh, prosedur atau sistem di satu agensi didapati tidak berfungsi dengan efisien, logiknya ia akan menyumbang kepada peningkatan aduan daripada masyarakat. Sehubungan itu, kerajaan akan meneliti masalah itu dan cuba memahami dan memperhalusi tentang prosedur ataupun sistem yang diguna pakai. Kerajaan akan mengenal pasti ruang dan peluang untuk ditambah baik, diperbetulkan ataupun dicegah dan tidak hanya semata-mata menyelesaikan sesuatu masalah secara runcitan. Untuk merealisasikannya kerajaan perlu turun padang dan mengadakan sesi libat urus naziran, temu siasat, bimbingan bersama-sama dengan agensi yang berkenaan. Sebagai contoh, sejak Januari tahun 2019 sehingga 15 Mac 2019, sekurang-kurangnya 10 sesi libat urus naziran, temu siasat dan bimbingan telah diadakan oleh Bahagian Korporat, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku Penyelaras Aduan Negeri Selangor dengan pelbagai jabatan, agensi termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun. Jika mengikut kepada tatacara sebetulnya, agensi terbabit hendaklah dihubungi dengan mengemukakan surat atau e-mel rasmi terlebih dahulu. Walau

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

bagaimanapun, kerajaan yang komited selaku kerajaan yang komited untuk menyelesaikan suatu masalah dengan segera dan tuntas sudah tentu akan memastikan supaya pegawai kerajaan sebagai contoh pasukan titik fokus aduan ataupun Complain Focal Point (CFP) di Bahagian Korporat di SUK terus berhubung dengan agensi terbabit setelah menerima aduan-aduan dan masalah yang dihantar sama ada secara rasmi atau tidak rasmi kepada jabatan. Kerajaan sentiasa menjalin kerjasama erat dengan agensi terbabit kerana tidak mahu bias ataupun *buyers* terhadap laporan yang dibuat. Walau bagaimanapun, agensi terbabit akan dirujuki terlebih dahulu bagi setiap tindakan yang diambil memandangkan masing-masing mempunyai dasar, polisi dan akta tertentu yang boleh dipatuhi. Kerajaan akan cuba lakukan yang terbaik mengikut landasan yang ada supaya masalah diselesaikan tanpa melanggar polisi agensi berkaitan. Ini kerana Kerajaan Negeri akan berperanan untuk memudah cara pihak-pihak berkaitan dalam menyelesaikan suatu masalah yang berlaku. Kesimpulannya, jika ada satu aduan kita akan lihat samada ia dalam bidang kuasa ataupun tidak dan kalau ia berturutan selalu berulangan Kerajaan Negeri akan mengambil sikap melihat prosedur perjalanan dan juga sistem yang sedia ada supaya kita boleh mengubah dan tidak mengulangi masalah-masalah yang berlaku. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sg. Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan Sg. Kandis No. 34.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI (N49 SUNGAI KANDIS)**

#### **TAJUK : LEMBU TERBIAR**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat tindakan segera kepada penternak yang membiarkan lembu terbiar sehingga membahayakan orang awam?
- b) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani lembu-lembu terbiar tidak bertuan?
- c) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani isu kewujudan kandang-kandang

lembu yang dibina secara haram terutama diatas tanah kerajaan?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Puan Timbalan Speaker, terima kasih kepada Y.B. Sg. Kandis yang bertanya soalan berhubung dengan isu lembu terbiar. Ada tiga bahagian pada soalan ini akan dijawab sekali. Di dalam enakmen mengawal lembu kerbau 1971, Enakmen Selangor No.3 1971 menyatakan suatu kawasan pihak Berkuasa Tempatan atau sebahagiannya merupakan kawasan larangan bagi lembu kerbau. Justeru itu lembu-lembu yang berkeliaran di kawasan larangan boleh diklasifikasikan sebagai lembu ternakan yang tidak bertuan dan tindakan seperti tangkapan boleh dibuat ke atas lembu-lembu yang berkeliaran tersebut. Selain daripada penguatkuasaan enakmen tersebut pihak PBT juga mengambil inisiatif dengan mengadakan perjumpaan bersama penternak yang dikenalpasti membiarkan lembu ternakan berkeliaran tanpa kawalan dan seterusnya memberi amaran supaya tidak membiarkan lembu ternakan berkeliaran di kawasan awam. Pihak PBT juga mewujudkan pasukan khas yang bertindak untuk menangkap lembu-lembu yang berkeliaran di kawasan awam atau kawasan larangan sekiranya terdapat aduan diterima. Dalam usaha untuk menangani lembu-lembu terbiar, lembu kerbau terbiar, Kerajaan Negeri sedang menilai kesesuaian tanah-tanah kerajaan yang boleh diwartakan sebagai pusat, sebagai tanah pertanian bagi projek ternakan lembu, atau pusat translokasi lembu. Kerajaan Negeri melalui UPEN dan Jabatan Veterinar Selangor telah melaksanakan program penempatan semula penternak atau pusat translokasi ini bagi mereka yang menghadapi masalah kawasan menternak.

Selain daripada ladang translokasi Sg. Nilam di Hulu Selangor, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan sebuah lagi Ladang translokasi di Olak Lempit yang sebahagiannya telah siap dan sebahagiannya akan dijangka siap akhir pada tahun ini. Selain itu pejabat Tanah, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor dalam proses mewartakan dua kawasan lagi iaitu di Sungai Gumut, Kelompang seluas 80 ekar dan di Sungai Gersik, Rasa seluas 100 ekar bagi tujuan program ini. Dan juga Pejabat Daerah Tanah Sabak Bernam juga telah mengenalpasti kawasan yang sesuai untuk tujuan yang sama. Kerajaan Negeri juga sedang mengemaskini melalui PBT maklumat lengkap lembu terbiar ini termasuk kawasannya untuk memastikan kategori ternakan ini dapat diselesaikan pemindahan secara berperingkat-peringkat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sg. Kandis

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih kepada Y.B. EXCO yang telah memberikan penjelasan berkenaan dengan lembu liar atau lembu terbiar ini. Jadi boleh tak saya tahu bilakah pusat translokasi di Olak Lempit itu dibuka kerana keadaan lembu-lembu yang terbiar ini membahayakan pengguna jalan raya dan ada yang masuk ke premis-premis perniagaan. Jadi saya nak tahu bila agaknya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya memang sedia maklum mengenai situasi di Klang berhubung dengan lembu. Ada yang pergi shopping pun ada. Dan sememangnya kita telah meminta pihak JKR untuk menyiapkan secepat mungkin dan mereka telah menyerahkan satu lot baru, untuk digunakan. Kita akan memulakan perpindahan itu secepat mungkin dan mereka telah menyerahkan satu lot baru untuk digunakan dan kita akan memulakan perpindahan itu secepat mungkin. Telahpun diserahkan. Sebab kawasan ini Olak Lempit lebih daripada 100 ekar tetapi sebahagian besarnya telah diceroboh. Jadi proses untuk menyelesaikan isu pencerobohan inipun telah berlangsung berlaku, makan masa tapi kita akan siapkan peringkat demi peringkat, dari yang dah siap tu kita akan pindahkan dah boleh dah satu lot untuk dipindahkan. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Cuma nak tanya kepada Y.B EXCO, apakah tindakan dari PBT untuk sementara sebelum pemindahan dibuat sebab setahu kita kita nampak tuan lembu itu memang bawa dengan anjing ikut lembu tu tapi berkeliaran ya, dan pagi ini kita nampak saya lalu dekat tempat jalanraya memang najis tu dekat situ dah. Jadi memang dalam satu bandar kita dapati banyak masalah yang ditimbulkan oleh lembu-lembu yang berkeliaran dengan ada tuannya yang ikut sama sekali. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Memang kita akur dan sedar perkara ni berlaku kerana masalah yang kita hadapi ialah penempatan apabila kalau tanggapan atau ini dibuat tempat dari segi tempat saya, insiden yang lepas berlaku itu pihak MPK telah menangkap dan meletakkannya di Pulau Indah dan berlaku sedikit masalah dari segi logistik dan juga kos yang tinggi yang dikenakan balik kepada penternak itu. Jadi ini menimbulkan isu. Cuma saya dalam pendekatan kita ini kita cuba menyelesaikannya melalui translokasi ini daln selepas satu tempoh pada peringkat ini apabila semua telah kita sediakan kalau masih ada degil lagi dan sebagainya barulah kita akan mengambil tindakan yang lebih tegas dan saya komited, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan yang isu lembu terbiar ni lembu rayau ini diselesaikan dalam masa yang kita telah tetapkan untuk tahun ini untuk penggal ini. Sebab dia proses yang agak lama dan saya faham memang kita kalau boleh nak selesaikan segera tetapikekangan dari segi logistik tempat dan Kerajaan Negeri juga berpandangan kalau kita ambil tindakan tanpa ada alternatif akan menimbulkan lagi banyak isu-isu yang sukar untuk kita

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

selesaikan. Ini yang menjadi, sebab itu kita mengambil langkah yang langkah yang penyediaan alternatif dulu sebelum kita ambil tindakan yang lebih tegas kepada, saya komited untuk selesaikan hal lembu ini dan kita memang dalam proses dan saya yakin boleh diselesaikan berperingkat-peringkat.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Berapa lama?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ini, jawapannya macam ni la, saya sebutkan tadi isu besar kita ialah tanah ini ialah pencerobohan. Dimana kawasan pertanian kita menghadapi masalah. Jadi nak keluarkan inipun lagi satu isu. Ni yang menjadi kekangan kepada kami dan walau macamanapun di peringkat PBT saya telah minta supaya disediakan maklumat lengkap mengenai berapa lembu dan anggaran setakat ialah disekitar jumlah keseluruhan disekitar 7000 ekor seluruh Selangor yang melibatkan ramai penternaknya dan kita akan sediakan tempat-tempat ini kita akan pindahkan dan saya yakin kita boleh siapkan dalam penggal ini lah. Saya cuba siapkan, selesaikan, sebelum habis penggal kita di kali ini. Memang tak boleh bagi masa. Saya tak nak bagi satu janji nak siapkan setahun tiba-tiba tak dapat siapkan. Itu lebih baik saya boleh sebut dengan cara lebih selamat lagi ya. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Meru

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ok kepada Y.B. EXCO, mungkin antara permasalahan yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan denda yang dikenakan kepada penternak ni terlampau rendah sedangkan kos nak menangkap lembu tu lebih tinggi. Mungkin ada perancangan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan apa nama ni denda dan sebagainya sebagai peringatan ataupun sebagai pengajaran kepada penternak-penternak ni aa kan. Tu yang saya nak tanya. Lepas tu mungkin sebagai satu input sebagai cadanganlah kalau boleh walaupun mungkin cadangan ni nampak mungkin boleh jadi isu. Macam penternak ni kadang-kadang kena diajar juga. Lembu-lembu yang telah ditangkap dan diberikan tempoh tertentu bila tak dituntut saya cadangkan supaya boleh dijual untuk hasil kepada Kerajaan Negeri. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Baik, itu cadangan tentang hukuman dan denda ni kita akan lihat dan kaji semula tapi satu hakikatnya ialah kita dapati bahawa ternakan lembu ni dikalangan yang terbiar ni nampaknya subur sekali. Ada satu tempat tu di kawasan Hulu Langat tak silap saya ada seribu ekor kerbau yang diternak secara tidak sah tempatnya. Seribu ekor yang diternak untuk susunya, kerbau, seribu ekor. Ini merupakan satu ..... sedangkan yang legalnya pula ternak tak berapa nak jadi. Jadi yang illegal pula subur. Jadi saya pun nak kena kajilah apasal jadi macam tu. Jadi hakikatnya kita kena selesai. Isu ini bukan isu kecil, isu yang besar kita perlu ambil dengan penuh berhemah untuk selesaikan dalam masa sama kita akan

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

melihat dari segi denda dari segi penguatkuasaan dan juga dari segi alternatif penyediaan tempat bagi lembu-lembu ini ya. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelik.

**Y.B.TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Y.B. Puan Timbalan Speaker. Soalan saya No.35.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW (N56 SUNGAI PELEK)**

#### **TAJUK : MASALAH DENGGI**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan kadar kes demam denggi tertinggi di Malaysia, apakah tindakan terbaru bagi mengurangkan kes denggi dari terus berlaku?

#### **JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Y.B. Sg. Pelek. Terima kasih Y.B. Puan Speaker. Puan Speaker soalan berkaitan Denggi ini termasuk soalan No 35 daripada Yang Berhormat Sungai Pelek, juga daripada Yang Berhormat Subang Jaya soalan 135, soalan 202 daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan dan soalan 271 daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baru. Jadi panjang sikit jawapan saya Y.B. Puan Speaker. Sebelum saya menjawab soalan ini ada perkara yang saya rasa semua Y.B. perlu tahu bahawa penyakit denggi ini adalah penyakit endemik bawaan vektor iaitu nyamuk Aedes. Dan apabila suasana atau keadaan yang ada wujud itu menggalakkan pembiakan nyamuk ini maka insiden denggi akan meningkat mendadak terutamanya dalam musim hujan dan apabila mobilisasi manusia itu tinggi dan kita juga kena tahu bahawa nyamuk Aedes ini mampu bertelur di dalam air yang sangat sedikit sebesar 20 sen itu. Kalau dalam tutup botol mineral itu sudah boleh bertelur di situ. Ya, bukan itu sahaja telur ni pulak boleh bertahan sampai 6 bulan dalam kekeringan. Makna apabila tiba musim hujan dan bekas tadi diisi dengan air maka nyamuk ini boleh menetas, telur ini boleh menetas, dan yang paling yang saya kira mungkin ramai yang tidak tahu bahawa nyamuk Aedes ini sekiranya sudah terjangkit dengan virus Denggi ini apabila ia bertelur telurnya sudah mengandungi virus Aedes,

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

virus Denggi. Bermakna menetas saja telur maka nyamuk yang keluar itu adalah nyamuk yang sudah ada virusnya.

Jadi bila kita faham tentang kitaran kehidupan nyamuk ini maka kita tahu bahawa yang paling penting dalam pencegahannya adalah memastikan tidak ada tempat pembiakan nyamuk Aedes ini, ya. Jadi biasanya kita amat rasa selesa dalam *comfortable zone* bila dengan izin apabila ada penyakit ada kes denggi kita selalu minta *fogging*, ya ataupun apa ni, Bahasa Malaysia dia, *fogging* ini dan kita semua memohonnya kerana kita rasa selesa kita telah bunuh nyamuk Aedes dewasa. Tapi selepas tiga hari empat hari selepas itu nyamuk baru yang keluar yang menetas juga telah mengandungi denggi virus denggi ini. Jadi Y.B. sekalian, semua kita perlu tahu bahawa pencegahan lebih baik daripada rawatan dan dalam pencegahan kawalan itu hanya sekunder jadi dalam pencegahan nombor satu adalah kebersihan, nombor dua adalah kebersihan, nombor tiga adalah kebersihan dan tidak lain daripada itu pastikan tidak ada tempat pembiakan nyamuk Aedes ini.

Kerajaan Negeri telah sebenarnya daripada tahun-tahun sebelum ini sememangnya tahu bahawa Negeri di Selangor adalah yang paling tinggi di dalam insiden penyakit Demam Denggi ini dan telah memperuntukkan sebanyak 3 juta untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan pencegahan Denggi di Negeri Selangor dan tahun ini pun lagi 3 juta diperuntukkan yang disalurkan melalui Ahli-ahli Majlis kita sejumlah 1.248 juta dan peruntukkan daripada ADUN-ADUN sekelianpun 10 ribu daripada peruntukkan Y.B. ADUN sekalian perlu melaksanakan program-program pembasmian nyamuk Aedes ini ya. Dan itulah sebabnya kita perlu melibatkan keseluruhan masyarakat di akar umbi untuk mencegah nyamuk Aedes pembiakan nyamuk Aedes ini. Y.B. Kuala Kubu Baharu Bertanya apakah kaedah penghapusan nyamuk Aedes sejak tahun 2018 ini. Saya sebut dengan sepintas lalu ya Y.B. Langkah-langkah kawalan ini ada langkah yang sudah timbul baru ada laporan ada penyakit denggi, demam denggi. Ini ada langkah-langkah kawalannya:

- i. Pemantauan kes yang dilaporkan secara harian di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat;
- ii. Melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan seperti Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes, Semburan Racun Termal untuk nyamuk dewasa (*fogging* dan *ULV*) dan Semburan Racun untuk membunuh larva (*Larvaciding*);
- iii. Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti terlibat – ceramah, perbincangan kumpulan kecil, tunjuk cara, nasihat individu, hebahan awam, risalah, poster dan media.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

- iv. Menggerakkan komuniti melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes.
- v. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

Untuk langkah-langkah pencegahan Yang Berhormat ialah pemantauan indeks pembiakan aedes di kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam yakni akan dilakukan dengan mencari larva di mana ada larva dan di situ akan menunjukkan kadar pembiakan nyamuk yang tinggi. Kedua melaksanakan aktiviti Penghapusan Tempat Pembiakan Aedes kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam. Ketiga melaksanakan Semburan Kabus atau *fogging* pencegahan di kawasan yang mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi. Keempat melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan melaksanakan sekali lagi aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti setempat.

Yang Berhormat Bukit Lanjan juga bertanyakan jenis bahan kimia yang digunakan untuk *fogging* dan kesannya kepada alam semula jadi. Racun serangga yang digunakan perlu didaftarkan terlebih dahulu oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP), Kementerian Pertanian Malaysia. Racun serangga tersebut perlu mematuhi kehendak kesihatan awam dan penjagaan alam sekitar. Dua kelas racun serangga yang digunakan ialah *Organofosfat* dan *Sintetik Piretroid*. Bagi memastikan pekerja-pekerja *fogging* sentiasa sihat dan selamat mereka perlu mematuhi Akta Racun Serangga Perosak, 1974. Operator menjalankan semburan perlu dilatih dan kompeten. Mereka perlu menggunakan kelengkapan pelindung diri. Sebelum aktiviti semburan termal (*fogging*) dilakukan, hebatan awam untuk penduduk supaya mengambil langkah-langkah pencegahan seperti menutup minuman, makanan, membawa haiwan peliharaan keluar dari kawasan semburan. Panduan penggunaan racun serangga juga dilakukan supaya ia disimpan, digunakan dan dilupuskan dengan betul.

Yang Berhormat Sungai Pelek, Yang Berhormat Subang Jaya, Yang Berhormat Bukit Lanjan dan Yang Berhormat Kuala Kubu Baru bertanyakan dasar dan strategi baru Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan kes demam denggi di Selangor.

Kerajaan Negeri pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan menggunakan tambahan strategi baru dalam kawalan dan pencegahan denggi iaitu kawalan biologi menggunakan nyamuk Aedes dengan Wolbachia. Wolbachia adalah sejenis mikroorganisme yang hidup secara semula jadi dalam organ-organ pembiakan serangga. Ia wujud dalam kira-kira 60 peratus serangga kecuali nyamuk Aedes Aegypti. Oleh sebab Wolbachia tidak terdapat dalam nyamuk Aedes Aegypti seperti kebanyakan serangga lain, maka suntikan akan dilakukan di dalam makmal sebelum ia dilepaskan ke lapangan. Setelah membiak dalam jangka masa yang tertentu, kebanyakan nyamuk Aedes Aegypti di dalam kawasan itu akan mengandungi Wolbachia dan tidak mempunyai virus denggi. Inilah dengan harapan kita apabila kita melepaskan nyamuk yang ada Wolbachia dia akan mengawan dengan nyamuk-nyamuk

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Aedes liar dan sekiranya berlaku pengawanan ini, maka kalau nyamuk Aedes ini betina secara automatik semua anaknya juga akan berWolbachia. Jadi dia ada Wolbachia virus denggi tidak boleh membiak dalam kelenjar liur nyamuk tersebut. Dan maka dia akan tidak dapat mentrasmisi virus denggi ini. Negara kita adalah negara yang ke-10 untuk melakukan menjalankan kajian rintisan dan *insyaAllah* menjadi negara kedua selepas Australia yang akan menggunakan *approach* melepaskan nyamuk berWolbachia ini ke dalam kawasan-kawasan *hotspot*. Tapi kita tidak melepaskan nyamuk tetapi akan dilepaskan apa yang dilepaskan adalah telur-telur yang telah di infeksi dengan Wolbachia. Dan telur ini akan menetas dan seperti juga nyamuk dewasa yang telah ada Wolbachia ini dan akan mengawan dengan nyamuk-nyamuk liar itu.

Program lain yang telah kita tambah tahun ini kita sudah mulakan satu Program Selangor Bebas Aedes di Tempat Kerja dan Kuarters yang akan dilaksanakan bermula tahun ini. Semua agensi kerajaan sama ada agensi pusat, agensi negeri, jabatan-jabatan kerajaan akan dipertanggungjawabkan ke atas mereka kawasan-kawasan di bawah seliaan mereka dan kawasan-kawasan atau pun aset mereka mesti bebas daripada pembiakan nyamuk aedes ini. Jabatan Kesihatan Negeri melalui PKD akan melaksanakan penguatkuasaan kepada semua jabatan-jabatan. Jadi termasuk dalam ini Jabatan-jabatan Daerah, Jabatan-jabatan seperti TNB, JPS dan semua yang ada aset. Di mana aset mereka ini boleh jadi tempat pembiakan nyamuk dan sekiranya di dapati ada tempat pembiakan nyamuk mereka akan diberi notis dan *insyaAllah* Dato' Menteri Besar sangat komited, Ketua-ketua Jabatan di mana kawasan di bawah seliaan mereka, membiak nyamuk ini akan mungkin susah hendak naik pangkat agaknya ya, itu kata sayalah. Di mana dia akan di *help accountable* untuk apa yang berlaku. Ini telah dibuktikan berjaya dengan sekolah-sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, apabila ada kes denggi, jarang sekali ia dikesan pembiakan nyamuknya di sekolah kerana PPD telah meletakkan semua Guru-guru Besar bertanggungjawab di atas kawasan sekolah mereka supaya bersih. Jadi tidak ada nyamuk aedes dalam pembiakan jadi kalau anak kita dapat aedes bukan dari kawasan sekolah, dapat denggi bukan dari kawasan sekolah tetapi dari kawasan-kawasan lain ya.

Dan kita ada satu program lagi yang kita mulakan pada awal tahun ini apabila peningkatan denggi meningkat dengan mendadak lebih daripada 200% iaitu Kempen Selangor Gempur Aedes. Kempen Selangor Gempur Aedes ini melibatkan PKD, PBT dan kita telah mewujudkan *One Stop Crisis Centre (OSCC)* daerah bagi merancang dan menyelaras aktiviti kawalan denggi bersama agensi lain terutama pihak berkuasa tempatan bagi meningkat dan mengoptimumkan semua sumber di daerah ini. Kita telah bermula pada 7 Januari fasa pertama hingga 25 Februari dan kini kita bersambung dengan fasa kedua dan Kerajaan Negeri telah menyuntik RM500,000.00 untuk program Kempen Selangor Gempur Aedes ini, sekian Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baru.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Tadi daripada jawapan Yang Berhormat EXCO mengatakan untuk menghapuskan nyamuk aedes itu ialah kebersihan dan bukan lain dan bukan kebersihan saja. Tapi kita ini dapat nyamuk aedes sukaan air yang bersih. Ini mungkin adalah satu mesej yang tidak begitu tepat kepada semua yang berusaha untuk menghapuskan nyamuk aedes. Jadi bolehkah kita ada satu mesej yang lebih jelas macam mana untuk menghapuskan nyamuk aedes.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Baru. Sebenarnya bila saya maksudkan kebersihan di sini, kebersihan yang tidak menyebabkan takungan air. Tetapi memang berlaku bila kebersihan itu tidak dijaga misalnya banyak longgokan sampah, plastik-plastik yang hanya terbuka di situ juga boleh mengumpul air. Jadi kalau kita membersihkan semua tempat-tempat longgokan sampah kita telah mengurangkan tempat-tempat pembiakan nyamuk itu sendiri. Betul dia membiak di tempat air yang bersih itu sebabnya tadahan-tadahan air juga selalu diperiksa. Tadahan air ini perlu ditutup dan kita tahu perlu dimasukkan *larvaciding*. Sekiranya tadahan air ini dijumpai larva di dalamnya maka selepas mengosongkan air, bekas itu perlu dibersihkan daripada telur-telur yang ada di tepi-tepi juga. Jadi mungkin betul, *InsyaAllah* kita akan cuba memberi mesej yang lebih jelas, mungkin kebersihan di sini tidak dalam kepala tak terbayang air yang bersih, terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Terima kasih. Sebenarnya bila sebut fasal enggi ini, inilah isu yang selalu saya tanya kepada EXCO-EXCO sebelum ini. Dan kita nampak bukan semakin tambah berkurang, tahun mungkin tahun 2018 berkurangan pada kadar 6,563 dengan kematian 7. Tetapi yang paling menyedihkan kita pada Mac 2019, sebanyak kes 18,205 baru tiga bulan dengan kematian 17 orang. Ini membimbangkan rakyat kita, rakyat di Selangor ini. Walaupun ada tindakan-tindakan saya dengar tadi EXCO menerangkan itu perkara yang lain pula adalah perkara biasa dan ada pula yang terbaru tadi, kita alu-alukan kita hendak tengok kesannya. Tetapi bagi saya adakah Kerajaan Negeri Selangor menguatkuasakan sebenar-benarnya sekiranya berlaku ada takungan atau pun pembiakan nyamuk-nyamuk aedes ini di dalam kawasan perumahan masing-masing atau pun di kawasan rumah-rumah terbengkalai. Pemaju diambil tindakan dan seterusnya, jadi yang ini yang paling penting sebenarnya, sikap mereka sendiri. Walau bagaimanapun, saya memang amat kesallah sebagai rakyat Selangor saya cukup malu, ini betul bukan kawasan saya, tapi semua sekali. Bila tiga bulan saja tahun ini mendadak penyakit enggi ini kita rasa ini tanggungjawab bersama supaya kita tentukan tidak lagi orang kata makin meningkat lagi selepas ini, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seri Serdang.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Hulu Bernam. Suka saya mengatakan bahawa peningkatan 200% baru-baru ini memang Selangor tertinggi tetapi *pattern* dia atau pun corak peningkatannya memang di seluruh negara termasuk negara-negara jiran berkaitan dengan musim hujan kita. Ini bukan satu alasan tetapi untuk kita faham corak penyakit Denggi ini. Dan kita perlu mendidik semua orang. Penguatkuasaan memang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan daripada PBT dan juga daripada PKD. Dan sekarang ini kalau untuk makluman tempat-tempat pemberian adalah di tempat tumpuan-tumpuan awam seperti di pasar-pasar malam, pasar-pasar pagi, tempat stesen-stesen bas, rumah-rumah ibadat, kawasan-kawasan pembinaan ya dan juga kawasan-kawasan kebun haram. Jadi kita kena melibatkan rakyat tanamkan kesedaran kepada mereka bahawa ini adalah penyakit yang tidak boleh kerajaan semata-mata memainkan peranannya tetapi rakyat juga perlu mengambil sikap yang betul dalam hal ini. Saya ingin mengatakan bahawa Selangor mempunyai rakyat 6 juta dan kependudukan kita sangat padat. Dan kita mempunyai kawasan-kawasan yang kita semua tahu *hotspotnya* adalah kawasan-kawasan pangaspuri, kawasan-kawasan yang padat dengan manusia kependudukan. Jadi kesedaran ini perlu kita tanam bersama dan saya harap Yang Berhormat sekalian akan menumpukan usaha kepada kawasan-kawasan ini. *InsyaAllah* satu langkah baru yang saya telah buat keputusan dalam mesyuarat Denggi Negeri beberapa hari yang lepas ialah untuk menulis surat kepada Yang Berhormat sekalian tentang kawasan-kawasan wabak tidak terkawal dan *hotspot* di dalam kawasan-kawasan Yang Berhormat. Maka Yang Berhormat semua bertanggungjawab memantau kawasan-kawasan di dalam Adun-adun Yang Berhormat, sekian terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Baru-baru ini saya menerima surat yang saya kira menjadi edaran kepada semua Ahli Dewan Negeri yang saya kira maksud atau pun tujuan surat itu tidak jelas kerana surat itu dihantar hanya memaklumkan bahawa adalah cabutan daripada minit Mesyuarat MMKN. Dan memaklumkan bahawa perkara ini dibincangkan di dalam Mesyuarat MMKN pertama. Yang kedua selepas ini ada taklimat dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang saya kira baik usaha yang telah dilakukan. Kalau tadi disebutkan baru-baru ini ada perbincangan yang saya kira baik kalau sampai kepada semua Adun tetapi surat yang saya terima itu tidak jelas. Yang sepatutnya dia memberikan satu gambaran yang secara khusus apa yang perlu disampaikan kepada Ahli Dewan Negeri atau pun ada maklumat daripada EXCO Negeri dapat terangkan, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Saya tidak pasti minit mesyuarat yang mana. Kalau saya ingat yang dibincangkan adalah untuk kita melibatkan semua jabatan-jabatan Kerajaan, kalau tak silap saya. Itulah minit mesyuaratnya. Kalau saya tak silaplah. Ya. Untuk

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

melibatkan semua jabatan-jabatan dan semua ADUN-ADUN di dalam pemantauan dan pembasmian nyamuk aedes ini. Suratnya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Jadi ini satu-satunya minit mesyuarat yang saya terimalah dalam penggal ini. Dan saya ingat ditujukan kepada semua ADUN. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Batang Kali. Soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR** : Ingatkan Yang Berhormat bagi mencelah. Tak bagi celah langsung ... Yang Berhormat Puan Speaker, soalan saya nombor 36.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR (N07 BATANG KALI)**

#### **TAJUK : PEMBINAAN HOSPITAL**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membina sebuah hospital baru di kawasan Bukit Beruntung memandangkan kepadatan penduduk yang semakin meningkat saban tahun dan hospital Kuala Kubu Bharu yang terletak agak jauh dan sudah lama dan ini menyulitkan penduduk untuk mendapatkan rawatan?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Yang Berhormat Batang Kali telah bertanyakan mengenai sama ada Kerajaan bercadang untuk membina sebuah hospital baru di kawasan Bukit Beruntung. Memandangkan kepadatan penduduk seperti yang semua Yang Berhormat yang ada di sini telah nyatakan kepada saya semua kawasan DUN perlu kepada hospital yang baru. Sehingga pertanyaan ini dikemukakan, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor belum menerima sebarang permohonan daripada mana-mana pihak berhubung keperluan sebuah hospital di Bukit Beruntung. Sekiranya terdapat permohonan, kajian akan dibuat terlebih dahulu, memandangkan kadar penggunaan katil di Hospital Kuala Kubu Bharu yang terletak

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

36 kilometer dari Bukit Beruntung hanya 55.83 % daripada jumlah katil di hospital berkenaan. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER : Gombak Setia**

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Soalan nombor 37.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM (N17 GOMBAK SETIA)**

#### **TAJUK : GUGUSAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri untuk memartabatkan Daerah Gombak sebagai gugusan pendidikan sebagaimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 ?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Gombak Setia dan Timbalan Speaker. Pertama sekali bila kita sebutkan tentang gugusan pendidikan atau pun hub pendidikan sudah pasti salah satu daripada rujukan kita akan dipanggil sebagai *The Boston Of Malaysia* atau pun hub pendidikan *International Boston*. Dan bila kita membuat kajian-kajian dan juga beberapa rujukan terhadap Boston, sudah pasti kita agak tertinggal jauh di belakang kerana Boston antara pusat yang menggerakkan Boston sebagai *education hub* telah dibina pada tahun 1638 atau pun pada 1381 tahun yang lalu. Dan juga selepas itu 200 tahun kemudiannya, The MIT Mesocite International Technology juga dibina iaitu pada tahun 1852. Namun begitu pihak Kerajaan Negeri akan cuba mengoptimumkan keupayaan kita dalam memastikan idea dan gagasan *cluster* pendidikan tinggi termasuk di kawasan Gombak dan juga Serdang hingga ke Hulu Langat dapat direalisasikan. Untuk tindakan tersebut, Kerajaan Negeri merancang:

- i. Memastikan sistem pendidikan sedia ada berteraskan kepada keperluan dan kehendak industri dengan melibatkan institusi pendidikan, penyelidikan, pengindustrian dan lain-lain agensi Kerajaan dan swasta

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

- dicapai dengan penglibatan serta sokongan oleh agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri.
- ii. Menggalakkan penyelidikan dan inovasi di kawasan gugusan pendidikan yang berteraskan kepada lima bidang. Iaitu bidang *Food and Beverages*, *Aerospace*, *Machinery and Equipment*, *Electric and Electronic* dan *Lifecencess*. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan menganjurkan RND Fair yang dijangkakan pada bulan Oktober bagi menghimpunkan semua hasil-hasil penyelidikan universiti-universiti di Negeri Selangor terutama di gugusan Negeri Selangor supaya mereka dapat menghubungkan diri mereka dengan industri dan sekali gus menggabungkan industri untuk datang ke kawasan dan locality-locality terbabit untuk menyokong industri juga universiti serta graduan-graduan yang lahir daripada tempat terbabit. Dan yang
  - iii. Memperkuuhkan pembangunan infrastruktur pendidikan seperti pembangunan Wi-Fi dan juga jaringan pengangkutan awam serta kemudahan-kemudahan lain yang sesuai untuk memberikan kemudahan serta memastikan bandar-bandar pendidikan yang sedia ada dapat dibangunkan dengan baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, apabila kita melibat beberapa *lite richer* berkenaan Boston sebagai sebuah hub pendidikan, sememangnya antara tarikan penting ialah apabila graduan daripada sesetengah universiti itu kembali ke kawasan kota dan tempat tinggal mereka dan sekali gus ruang-ruang pekerjaan dan juga ruang-ruang industri yang berkaitan dengan dengan universiti dan graduan yang lahir daripada universiti terbabit akan tinggal dan bergerak di sana. Dan daripada situlah apa yang saya kita katakan gugusan pendidikan akan mencapai cita-cita dan juga gagasannya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER : Gombak Setia**

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : Terima kasih Y.A.B. Dato' Menteri Besar di atas jawapan yang saya kira cukup baik dan saya amat berminat dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk mencipta ekosistem yang dapat memangkin pertumbuhan kawasan-kawasan seperti daerah Gombak sebagai kawasan wilayah perkembangan ilmu. Namun begitu saya kira, apakah juga langkah kerajaan Negeri supaya ekosistem yang kita bangunkan ini, atau pun apakah langkah pembangunan Kerajaan Negeri supaya ekosistem yang kita bangunkan dia tidak hanya tertumpu pada graduan, mahasiswa atau pun pelajar tetapi ia juga dapat dimanfaatkan oleh masyarakat sekitar. Misalnya kalau kita sebut soal Wi-Fi dan sebagainya, sebagai prasarana untuk memacu kawasan tersebut menjadi sebuah hub keilmuan, saya kira

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Gombak juga harus mempunyai lebih banyak perpustakaan-perpustakaan desa memandangkan daripada senarai yang dikeluarkan oleh perpustakaan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor saya tidak melihat ada satu pun cadangan Kerajaan untuk membangunkan perpustakaan desa di dalam daerah Gombak. Sedangkan ini suatu perkara yang penting sebab bagi saya tujuan kita bukan sahaja untuk memelihara atau pun menyuburkan tradisi keilmuan, tetapi

**PUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalannya, Gombak Setia.**

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Ya. Saya tanya tadi langkah pembangunan awal Tuan Speaker. Dan sebab itu saya kira hasrat kita adalah untuk memasyarakatkan ilmu atau pun perkembangan ilmu itu pada masyarakat. Terima kasih.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih, Gombak Setia. Saya bagi contoh antara perkara yang akan kita laksanakan sudah pasti ialah keterlibatan warga mahasiswa dan pendidik di sesuatu kawasan dan *locality* universiti terbabit dengan komuniti dan masyarakat. Selain mereka terlibat dengan institusi-institusi lazim masyarakat seperti masjid, Jawatankuasa Kampung, dan surau dan sebagainya, kita juga menggalakkan keterlibatan mahasiswa-mahasiswi supaya mereka dapat berkomunikasi dengan masyarakat dan saya kerap memberitahu kepada pelajar-pelajar kita dan mahasiswa kita supaya melaksanakan program yang berteraskan komuniti *base* di persekitaran universiti berbanding datang ke Kuala Sungai Lembing, datang di kawasan yang begitu jauh kerana kita mahu kesan langsung daripada universiti mendapat maklumat dan mendapat manfaat daripada masyarakat dan penduduk sekelilingnya. Justeru, *Insha Allah* kita akan menyambut baik cadangan-cadangan dan mengambil maklum cadangan berkenaan dengan Pusat Pendidikan Komuniti Desa, Pusat Latihan Komuniti Desa dan juga bagaimana melibatkan semua masyarakat terbabit dan tenaga pengajar seperti pensyarah dan tutor di peringkat universiti institusi terbabit dengan komuniti dan masyarakat. Ini termasuklah pusat-pusat latihan, kalau kita ambil di Gombak antaranya, bukan semua universiti kita ada dekat 17 di Gombak misalkan kita ada juga kolej/Pusat Giat Mara Gombak dan saya kira ini bukan saja memberikan latihan, tetapi bagaimana mereka dapat menarik anak-anak muda terutamanya, terlibat dalam bidang teknikal dan vokasional. Dan ada juga kolej yang berasaskan Islam sebagai contoh Kolej Islam As-Soffa, *Islamic College As-Soffa* yang berada di Gombak yang saya kira juga boleh melahirkan graduan-graduan dalam bidang agama yang mampu untuk mendidik serta terlibat dengan program dakwah dan penjelasan tentang Islam di kalangan masyarakat. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER : Bandar Utama**

**21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Puan Jamaliah. Soalan saya nombor 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : FASILITI SUKAN DAN REKREASI KHUSUS UNTUK GOLONGAN OKU**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah terdapat sebarang facility sukan ataupun tempat rekreasi khusus yang disediakan untuk golongan OKU di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
  - b) Sekiranya ya, sila senaraikan
  - c) Sekiranya tidak, sila nyatakan adakah kerajaan akan mempunyai sebarang perancangan untuk menjalankan inisiatif ini

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Terima kasih Timbalan Speaker dan Yang Berhormat Bandar Utama yang bertanyakan tentang facility sukan khususnya untuk golongan kurang upaya. Pertamanya sebelum saya melanjutkan jawapan, saya ingin menarik perhatian kesemua Yang Berhormat- Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan mendukung siapa sahaja yang bersukan khususnya yang membawa bendera Negeri Selangor. Sama ada berbentuk sukan yang SUKMA atau PARA SUKMA yang membawa bendera kita, kita akan menyokong. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan kita mengambil berat mengenai kemudahan khususnya facility sukan untuk semua golongan masyarakat terutama dan termasuklah golongan kurang upaya. Kerajaan Negeri juga sedia maklum mengenai keperluan kemudahan sukan untuk golongan OKU ini. Dan bagi menjamin keselamatan dan keselesaan mereka, kita sentiasa mengambil berat.

Kerajaan berusaha untuk membangunkan kawasan sukan dan rekreasi yang *inclusive* bersesuaian, yang bersesuaian dengan mereka. Dengan usaha murni Kerajaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan sukan, demi memastikan tahap kecergasan fizikal dan kecergasan minda masyarakat sentiasa kekal tinggi, aktif dan sihat. Oleh

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

demikian, sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri telah memutuskan dan meminta Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Selangor untuk memberi dan bekerjasama dengan golongan-golongan OKU ini untuk mereka menggunakan kemudahan-kemudahan khususnya untuk persiapan SUKMA Malaysia 2020 nanti. Jadi, surat telah kita keluarkan kepada semua PBT-PBT dan kita akan *follow up* dari semasa ke semasa tentang kerjasama yang kita berikan di peringkat PBT.

Dan untuk makluman Yang Berhormat juga, kita juga akan *extend our relationship* dengan Jabatan Belia dan Sukan kerana mereka juga mempunyai kemudahan-kemudahan mereka dan kita akan memastikan bahawa atlet-atlet OKU ini tidak tertinggal dalam mereka menjalankan. Antara pusat latihan atlet OKU di Negeri Selangor adalah seperti Kompleks Sukan Majlis Bandar raya Petaling Jaya untuk sukan boccia dan renang. Dewan Serba guna Majlis Bandar raya Shah Alam (sukan pingpong, catur dan boling ), Kompleks Sukan Panasonic Shah Alam (sukan olahraga), Kompleks Sukan 3K iaitu Kompleks Sukan Kemudahan Masyarakat Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi sukan badminton.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, saya ingin memaklumkan kepada seluruh dewan Yang Berhormat ini bahawa, bukan sahaja dari segi kemudahan kita melihat tetapi Kerajaan Negeri juga telah memberi sumbangan sebanyak RM100,000.00 kepada mereka yang telah memegang pingat-pingat dalam Kejohanan PARA SUKMA yang diadakan di Perak baru-baru ini. Menunjukkan bahawa kita tidak memilih siapa-siapa sahaja untuk membantu, siapa sahaja yang membawa bendera Selangor, kita sentiasa mendukung sukan tersebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER : Bandar Utama**

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih.** Terima kasih kerana keprihatinan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Yang Berhormat EXCO saya cuma ingin minta sedikit penjelasan kerana apa yang saya maksudkan adalah fasiliti sukan yang bukan sahaja untuk golongan OKU atlet. Tetapi juga untuk golongan OKU orang biasa. Orang biasa-biasa, penduduk biasa-biasa. Kerana pendapat saya seperti yang diperkatakan Yang Berhormat EXCO hak untuk bersukan ini amat penting bukan sahaja untuk kesihatan fizikal tetapi juga untuk kesihatan minda. Jadi saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah fasiliti-fasiliti sukan ini juga terbuka kepada golongan OKU penduduk-penduduk biasa. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Cumanya kita nak maklumkan kepada Yang Berhormat,** bahawa kita mempunyai hubungan dengan Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri Selangor (PESRON). Mereka memberikan banyak pandangan tentang penglibatan OKU dan dalam hal berkaitan dengan golongan kurang upaya yang tidak menjadi atlet. PBT sangat

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

mengalu-alukan untuk membantu mereka terutama dalam memberi kemudahan-kemudahan kepada mereka di tempat-tempat yang dirasakan sesuai untuk mereka bersukan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bandar Utama.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Tambahan sedikit lagi Yang Berhormat. Saya nak tanya sehingga kini, untuk golongan OKU yang biasa sekiranya mereka ingin menyertai aktiviti-aktiviti bersukan dan sebagainya di manakah tempat-tempat yang boleh mereka pergi untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih. Kalau untuk sukan rakyat, bukan berbentuk *high performance game*, kita ada Jabatan Belia dan Sukan yang bekerjasama dengan PeBT kita. Dalam banyak program yang kita anjurkan dan tidak tinggal golongan-golongan kurang upaya ini. Tetapi, kalau sekiranya mereka tidak dapat menghubungi pihak-pihak ini, mereka boleh sentiasa datang kepada kita untuk memberi cadangan dan untuk kita anjurkan program khusus untuk golongan Orang Kurang Upaya ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 39.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**

**(N51 SIJANGKANG)**

### **TAJUK : INDUSTRI KITAR SEMULA PLASTIK DI DAERAH KUALA LANGAT**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkenaan industri kitar semula plastik di Daerah Kuala Langat. Apakah status pembidaan lambakan sampah plastik di Daerah Kuala Langat?
- b) Nyatakan laporan Bomba berkenaan kejadian kebakaran longgokan sampah dan kilang haram sisa plastik.

**JAWAPAN :**

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sijangkang. Pihak MDKL melaksanakan bidaan sampah plastik di daerah Kuala Langat di satu lokasi sahaja. Iaitu Lot 2627, Jalan Sungai Rambai di Kuala Langat. Bidaan dilakukan atas persetujuan pemilik tanah tersebut. Walau bagaimanapun, tiada pembeli yang berminat untuk membeli lambakan sampah plastik tersebut. Tindakan Notis 7A daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat di bawah Kanun Tanah Negara 1965 telah diberikan kepada pemilik tersebut untuk proses remediation tanah tersebut dan telah diberi tempoh kepada pemilik tanah tersebut untuk membersihkan kawasan sehingga bulan Mei 2019. Semakan terkini pada 4hb Mac 2019, pemilik tanah sedang giat menjalankan pembersihan. Untuk status 33 buah kilang yang telah dilaksanakan operasi, kesemua kilang tersebut telah tidak beroperasi. Daripada jumlah tersebut, 22 buah kilang telah dibersihkan sepenuhnya dan 11 buah kilang lagi dalam proses pembersihan dan dijangka akan bersih sepenuhnya pada bulan Mei 2019. Walau bagaimanapun, tindakan di bawah Seksyen 75, Akta Kerajaan Tempatan 1976 akan diambil sekiranya pemilik tanah masih gagal melaksanakan pembersihan di kilang tersebut. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih. 33 kilang haram yang beroperasi, kilang kitar semula ini ialah satu jumlah yang sangat besar dan saya kira bidaan gagal dan saya dimaklumkan ada *trans location* sampah-sampah ini dihantar ke Ipoh dan juga ke Pasir Gudang dan baru-baru ini kita dapat maklumat bahawa ada *trans location* sampah-sampah daripada Kuala Langat ini dijumpai di daerah Hulu Langat. Apakah asas yang diambil untuk menempatkan semula sampah-sampah ini ke luar daripada Selangor dan penguatkuasaan yang dilakukan saya kluatir selesai kawasan sampah di daerah Kuala Langat tetapi derita kepada negeri-negeri yang lain dan memberikan pencemaran yang sama kepada mereka dan soalan B, saya ingat belum dijawab lagi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Hanya satu bidaan itu hanya dilakukan di satu lokasi sahaja. Untuk 33 buah kilang yang telah ditutup, 22 buah kilang telah dibersihkan sepenuhnya dan di manakah saya rasa soalan daripada Yang Berhormat Sijangkang adalah di manakah sampah-sampah tersebut, sisa plastik tersebut dihantar ke mana. Ada satu senarai daripada JSPN telah diberi kepada kilang-kilang tersebut. Kilang-kilang tersebut, pemilik tersebut perlu menghantar sisa plastik mengikut senarai yang, senarai kilang yang diluluskan oleh JSPN. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan B masih belum dijawab lagi.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Soalan B ya, Yang Berhormat Sijangkang ingin mendapat laporan Bomba berkenaan kejadian kebakaran longgokan sampah. Jawapan masih belum diterima daripada pihak Bomba. Jawapan saya akan dimajukan secara bertulis selepas saya terima jawapan daripada Bomba.

**PUAN TIMBALAN SPEKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Soalan saya yang ke 40.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

#### **TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UNTUK MASJID/SURAU DAN INSTITUSI AGAMA**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kriteria-kriteria yang di guna pakai untuk menentukan masjid/surau/institusi agama yang manakah yang akan di salurkan peruntukan untuk penyelenggaraan/naik taraf dari MBI ?

#### **JAWAPAN:**

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Timbalan Speaker dan Kota Damansara. Ahli Yang Berhormat sekalian.

- a) Kriteria masjid/surau/institusi agama yang layak mendapat santunan dan juga sokongan daripada program Corporate Social Responsibility MBI adalah seperti berikut :
1. Badan-Badan terbabit perlulah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam ataupun badan-badan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
  2. Bergantung kepada permohonan yang akan dilakukan ataupun yang telah dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Kuasa masjid/surau/institusi agama tersebut dan sebarang pertimbangan akan diberikan berdasarkan kepada keperluan dan keadaan institusi-institusi termasuklah dalam hal saiz, kapasiti dan keadaan fizikal institusi-institusi ataupun agensi terbabit;

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

3. Sumbangan adalah bertujuan untuk pembangunan, pengimaranan, meningkatkan kesejahteraan serta hal-hal yang layak dan munasabah oleh pihak masjid dan institusi-institusi yang mengajukan permohonan;
4. Aktiviti yang dijalankan hendaklah tidak menyalahi dasar atau undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sedia ada;
5. Semua pemohon-pemohon adalah diselaraskan oleh pihak MBI dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan permohonan yang tidak lengkap akan ditolak di peringkat jawatankuasa pemilihan ataupun tidak memenuhi kriteria-kriteria pemohon yang sedia ada;

Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEKER** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Terima kasih Yang Amat Berhormat atas jawapan tadi. Walau bagaimanapun, saya ingin penjelasan sama ada ada atau tidak peruntukan yang ditentukan untuk DUN Kota Damansara kerana untuk makluman Yang Amat Berhormat, di DUN Kota Damansara kita mempunyai lebih kurang 70 masjid, surau dan institusi agama. Jika ada kita nak tahu apa yang telah diperuntukkan atau anggaran peruntukan yang akan diperuntukkan untuk Kota Damansara.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Kita tidak meletakkan peruntukan berdasarkan kawasan dan *locality*. Sebaliknya kita meletakkan berdasarkan sektor dan juga *cluster* tertentu. Antara *cluster* yang diberi, pendidikan ialah antara diberikan tumpuan pertamanya pendidikan yang keduanya agama dan moraliti, yang ketiganya pembangunan sosial dan pembangunan kemasyarakatan dan yang keempatnya melibatkan hal-hal sosial, hal-hal pembangunan sukan. Ini adalah 4 *cluster* dan sektor yang dibidangkan dan ia berdasarkan permohonan daripada pihak-pihak yang terbabit kepada Menteri Besar Incorporated ataupun MBI di atas kemampuan dan keupayaan CSR Project mereka, namun begitu saya nak beritahu menjelang tahun 2019, kita akan mengetatkan prosedur dan peraturan supaya memastikan peruntukan dan permohonan itu adalah berdasarkan kepada keperluan-keperluan dan keduanya pihak MBI juga akan mula untuk memberikan dividen kepada pihak kerajaan negeri dan memungkinkan bahawa program CSR MBI akan sedikit

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

terhad kerana tumpuan program kebajikan dan sebagainya akan diselaraskan oleh pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.**

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan saya 41.**

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : MAJLIS TINDAKAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) SELANGOR**

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan dasar, pelan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) Selangor.
  - Senaraikan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyertai Majlis Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) Selangor.
  - Adakah negeri lain juga menubuhkan majlis seperti ini?

### **JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** : Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu ;

- Penubuhan Majlis Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) Selangor yang dikenali sebagai MTOS menzahirkan sokongan dan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mengiktiraf golongan OKU di Selangor agar turut sama berperanan positif di dalam arus pembangunan negeri serta membantu Kerajaan Negeri bagi memantau dan memberi saranan penambahbaikan demi kesejahteraan masyarakat OKU di Selangor.

MTOS telah menggariskan 11 pelan tindakan yang akan dilaksanakan dalam mencapai misi MTOS iaitu ‘OKU Berdaya, Masyarakat Berjaya’ seperti berikut :

- (1) Merangka Dasar OKU Selangor dengan menggariskan pelan jangka panjang dan pendek yang paling berkesan untuk semua kategori golongan OKU.
- (2) Meningkatkan advokasi dengan kempen positif tentang kesedaran dan hak yang dianjurkan secara besar-besaran untuk menyedarkan masyarakat tentang isu-isu penting berkenaan dengan OKU seperti kepentingan intervensi awal (EIP), kepentingan memberi pendidikan *inclusive* dan menggalakkan institusi menerima OKU untuk bekerja dengan peningkatan kerjasama pihak swasta.
- (3) Meningkatkan kadar pendaftaran dan pemeriksaan kesihatan dan akses kesihatan kepada golongan OKU di Selangor dengan mendukung

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

kepercayaan bahawa kesihatan dan akses kepada kesihatan adalah hak asasi manusia.

- (4) Menyediakan direktori OKU, direktori pusat intervensi awal, pusat kesihatan, pemulihan, terapi fizikal dan cara kerja, pusat latihan vokasional dan pusat pendidikan OKU atau mesra OKU di seluruh Selangor.
- (5) Menambahkan program latihan, pelan pemberdayaan dan advokasi untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU dengan menyasarkan sekurang-kurangnya jumlah 1% golongan OKU di dalam setiap syarikat/organisasi.
- (6) Merangka pelan penambahbaikan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang melibatkan kepentingan OKU di Selangor dengan meningkatkan penguatkuasaan dan kepatuhan kepada penjagaan hak OKU.
- (7) Meningkatkan pendidikan *inclusive* dengan menambah advokasi, program intervensi awal dengan penambahan pusat pendidikan intervensi awal (EIP) dan penambahbaikan program sedia ada dengan mensasarkan penglibatan semua tadika di Selangor di mana tadika atau taman asuhan setiap DUN akan menjadi mesra dan *inclusive* terhadap anak-anak OKU bagi mendapat pendidikan awal yang berkualiti.
- (8) Merangka pelan *accessibility* dan pembangunan infrastruktur mesra OKU dan mengenal pasti kaedah penguatkuasaan terbaik bagi menjadi ruang awam mesra OKU.
- (9) Merangka pelan untuk memastikan penglibatan dan penerimaan masyarakat terhadap OKU sama ada dari segi penglibatan sosial atau pekerjaan melalui penambahan sukarelawan bagi meningkatkan penglibatan orang awam dan masyarakat dalam penjagaan dan pemberdayaan golongan OKU.
- (10) Mengumpulkan data dan kajian bagi tujuan penubuhan Institut OKU Selangor sebagai sebuah institusi kajian, latihan tentang falsafah pendidikan OKU dan metodologi pemulihan OKU dan memperkenalkan pengajian latihan lanjutan bagi golongan OKU.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

- (11) Mengambil apa jua langkah yang difikirkan sesuai, patut dan bermanfaat di dalam usaha membangun, menganjurkan dan menguatkuasakan hak-hak OKU di dalam menjamin kesihatan, kebajikan dan pendidikan bagi OKU.

Untuk soalan kedua;

- b) MTOS diterajui oleh barisan ahli jawatankuasa yang dipilih hasil daripada Bengkel Sekretariat OKU yang diadakan pada 12-13 Oktober 2018 dan dihadiri oleh 43 orang wakil daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan jabatan/agensi kerajaan, ada 14 organisasi Yang Berhormat Kuala Kubu, nanti saya bagi dan masih terbuka kepada mana-mana NGO yang memperjuangkan hak OKU dan kebajikan OKU untuk bersama menyertai di dalam perbincangan-perbincangan MTOS. Selain daripada senarai NGO, jabatan dan agensi yang dinyatakan di atas yang 14 tadi saya belum sebut itu, MTOS sentiasa membuka dan mengalu-alukan penglibatan dan penyertaan kepada mereka yang ingin turut menyumbang dalam pemberdayaan golongan OKU di Selangor.
- c) Buat masa ini, Selangor merupakan negeri pertama yang menujuhkan Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) ini. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Kelang.**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan saya 42.**

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)**

#### **TAJUK : MANFAAT HUBUNGAN DENGAN MAHASISWA SELANGOR TIMUR TENGAH**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah manfaat jangka panjang daripada hubungan, program dan bantuan yang disalurkan kepada mahasiswa Selangor Timur Tengah?

**JAWAPAN:**

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Hulu Kelang dan Timbalan Speaker. Pertamanya, mahasiswa mahasiswi kita di Timur Tengah pada ketika ini berada di empat buah negara yang di dalam kelolaan dan kawalan Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam. Negara tersebut ialah Jordan, Maghribi, Mesir, Madinah dan Mekah dan di keempat-empat *locality* ini yang paling besar adalah di Jordan di maafkan saya di Mesir dengan anggaran kira-kira yang berdaftar adalah sekitar 2000 mahasiswa mahasiswi Selangor daripada keseluruhan 14,000 komuniti mahasiswa yang ada di Mesir sahaja. Manakala jumlah yang ada di Jordan adalah pada sekitar 200 hingga 300 seorang dan di Maghribi di bawah 30 orang pada satu-satu masa dan juga di Madinah dan Mekah juga pada kadar sekitar 20 hingga ke 30 orang pada satu-satu masa. Justeru, pihak kerajaan negeri setelah melaksanakan beberapa lawatan baik oleh Bukit Antarabangsa dan saya sendiri pada tahun lepas, melihat ada keperluan untuk mahasiswa-mahasiswa Timur Tengah ini berkumpul dan berhimpun untuk membincangkan beberapa perkara-perkara khususnya yang melibatkan persoalan ummah dan keilmuan. Yang keduanya berkenaan dengan isu-isu semasa termasuk hal kebijakan dan juga nasib mahasiswa mahasiswi di negeri dan juga di Timur Tengah dan sudah pastinya menimbulkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan negeri dengan bakal-bakal graduan-graduan Timur Tengah yang akan pulang khususnya menjadi pendakwah-pendakwah di Malaysia dan juga di negeri Selangor. Keempat, kita sudah pasti ingin membuka peluang lain kepada mahasiswa-mahasiswa dan graduan Timur Tengah di antaranya menceburkan diri dalam bidang teknikal dan vokasional dan tidak ketinggalan keterlibatan mereka dalam menyemarakkan dan menyuburkan industri halal selain terlibat dengan industri, terlibat selaku imam ataupun pendakwah selepas pulang dan selepas lulus dan bergraduan dalam pengajian mereka selepas ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Dato' Menteri Besar...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Menteri Besar. Jawapan yang telah diberikan, saya ingin buat penyelaras, pada bulan depan saya telah diundang ke sana dan saya telah minta penjelasan dan apakah peranan yang saya mainkan kepada Menteri Agama dan Menteri Pendidikan dan telah menjawab dan Menteri Pendidikan memberi tempoh masa lagi untuk memberi peranan yang boleh saya mainkan. ADUN Hulu Kelang di negeri Selangor apakah peranan yang boleh saya mainkan di sana?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Allah, hubungan ini tidak akan tamat dalam penyertaan konvensyen itu sahaja. Kita juga akan bersedia kalau Hulu Kelang dan beberapa ADUN yang lain bersedia untuk turun ke sana sendiri bertemu dengan masyarakat ini saya rasa kita perlu galakkan, kerana kita baru membuat keputusan

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

untuk membina atau membeli satu lagi rumah yang melibatkan mahasiswa mahasiswi ini sebagai contoh dan ini perlu diisi kandungan program dan sebagainya termasuk pertemuan-pertemuan bersama pimpinan-pimpinan dan juga beberapa model latihan kepimpinan termasuk program latihan persediaan sebelum mereka pergi ke Timur Tengah. Ini yang berlaku kerana sebahagian daripada mahasiswa mahasiswi ini mereka agak terkejut dan mereka agak mendapat boleh dikatakan *culture shock* dengan budaya yang ada di sana termasuklah bagaimana yang saya sebutkan longgarnya peraturan-peraturan hadir ke kelas dan sebagainya yang kadangkala memberikan kesan langsung kepada prestasi pendidikan terutama bagi pelajar-pelajar yang tinggal di Mesir sebab itu kalau diukur dari segi kualiti dan disiplin dan sebagainya berbanding di Mesir anak-anak mahasiswa kita yang berada di Jordan dan juga di Maghribi, nampak lebih kemas dan lebih teratur penampilan serta keupayaan mereka dan melalui konvensyen dan pertemuan-pertemuan ini lah kita yakin mereka akan dapat berhubungan dan berkomunikasi dengan lebih rapat selain dapat membina mahabbah antara anak Selangor dan juga Malaysia. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Baik terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Adakah Yang Amat Berhormat Sungai Tua menyediakan dari bahawa mahasiswa di Timur Tengah sama ada terutama dia di Jordan dan Mesir. Di sini ada 3 orang di kalangan Dewan dari Timur Tengah, kelulusan Timur Tengah. Baik. Adakah Yang Amat Berhormat menyedari bahawa selain daripada mahasiswa yang belajar dalam bidang pengajian agama Islam dan bahasa Arab, apakah Yang Amat Berhormat menyedari juga terdapat mahasiswa dalam bidang pengajian lain terutamanya bidang perubatan yang boleh dimanfaatkan sesudah mereka tamat pengajian untuk disumbangkan kepada masyarakat di negara Mesir dan Jordan. Silakan, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih atas ingatan itu, sudah pasti EXCO Kesihatan kita saya rasa graduan daripada *medical* di Mesir dan beliau turut akan terlibat bersama-sama dengan graduan-graduan ini. Namun yang besar dari keseluruhan jumlah graduan itu adalah daripada graduan jurusan agama ataupun syariah, dakwah dan sebagainya. Dan sebab itu kita ingin bertemu dan berkomunikasi langsung dengan pihak-pihak ini selain pegawai-pegawai kita yang sedia ada dan memang ada permohonan daripada Jordan sebagai contoh bila lawatan terakhir saya tempoh hari ada permohonan daripada mereka untuk kita menghantar pelajar jurusan kejuruteraan di universiti di Jordan selain daripada jurusan agama dan sebagainya kerana mereka juga berharap adanya lebihan mahasiswa-mahasiswa kita untuk dihantar ke sana. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, soalan saya ialah soalan yang ke nombor 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH MAMPU MILIK**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah status terkini pembinaan projek rumah Selangorku di PJS4?
- Apakah kategori pemohon yang layak untuk mendapatkan peluang memiliki kediaman di projek tersebut?
- Adakah rakyat di kawasan Taman Medan diberi keutamaan untuk pemilikan kediaman tersebut?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih kepada Timbalan Speaker dan juga Taman Medan yang bertanyakan tentang projek rumah mampu milik di Taman Medan sendiri ya. Jadi untuk makluman Yang Berhormat status terkini pembinaan rumah Selangorku di PJS4 yang dimajukan oleh Tetuan Tact Mission Sdn Bhd adalah sedang berjalan dengan lancar dan status kerja di tapak didapati teratur seperti mana yang dirancang. Berdasarkan laporan tapak yang dikemukakan oleh pemaju, kerja pembinaan secara keseluruhan telah mencapai 46% siap dan *insyaallah* kita yakinlah dia akan siap pada tarikh yang disasarkan iaitu tahun depan bulan September. Jadi melalui LPHS kita juga yakin dia akan mendapat Sijil Perakuan Siap dan pematuhan pada ketika itu.

Jadi bagi soalan yang kedua projek ini sebenarnya telah diberikan kelulusan kelonggaran syarat kepada pemohon di bawah program Penawaran Terbuka (Open Day), ia ada satu hari yang dibuka untuk orang awam, pada 24 Mac tahun lepas. Kategori pemohon yang layak untuk mendapatkan peluang memiliki Rumah Selangorku Jenis D ini tertakluk kepada syarat Penawaran berikut :-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur 18 tahun dan ke atas;
- Pendapatan pemohon tidak boleh lebih RM10,000 sebulan.
- Pemohon tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor.
- Pemohon yang telah memiliki rumah kos rendah (Jenis A) selama lima (5) tahun dan ke atas boleh memohon Rumah Selangorku Jenis B, C dan D. Sebab kalau jenis A ni sebenarnya kita hanya hadkan kepada mereka

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

- yang berpendapatan RM3,000 ke bawah dan syarat mengemukakan surat permohonan bersekali dengan salinan Perjanjian Jual-Beli yang awal.
- vi. Pemilikan rumah bukan berdasarkan isi rumah tetapi berdasarkan individu;
  - vii. Permohonan pindah milik hanya dibenarkan selepas 5 tahun dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;
  - viii. Pemohon perlu berdaftar di atas talian laman sesawang LPHS.

Jawapan bagi pertanyaan (c); kelayakan permohonan penduduk di kawasan Taman Medan bukan menjadi faktor keutamaan kepada penawaran tersebut tapi adalah tertakluk kepada syarat yang saya bacakan tadi, apa yang saya senaraikan tadi dan itulah supaya dia terbuka kepada yang memenuhi syarat tersebut. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Yang Berhormat EXCO, saya nak bertanya, adakah perlu surat sokongan daripada mana-mana Wakil Rakyat untuk dapatkan rumah ini seperti yang pernah diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Kalau sekiranya permohonan dibuat secara *online*, apa-apa juga maklumat yang dikemukakan itu sudah cukup sebenarnya bagi sistem penawaran untuk memberi merit kepada pemohon. Tapi sebenarnya tidak juga lah menjadi satu kesalahan kalau sekiranya ada sokongan daripada pihak Wakil Rakyat di kawasan tersebut. Ya, tapi itu tidak bermakna lah mestilah semestinya mendapat ataupun mendapat merit yang lebih dengan surat sokongan tersebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Alhamdulillah, terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan tambahan saya berkaitan dengan Lembaga Rumah Selangor ini. Di kawasan luar bandar terutamanya di daerah Hulu Selangor, kita mempunyai tanah kerajaan yang agak masih luas. Adakah pihak Lembaga Perumahan Selangor bercadang untuk mendirikan Rumah Mampu Milik misalnya teres, teres setingkat yang berharga mungkin RM 150,000 ke bawah misalnya kerana di luar bandar ini lebih selesa dengan *landed* rumah setingkat, begitu sebagainya, mungkin di kawasan bandar mungkin rumah yang bertingkat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Batang Kali. Baik sebenarnya tidak ada halangan untuk membina rumah Selangorku ataupun rumah harga kawalan ini di kawasan yang mungkin tak berapa bandar lah, hanya mestilah ada permintaan di kawasan tersebut. Kita juga tidak mahu unit-unit rumah-rumah Selangorku ini dibina kemudian tidak ada permintaan. Jadi kita terpaksa menanggung

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

kos untuk menjaga unit-unit tersebut. Kalau sekiranya Yang Berhormat nampak memang ada keperluan terutama sekali bila dikatakan tanah-tanah tersebut adalah tanah kerajaan, mungkin boleh kemukakan cadangan tersebut dan saya nampak perlu dijalankan kajian, apa panggil yang *physibility studies* sama ada di tapak tersebut ada permintaan untuk rumah-rumah demikian.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kawasan di luar daripada bandar ni ataupun di pinggir bandar memang permintaan terhadap rumah-rumah bertanah itu lebih tinggi berbanding strata. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Timbalan Puan Speaker. Soalan saya 44.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

#### **TAJUK : INDUSTRI KESENIAN SELANGOR**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan industri kesenian Negeri Selangor?

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah diberi tanggungjawab dalam melestarikan dan mengembangkan kesenian Negeri Selangor. PADAT telah merangka dan melaksanakan berbagai-bagai program dan insentif dalam melestarikan warisan kesenian Selangor, antaranya:-

- 1) PADAT telah mengetengahkan dan memartabatkan seni muzik cempuling etnik Jawa untuk diiktiraf sebagai permainan muzik Selangor. Program untuk merakyatkan muzik ini telah bermula dengan menubuhkan kumpulan cempuling di tiga belas (13) buah sekolah terpilih dari seluruh daerah dengan membekalkan set cempuling berserta dengan tenaga pengajarnya. Walau bagaimana pun pada masa ini terdapat seramai 26 kumpulan cempuling yang telah didaftar di bawah PADAT. Bagi memastikan kesinambungan, insentif telah dilaksanakan terutama kepada kumpulan cempuling sedia ada dengan menganjurkan persembahan-persembahan dan pertandingan. PADAT juga sedang mengatur satu program gala iaitu mengadakan simfoni cempuleng yang dijangkakan akan menampilkan 300 orang pemain cempuling yang akan diadakan di Teater Shah Alam. Tarikhnya akan bergantung kepada kesediaan pelapis-pelapis muda tadi mampu untuk mengadakan persembahan ini. Antara kejayaan program

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

cempuling ini ialah mencatat “*Malaysia Book of Record*” dengan bermain cempuling selama 25 jam tanpa henti.

- 2) PADAT juga telah berjaya mengadakan bengkel pembuatan alat-alat muzik tradisional pada tahun 2018 yang lalu dan telah dapat melatih seramai 35 orang peserta. Sebahagian pelatih ini diharapkan akan dapat bergiat dalam pembuatan alat-alat muzik tradisional yang semakin pupus, bagi tujuan kegunaan permainan muzik atau untuk dijual sebagai cenderamata pelancong.
- 3) Bagi skala yang lebih besar PADAT sedang dalam rangka menubuhkan Muzium Tekstil Selangor di Bangunan Anggerik Shah Alam di mana muzium ini bukan sahaja mempamerkan hasil seni halus tekstil tetapi juga menjadi pusat pengembangan dan pembuatan seni tenun berbagai-bagai jenis tekstil di antaranya tekat gubah, membatik, songket, kelingkam, telepok dan sebagainya. Program ini adalah dalam rangka membangunkan semula industri kraf untuk tujuan komersial terutama yang berunsurkan warisan Selangor.
- 4) Pihak PADAT sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dalam menganjurkan Ekspresi Tari Selangor setiap tahun. Program ini bertujuan menghimpunkan pelajar sekolah dalam pertandingan tarian bagi kategori Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Terbuka. Kaedah ini adalah cara berkesan untuk mendedahkan dan menanam minat kepada generasi muda terhadap seni tari dan muzik tradisional.
- 5) “Semarak Warisan” merupakan program kesenian yang dilaksanakan pada hari Ahad minggu kedua setiap bulan. Program ini diadakan di lobi dan perkarangan muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam. Antara aktiviti yang di laksanakan adalah berbagai-bagi permainan tradisional, konservasi artifak, mari bermain muzik tradisional, cara berbusana, dan mengenali tarian kita.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Selat Klang, mohon duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi Pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Sambungan Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan Yang Berhormat Pandamaran untuk menyambung perbahasan.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker.

**DEWAN** : Lembutlah sikit. Lembut sikit. Lembut sikit.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE** : Ya. Oooo. Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya sambung hujah, perbahasan semalam. Ok, selain daripada pekan Pandamaran, Pelabuhan Klang yang di bawah DUN Pandamaran, jalan-jalan di Persiaran Raja Muda Musa dan Jambatan Simpang Lima juga mengalami kerosakan. Jambatan Simpang Lima terletak berhampiran di Istana Alam Shah. Dan ianya dalam keadaan yang tidak menyeronok apabila dilihat. Istana Alam Shah menjadi tumpuan rakyat Selangor pada masa hari Kebesaran Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Malah keadaan *railing* jambatan tersebut dalam keadaan yang rosak dan masih tiada pemberbaikan dari tahun 2017 sehingga kini. Kelang dikenali sebagai Bandar Diraja. JKR persekutuan hanya meletak batu simen untuk dijadikan *railing* sementara di jambatan tersebut. Selepas *railing* jambatan itu dilanggar dan tidak ditukar ataupun diperbaiki. Keadaan ini mendatangkan rasa kebimbangan dari pengguna jambatan tersebut. Jalan-jalan dan jambatan tersebut di bawah penyeliaan JKR persekutuan. Malah, selepas pertukaran kerajaan persekutuan keadaan tidak bertambah baik. Oleh itu, Pandamaran mohon jasa baik kerajaan persekutuan dapat memberi peruntukan yang lebih untuk kerajaan, eh JKR di Kelang. Jika boleh kalau kerajaan persekutuan tidak mampu, mereka boleh meminta pertolongan daripada kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bekalan air merupakan keperluan paling asas di dalam kehidupan manusia. Oleh itu air Selangor perlu sentiasa memastikan bekalan air cukup. Selain daripada menasihatkan rakyat mengamalkan nilai penjimatan dan penggunaan dengan berhemah. Air Selangor telah memperkenalkan sistem *e-billing* sejak tahun 2018. Manah, malah menurut laporan pada 17hb Ogos 2018, hanya 11% iaitu 259,900 daripada 2,288,131 pengguna yang berdaftar dan menggunakan sistem tersebut. Ini telah menunjukkan sistem *e-billing* masih tidak dapat sambutan yang baik sehingga air Selangor perlu menghantar bil-bil melalui surat kepada pengguna. Ini telah menambahkan kos ke atas sistem ini. Air Selangor perlu cari cara yang lebih proaktif untuk menggalakkan pengguna mendaftar melalui sistem *e-billing*. Mungkin kalau boleh, air Selangor boleh memberi diskain kepada pengguna yang baru berdaftar. Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga memberi tumpuan kepada pencemaran alam sekitar. Dalam pencemaran air baru-baru ini di Taman Angan, Pandamaran ingin mengucapkan syabas kepada pihak polis yang berjaya menahan seorang pemandu lori dan dibawa menghadap ke mahkamah pagi semalam. Syabas sekali lagi. Pandamaran juga ingin mengucapkan syabas kepada Unit Bencana, LUAS

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

yang bertindak pantas untuk menangani masalah pencemaran dengan pantas. Pandamaran juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penduduk-penduduk di sekitar Kelang kerana dapat memberi info yang jelas dan tepat kepada agensi-agensi supaya mereka dapat bertindak pantas dan mengambil tindakan dengan tepat. Penduduk-penduduk memainkan peranan penting untuk memantau bersama agensi-agensi kerajaan tempatan. Selain daripada itu, wakil rakyat adalah memihak kepada rakyat sekitar dan baru-baru ini di Kelang, di Pandamaran di DUN Pandamaran kita menghadapi kutipan sampah yang diarahkan, yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kelang iaitu dipindah dari belakang ke hadapan kutipan. Dan bila penduduk kita ada dialog bersama penduduk, penduduk bantah sekeras-kerasnya kerana mereka mempunyai tong sampah simen dari sejak dulu Barisan Nasional sampai sekarang. Dan bila mereka sampaikan ke wakil rakyat ke Pandamaran dan kami minta mohon jasa baik majlis untukkekalkan tapi hasrat kita gagal kerana dalam mesyuarat jawatankuasa mereka telah bantah. Jadi saya mohon jasa baik sebab kita adalah wakil rakyat yang selalu peduli rakyat. Jadi saya mohon jasa baiklah kerajaan tempatan dapat mengekalkan hanya beberapa taman yang membantah sekeras-kerasnya. Oleh itu, untuk mengakhiri, saya ingin mengakhiri dengan menyokong penuh titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. *Bismillahhirohmanirrahim*. Assalamualaikum w.b.t. Salam sejahtera, terlebih dahulu Sungai Burong ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berbahas di dalam ucapan usul menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bersempena pembukaan sidang DUN Selangor 2019. Terlebih dahulu juga saya ingin mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan kepada Yang Berhormat Sementa yang telah dilantik sebagai Timbalan Speaker dan saya sangat berharap supaya Yang Berhormat dapat menjalankan tugas secara adil dan saksama untuk pastikan bahawa Dewan ini dapat melaksanakan tugas-tugasnya demi kepentingan rakyat dengan lebih baik dan berkesan. Puan Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang mengucapkan juga selamat datang dan tahniah kepada Yang Berhormat Semenyih kerana telah berjaya diangkat menjadi salah seorang wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat Semenyih. Semoga dengan kemenangan ini akan dapat memberikan semangat untuk Yang Berhormat bekerja keras demi memastikan kebajikan dan keluhan rakyat semakin terbela dan kita pasukan pembangkang telah bertambah lagi seorang dan *Insya-Allah* kita akan juga memastikan bahawa kita dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai *check and balance* kepada Dewan ini. Puan Timbalan Speaker, kemenangan ini juga menunjukkan bahawa terdapat kesedaran rakyat di dalam kawasan Semenyih tentang kegagalan kerajaan Pakatan Harapan menunaikan

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

janji-janji pilihan raya dan kerana itu terutamanya dalam isu-isu yang dekat di hati rakyat seperti menangani kos sara hidup, seperti isu menghapuskan tol, mengurangkan kos sara hidup dan penghapusan PTPTN yang menyebabkan akhirnya rakyat telah memilih untuk kembali kepada ke pangkuhan Barisan Nasional. Dalam Pilihan Raya Kecil yang sebelumnya di Sungai Kandis dan Seri Setia kemenangan diperoleh oleh Pakatan Rakyat kerana saya yakin pada masa itu mereka masih baru lagi selepas pilihan raya dan mereka menunggu-nunggu janji-janji yang dijanjikan dalam pilihan raya itu akan ditunaikan. Tapi setahun lebih, setahun dekat setahun kita lihat hari ini terdapat perubahan-perubahan tersebut. Saya yakin dan percaya kalau kerajaan Pakatan Harapan gagal menunaikan janji-janji manifesto dalam pilihan rayanya rakyat akan menolak kerajaan tersebut dan saya harap ini akan menjadi ingatan kepada kerajaan Pakatan Harapan sekiranya untuk mendapatkan kemenangan dalam pilihan raya yang akan datang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan. Minta penjelasan. Minta penjelasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Burong. Kampung Tunku. Eh Banting ingin mencelah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker .

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kampung Tunku. Eh Banting ingin mencelah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya. Bagilah sikit saya *chance*. Saya baru mukadimah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, sikit-sikit sahaja.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Kejap lagi. Lepas ni saya bagi, kalau ada masa, Puan Timbalan Speaker bagilah saya masa sikit 10 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ok lah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ha ya, 10 minit. Ok *Insya-Allah* saya banyak perkara yang saya akan

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Nak mengimbas kembali nostalgia..

## 21 MAC 2019 (KHAMIS)

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : ..di akhir nanti saya akan memberi peluang kepada Banting,

**DEWAN** : Promise.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : *Insya-Allah*. Ya, ini kawan lama. Hahahah. Dalam medan orang kata di DUN ini. *Insya-Allah* tak ada masalah. Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri, pertama di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar baru yang telah berjaya menarik banyak pelaburan di negeri Selangor. Ya. Ternyata daripada ucapan Duli Maha Mulia Tuanku juga, ya, ucapan tahniah itu juga diberikan atas usaha menarik pelaburan yang dengan ini dapat menambahkan kedudukan kemajuan ekonomi di Negeri Selangor. Dengan bertambahnya kilang-kilang baru yang dibuka dan kilang-kilang yang lama diperbesarkan. Ini bukan sahaja akan menambahkan kedudukan pembangunan ekonomi di Selangor, memberikan diharapkan memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di Negeri Selangor ini yang sangat memerlukan pekerjaan tapi juga *Insya-Allah* ia akan memberikan pembangunan yang melimpah ke kawasan-kawasan baru. Walau bagaimanapun pembangunan fizikal ini walaupun ia penting kerana ia memberikan nikmat kepada rakyat ia perlu dikawal sebab kalau kita tidak kawal dalam mereka melaksanakan operasinya mereka akan melepaskan sisa-sisa pepejal, sisa-sisa buangan daripada hasil pengeluaran kilang ataupun daripada usaha-usaha mereka jalankan ini yang akan menyebabkan pencemaran kepada kawasan di daratan dan juga di lautan. Dan ini juga sekiranya tidak dikawal dan ia berlarutan kita bimbang peristiwa yang berlaku di Sungai Kimkim akan berlaku di sungai-sungai di Negeri Selangor ini. Sesungguhnya teguran Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kerajaan Negeri Selangor melihat dengan serius sungai-sungai beberapa sungai, empat atau lima buah sungai di Negeri Selangor ini yang telah tercemar hendaklah dijadikan sebagai *wakeup call*. Ya. Kita lihat hari ini, kita dapati banyak sungai-sungai di Negeri Selangor ini telah terjejas dan ini juga telah menjaskan kualiti hidup setempat dan ia boleh mengundang padah. Sesungguhnya Allah telah berfirman dalam Surah Arrom ayat satu, ayat empat puluh satu iaitu **bacaan surah**, telah timbul pelbagai kerosakan dan bencana di darat *fillbahri* dan *walbahri* dan juga di lautan. *Bimakasabat aidinnas* dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh manusia. Ini yang berlaku di sungai-sungai Negeri Selangor yang perlu di ambil tindakan tegas oleh kerajaan di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato. Menteri Besar. Saya difahamkan jabatan yang berkaitan seperti Lembaga Urus Selangor telah ditubuhkan ya, Sungai Burong difahamkan juga usaha-usaha pemeliharaan dan pemulihan sungai-sugnai di Negeri Selangor ini telah bermula sejak kerajaan Pakatan Harapan ini mula mengambil alih sejak tahun 2008 lagi. Dalam bajet 2010 misalnya Dato' Menteri Besar yang lalu telah menentukan bajet pemulihan pembangunan Sungai

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Klang melalui pakej rangsangan ekonomi yang akan menarik peruntukan melebihi 50 bilion dan ini dibentangkan dalam 10 November 2019. Dalam bajet 2016 saya ingat lagi, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Bukit Antarabangsa telah juga ya, memaklumkan untuk membersihkan dan memelihara serta membangunkan Sungai Klang. Melantik Hebat Abadi ya, sebuah syarikat SDN. BHD. Untuk dengan peruntukan 5 juta untuk membersihkan Sungai Klang. Peruntukan sebanyak 15 juta lagi telah disediakan untuk mempromosikan Sungai Klang kepada dunia.

Saya amat bimbang tuan-tuan dan puan-puan kalau hari ini lah kita promosikan Sungai Klang ini kepada dunia dia akan hanya menjadi bahan gelakan dan ketawa sahaja kerana kita melihat hari ini Sungai Klang adalah seperti sungai-sungai yang lain masih mengalami pencemaran dan juga apa orang kata kekotoran yang sama walaupun ada gerakan, usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dari segi slogan untuk menjadikan sungai-sungai di Selangor ini bersih dan orang kata terpelihara daripada pencemaran dan baru-baru ini juga dalam bajet 2019. Yang Berhormat Dato' Menteri Besar yang baru ya, saya amat teruja kerana berusaha bersungguh-sungguh, bertekad untuk membangunkan Sungai Klang melalui pelan induk Sungai Klang yang telah diluluskan pada tahun 2018 bagi membangunkan projek Sungai Klang yang dikenali ya sebagai *Selangor Maritime Gateway*. Hah! Ini nampak hebat ya, saya boleh membayangkan *Selangor Maritime Gateway* mungkin kita boleh belayar ya daripada *river of life* di Gombak hingga ke muara Sungai Klang dan mungkin ke Pulau Indah dalam melayari seperti sungai-sungai di mana yang telah berlaku di Korea dan di Jepun dan ini sebenarnya yang telah di war-warkan dan sebuah syarikat iaitu Landasan Lumayan Sdn. Bhd. telah pun ya dilantik untuk melaksanakan tugas-tugas ini ataupun tanggungjawab ini.

Sungai Burong berharap ya sebarang juga pembangunan persisiran sungai ya jangan hanya dilihat untuk membangunkan ya orang kata bandar-bandar konkrit ya dan perumahan dan akhirnya kita lihat sungai hari ini hanya menjadi tempat pengaliran bahan-bahan kumbahan ya bahan-bahan toksik yang akan mencemarkan sungai-sungai tersebut. Saya sangat berharap kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang dinamik, yang baru ini ya akan meletakkan agenda ini secara holistik, inclusif, menyeluruh bagi memastikan supaya ia dapat mengelakkan daripada teguran daripada Duli Yang Maha Mulia masa-masa yang akan datang.

Tuan Speaker ya, saya juga melihat bahawa isu kepanasan global ya ini juga berkaitan dengan masalah pencemaran alam sekitar yang juga disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini menjadi satu perkara yang perlu kitajadikan sebagai agenda bagi sebuah Negeri Selangor yang telah menjadi sebuah negeri maju. Kita janganlah terlalu banyak berpolemik dan berpolitik ya kita harus melihat realiti keadaan di Negeri Selangor hari ini. Negeri Selangor tidak bebas daripada masalah kepanasan global dan hari-hari kita dengar dan kita melihat anak-anak yang pergi sekolah tak dibenarkan keluar padang ya kerana suhu terlalu panas. Hari ini, semalam kita melihat suhu telah

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

melebihi lebih daripada 33 celcius dan kepanasan ini bukan sahaja boleh menimbulkan *dehydration* tapi boleh menjelaskan kesihatan kita. Dan di samping itu juga kepanasan ini disumbangkan oleh masalah yang juga telah ditegur oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah masalah penebangan pokok-pokok. Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyarankan supaya ditambah pokok-pokok ya di Negeri Selangor ini supaya akhirnya apabila kita pergi ke Negeri Selangor mungkin kita seperti pergi beberapa buah negara Eropah yang telah melalui proses industries revolution yang telah menjelaskan pencemaran negara mereka tapi hari ini negara itu lah pulih penuh dengan pokok-pokok kehijauan dan juga keadaan suhu yang orang kata dapat memenuhi keperluan alam sekitar.

Tapi saya sedih, sebenarnya saya amat sedih apa yang berlaku hari ini dalam keghairahan untuk kita membuat pembangunan, meluluskan projek-projek pembangunan ya, pemaju-pemaju dibiarakan ya untuk orang kata menebang sebebas-bebasnya kawasan-kawasan yang asalnya ditumbuh oleh pokok-pokok dan kemudian mengambil masa yang lama empat atau lima tahun selepas projek itu siap baru ditanam dengan pokok-pokok baru. Saya ingin menyarankan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar kaedah untuk meluluskan projek pembangunan ini diubah ya kalau dulu kita membiarkan pihak pemaju ini walaupun ada diberikan ya syarat-syarat untuk mananam pokok tetapi hari ini mula aje pengurusan

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sungai Burong

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Apabila berlaku je orang kata kerja-kerja tanah hendaklah

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sungai Burong

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong, Taman Tempeler minta mencelah sekejap.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Boleh lalu tak. Ok lah. Ok lah... orang lama saya bagi lah.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Nak tanya pandangan daripada Sungai Burong. Teman dan juga rakan baik Sungai Burong di Kelantan yang mana kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Besar negeri Kelantan yang mana mereka menyatakan bahawa mereka akan tebang hutan untuk mendapat hasil pengeluaran balak. Jadi apa pandangan daripada Yang Berhormat tentang Kelantan menebang hutan, menebang balak untuk hasil pengeluaran negeri. Sila.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Templer ya. Eemm... saya tak ada masalah orang tebang pokok hutan ya sebab itu mungkin ada keperluan untuk pembangunan tapi kita memastikan bahawa lestari ya, lestari eko sistem itu dikekalkan. Itu di Kelantan. Saya cakap di Negeri Selangor ya. Negeri Selangor pun hutan-hutan ditebang ya kalau tanya dengan Jabatan Hutan dia ada perancangan selepas beberapa tahun hutan-hutan itu boleh

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Burong, Banting minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya tengah menjawab, saya tengah menjawab.

**TUAN SPEAKER :** Banting duduk dulu, tunggu giliran.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tunggu giliran ya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Jadi hutan pun boleh ditebang tapi yang saya nak bangkitkan ini ialah kawasan-kawasan di kawasan perumahan dan perbandaran yang dah tak ada hutan dah kalau dulu hutan sekarang dah jadi ladang ya kemudian ladang itu ditebang jadi sekarang perumahan-perumahan. Dibina dengan bangunan-bangunan konkrit dan bangunan batu dan akibatnya telah menimbulkan kepanasan global.

**TUAN SPEAKER :** Oleh kerana panas Yang Berhormat boleh landing. Masa dah sampai. Dah panas. Masa dah sampai.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Alamak saya ada lagi kawasan saya

**TUAN SPEAKER :** Masa saya dah bagi lebih daripada yang lain saya dah bagi lebih daripada yang lain ya. Landing. Banting tak perlu mencelah. Saya minta Sungai Burong landing.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ok. Sorry lah ya Banting. Ada satu lagi yang saya.. saya laju sikit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Alamak janji tidak ditepati.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ada satu lagi yang saya nak sentuh tentang tebang ni ya, yang pertama kita menyarankan supaya ditanam pokok dulu apabila kemajuan sesuatu kawasan dijalankan. Yang keduanya ni saya sedih di kawasan penampang depan mata kita ni di Shah Alam ini sendiri ya zon penampang saya telah bangkitkan dulu dalam Mesyuarat Dewan Undangan yang lepas di Projek ICT Selangor di kawasan penampang antara perumahan dengan kilang. Saya kata ini kawasan penampang yang telah ditanam pokok perlu dikekalkan tapi hari ini dijadikan kawasan laluan untuk ke bangunan perumahan Projek ICT di Negeri Selangor dan kita lihat kawasan penampang di sekitar jalan *federal highway* hari ini telah menjadi kawasan-kawasan yang telah dibangunkan. Di mana lagi pokok-pokok kita ada? Kita lihat pokok-pokok yang adapun telah mati. Betul tak Yang Berhormat pun tahu kita menyedut udara yang tidak sihat. Kalau kita Dewan Undangan ini kalau tidak ada

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

aircond yang boleh mengitar semula udara ramai orang nanti yang kena penyakit akibat pencemaran alam. Ok, Tuan Speaker. Saya ingin meneruskan ya.

**TUAN SPEAKER :** Dah habis masa. Dah tak boleh landing dah. Saya dah bagi masa tambahan pun dah bagi. Semua dah bagi dah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tanjung Karang, sawah padi tolong lah ya. Saya nak itu aje, bagi lah dua tiga minit pun tak apa.

**TUAN SPEAKER :** Oleh kerana Sungai Burong ini orang lama dan sawah padi saya bagi satu minit lagi.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ok. Terima kasih Tuan Speaker yang baik hati sebab saya bercakap ini pun bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan Yang Berhormat Speaker, Sekinchan ya.

Tuan-tuan, pesawah padi kita tahu padi ini merupakan *security of the nation* dengan izin ya kita tahu. Selama ini pesawah-pesawah ini yang paling taat. Mereka disuruh menanam padi sekali setahun, dua kali setahun, empat kali setahun pun dia ikut ya. Dia suruh orang kata gunakan pelbagai jenis apa juga nasihat lah, pakai baja ini, pakai racun ini ya. Buat sawah itu dia buat. Tapi kita tahu harga tak boleh juga naik. Terkawal. Ada harga minima ya jadi orang-orang sawah padi ini orang istimewa kalau dia orang tak keluarkan beras kita tak makan nasi. Itu dia.

Jadi saya minta sangatlah pada EXCO Pertanian ya kena lihat benar-benar perkara ini di mana kita perlu peduli dan prihatin kepada pesawah-pesawah ini. Kementerian Pertanian, malang ya apabila mereka telah memotong peruntukan untuk input-input pertanian ini. Membajak di kawasan Sawah Sempadan yang dah dibajak lah untuk musim satu tahun ini ya tak dapat duit bajak ya. Baja, dia kata nak bagi baja sekarang dah menuai baru nak bagi baja. Baja tu tak boleh pakai lagi. Akibatnya saya nak *share* dengan Tuan Speaker. Apa yang akan berlaku kepada hasil tanaman padi di Sawah Sempadan, Tanjung Karang pada musim ini.

Saya menjangkakan akan berlaku kemerosotan hasil mungkin pengeluaran di bawah 5 tan per hektar akan kita lihat kerana apabila kita badan tak sihat, tak dapat cukup vitamin, tak dapat cukup makanan. Apa akan jadi? Kita dah kurus kering. Padi pun akan kurus kering. Bukan sahaja kurus kering bila kita kurus kering kita punya antibodi pun lemah. Anti bodi padi pun lemah dan Tuan Speaker maha arif perkara ini ya. Kita di sawah padi ini ancaman yang terbesar ialah makhluk perosak kita boleh namakannya berpuluhan-puluhan makhluk perosak sentiasa mengambil kesempatan untuk melihat apabila anti bodi padi-padi ini dah tak kuat dan kerana itu saya menggesa supaya EXCO Pertanian turun lah selalu ya kawasan Tanjung Karang dan Sabak Bernam ini. Pastikan ya bahawa kaedah penanaman padi yang boleh meningkatkan hasil ini kita laksanakan sepenuhnya, jangan jadi retorik ya.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Saya menghormati masa Tuan Speaker saya sebenarnya ada dua tiga perkara lagi yang ingin bercakap mungkin dikesempatan lain. Jadi saya ucapan terima kasih sekali lagi kerana dibenarkan berucap. Saya menyokong Usul ini. Sekian. Wabillahhilitaufiq Walhidayah Wassalammualaikum.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Burong yang prihatin dengan petani. Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Salam sejahtera Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan yang dihormati sekalian. Jutaan terima kasih diucapkan kerana membenarkan Sungai Pelek menyampaikan ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Selepas pilihan raya yang lalu sebagai wakil kepada Sungai Pelek, pelbagai masalah permohonan dan aduan yang dibawa kepada saya ya selaku Ahli Dewan Negeri maka adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai Sungai Pelek untuk menyampaikan hasrat dan suara penduduk.

Pertamanya kami dari Sungai Pelek merasakan di sebalik ucapan tahniah dari kami di atas pencapaian dan angka yang memberangsangkan ke atas sektor perkilangan dan pelaburan langsung luar negara pihak Kerajaan Negeri mesti lah memastikan rakyat terbanyak mendapat faedah di atas kesemua pencapaian ini. Program yang menyumbang ke poket rakyat yang lebih banyak akan memberi kesan dengan izin *multiplier effect and velocity of money* yang baik untuk sosial ekonomi akan berlaku. Apa gunanya Kerajaan Negeri mempunyai rizab yang besar sedangkan rakyat menanggung sengsara akibat masalah ekonomi global.

Yang Berhormat Speaker, di dalam kesempatna ini saya bercadang untuk mengulas beberapa perkara pokok yang saya kira perlu diketengahkan bagi tindakan kita bersama mencari kata sepakat dan penyelesaian. Masalah infrastruktur, ekonomi dan perumahan rakyat, alam sekitar dan teknologi serta sistem penyampaian. Bak kata bidalan mari kita sama sepakat bukankah ia membawa berkat. Usah dikira darjat dan pangkat bulat manusia kerana maufakat.

Sungai Pelek yang berada di daerah Sepang di mana KLIA merupakan pintu masuk bagi pelancong dari luar negara namun amat menyediakan apabila infrastruktur seperti jalan raya masih lagi di tahap yang tidak memuaskan. Masalah kesesakan lalu lintas di waktu puncak sangat kritikal. Keluhan dari masyarakat yang merasakan pembinaan jejantas simpang Dengkil terlalu perlahan sebagai satu simptom khususnya masyarakat di Sungai Pelek semakin tertekan dengan kos perjalanan yang meningkat. Perancangan menyeluruh di dalam sistem penyuraian trafik amat perlu. Termasuklah mempertimbangkan bagi bersama-sama Kerajaan Persekutuan untuk menghidupkan semula projek jejantas yang terbengkalai di simpang jalan KLIA – Nilai, ke Kota Warisan seterusnya ke SIC yang telah terbengkalai lebih 15 tahun. Adakah jejantas yang terbengkalai ini yang kita akan tunjukkan kepada pelancong yang datang pada program yang tahun melawat Sepang yang dijadualkan pada tahun 2020 nanti? Seperkara lagi, saya ingin menarik perhatian berkenaan status pembinaan jalan pintas KLIA 2 ke Hulu Chuchoh yang mana Menteri Besar telah pun menjanjikan peruntukan

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

sebanyak RM1.9 juta pada tahun lepas. Namun masih tidak nampak sebarang perkembangan positif mungkin akibat dari kurangnya *vell power* dan keseragaman matlamat di antara pihak Malaysia Airport Berhad dan Pihak Berkusa Daerah Sepang. Saya ingin mengingatkan Kerajaan Negeri bahawa rakyat sedang menilai dan memantau prestasi kita sebagai Kerajaan. Dengan ini saya mencadangkan agar kerajaan negeri melibatkan Kementerian Pengangkutan, satu pihak yang mengawal selia Malaysia Airport Berhad (MAB) di dalam perbincangan perlaksanaan projek jalan pintas tersebut supaya dapat disiapkan secepat mungkin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah ekonomi di kalangan rakyat bukan hanya melibatkan B40, namun ramai di kalangan rakyat Selangor juga adalah miskin bandar di kalangan M40 yang juga perlu pembelaan. Mereka ini mewakili majoriti pengundi-pengundi di Selangor yang merasa kecewa terutama apabila cadangan supaya subsidi 20 meter padu air hanya dikhaskan kepada golongan B40. Saya ingin mencadangkan agar subsidi ini diteruskan seperti sebelum-sebelumnya dan dalam masa yang sama program bantuan khas untuk kelompok M40 ini ditambah baik dari masa ke semasa. Namun begitu, dalam meningkatkan pendapatan rakyat melihat kepada potensi kawasan Sungai Pelek yang di dalam industri pelancongan, kami telah dan sedang bekerjasama dengan Tourism Selangor merangka inisiatif projek berkaitan dengan *eco-tourism* dan *agro-tourism* dalam menjayakan tahun melawat Sepang. Beberapa projek telah pun dikenal pasti seperti menyusuri Sungai Sepang Besar, industri kerepek dan banyak lagi. Ini sekali gus dapat meningkatkan pendapatan produk penduduk khususnya di DUN Sungai Pelek sebagai sumber pendapatan alternatif. Namun, segala usaha ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa usaha sama dan sokongan dari Kerajaan Negeri. Kami mengharapkan agar pihak kerajaan dapat memberikan peruntukan geran dan promosi pelancongan untuk program-program pelancongan di sini. Berkaitan dengan jumlah bekalan perumahan yang tidak terjual dan harga yang semakin melambung tinggi, saya ingin mencadangkan agar harga syiling bagi membolehkan hartaanah tersebut boleh dijual kepada warga asing di seragamkan bagi semua zon kepada RM1 juta berbanding sekarang. Ini penting bagi memastikan perkembangan sosioekonomi penduduk setempat dan perkembangan jenis-jenis perniagaan dan industri hiliran yang berkaitan. Di samping itu, saya juga ingin menyarankan agar satu kajian menyeluruh dan segera dapat diambil terhadap jumlah kuota bumiputera di dalam satu-satu projek perumahan bagi mengurangkan jumlah rumah yang tidak terjual.

Yang berhormat Tuan Speaker, suasana yang bersih, persekitaran yang sihat juga sebagai salah satu daya penarik kepada industri pelancongan. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri menyediakan *masterplan* sekurang-kurangnya dalam tempoh 10 tahun akan datang ke arah Selangor yang lebih bersih dan hijau. Kita boleh lihat kejayaan di Pulau Pinang yang mana mereka berjaya menukar kawasan belakang kedai iaitu *backlane* yang kini terkenal dengan *street art*nya. Ia bukan sahaja bersih bahkan menjadi daya tarikan pelancong. Sebaliknya apa yang menyediakan di Sepang, khususnya di DUN Sungai Pelek laporan Jabatan Kesihatan Daerah masalah kes denggi pula yang semakin kritikal. Bagi tahun 2019 sehingga bulan Mac sahaja, kes demam denggi telah naik mendadak sehingga hampir 400% berbanding tempoh yang

## 21 MAC 2019 (KHAMIS)

sama pada 2018. Saya ingin mencadangkan tiba masanya pihak PBT mewujudkan semula pertandingan Zon Bersih di antara PBT seperti yang pernah dibuat sebelum ini. Pihak Kerajaan Negeri perlu selangkah ke hadapan dalam menggunakan teknologi terkini seperti *neroban* IOT dan *Artificial Intelligence* yang dapat membantu sekurang-kurangnya bagi membendung masalah kes denggi seperti saranan Menteri Kesihatan sendiri. Selaras dengan perkembangan teknologi terkini, terutama capaian *internet* sama ada 4G, LTE mahupun Unifi masih banyak lagi kawasan saya tidak dapat capaian *internet* yang sepatutnya termasuklah pejabat kami. Keperluan capaian *internet* yang baik amat penting bukan saja di dalam sektor perkhidmatan malah pendidikan dan industri perkilangan. Ini secara tidak langsung dapat menarik lebih banyak pelabur dari dalam dan luar negara bagi membuka kilang mereka di Sungai Pelek.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selaras dengan perkembangan teknologi terkini Kerajaan Negeri juga perlu membuat rangka kerja bagi membantu rakyat di Selangor agar dapat memanfaatkan perkembangan teknologi IOT dan Revolusi Industri 4.0 khususnya dalam meningkatkan *skill* dan kemahiran. Ini penting yang mana peluang perniagaan mahupun kerjaya di dalam bidang ini amat luas di masa akan datang. Saya ingin mencadangkan satu *incubator* khusus melibatkan IR 4.0 bagi usahawan-usahawan baru diwujudkan. Selain itu Kerajaan Negeri di bawah portfolio keusahawanan bersama kementerian dapat menyediakan geran pembangunan khas bagi usahawan di kalangan rakyat Selangor.

Yang berhormat tuan speaker, bak kata bidalan, membantu sama sendiri, kita ibarat jari jemari, bersatu teguh berdiri, musuh tiada usah dicari. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya menyentuh berkenaan kepentingan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Rugilah kiranya setelah pelbagai insentif dan perkhidmatan terbaik telah disediakan oleh Kerajaan Negeri namun sistem penyampaiannya gagal dan atau lemah kalau boleh bandingkan dengan sektor swasta ia umpama jauh panggang dari api. Apabila saya lihat bagaimana kesesakan di kaunter pejabat tanah, di pejabat SUK sendiri, rakyat perlu berbaris panjang untuk berurus di kaunter yang mana ini sepatutnya boleh disiapkan hanya dalam 5 atau 10 minit. Ini tidak sepatutnya berlaku di kala kita ini yang mempunyai pelbagai ideologi ICT yang membantu memudahkan urusan di kaunter, memperbanyakkan lagi jenis urusan di dalam talian *online* dan suatu sistem penyampai yang cekap amat memerlukan pemantauan yang terkesan oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sekali lagi ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana mengizinkan saya untuk turut serta di dalam ucapan menjunjung kasih. Izinkan saya tutup ucapan saya dengan membacakan terjemahan ayat Quran dari Surah *Nahl* ayat ke 90: "Sesungguhnya Allah SWT menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman, ia mengajar kamu dengan suruhan dan laranganNya ini supaya kamu mengambil peringatan mematuhinya". Dengan ini saya akhiri ucapan saya dengan menjunjung kasih titah ucapan dan titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian terima kasih dan salam sejahtera.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum* dan salam sejahtera, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang telah memberi laluan kepada Sungai Kandis untuk turut serta dalam perbahasan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sungai Kandis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih atas semangat *solidariti* rakan-rakan, ahli dewan terutamanya daripada DAP sama ada yang bukan Melayu ataupun bukan beragama Islam atas sokongan dan dokongan atas usul yang dibentangkan semalam. Insiden pembunuhan kejam di Christchurch, New Zealand baru-baru ini dan inilah semangat persahabatan yang utuh bagi menjaga keamanan dan kestabilan negara yang kita cintai ini. Esok hari Jumaat, genap seminggu peristiwa ini berlaku dan Perdana Menteri New Zealand melancarkan program *scarf day* sebagai tanda *solidariti* dan juga simpati kepada mangsa kejadian dan saya juga ingin mencadangkan kepada rakan-rakan dewan esok sama-sama kita memberikan sokongan kepada program *scarf day* ini. Pada ahli-ahli dewan yang bukan Islam memakai *scarf* sebagai tanda *solidariti* dan sokongan. Dan kepada yang lelaki sama-sama kita pakai baju Melayu sebagai tanda sokongan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Baju Kebangsaan.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Baju Kebangsaan ya. Ini sejarah dengan titah Duli Yang Maha Tuanku yang mahukan perpaduan dan kemesraan antara rakyat perlu dipupuk dan dipelihara untuk terus memastikan Negeri Selangor terus aman, sejahtera dan terus maju dan berkembang dengan baik. Sungai Kandis juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan semoga terus maju bersama kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang terus memacu pertemuan positif yang telah dicatatkan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan juga pembinaan. Syukur alhamdulillah, kerana juga jumlah pelaburan yang telah diluluskan juga terus meningkat dan sangat membanggakan, ini menunjukkan pelabur asing yakin terhadap sistem tadbir urus yang baik, yang bebas rasuah dan integriti yang tinggi di kalangan pentadbir Negeri Selangor. Sungai Kandis ingin mengesyorkan agar peningkatan jumlah pelaburan ini juga harus seiring dengan peningkatan jumlah peluang pekerjaan khususnya untuk warga tempatan. Apa maknanya, jika peluang pekerjaan dan rantaian ekonomi yang berhasil tidak memberikan peluang dan ruang kepada rakyat tempatan. Semalam kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO syarat untuk pelabur 70% mestilah pekerja daripada warga tempatan, tetapi satu kajian oleh Universiti Selangor tahun 2016 terhadap peluang pekerjaan mendapati bahawa hanya 18.5% sahaja pekerjaan dilakukan oleh warga tempatan manakala bakinya 81% dilakukan oleh warga asing. Jika keadaan ini berterusan maka satu kajian perlu dilakukan apakah usaha-usaha dan perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kualiti modal insan Negeri Selangor supaya peluang pekerjaan tidak terus direbut oleh warga asing. Bekalan air bersih, air adalah keperluan asas dalam kehidupan manusia di alam ini dan Allah SWT menyebutkan dalam Al-Quran (ADUN membacakan surah dalam bahasa

## 21 MAC 2019 (KHAMIS)

Arab) “aku jadikan dari air ini semua benda menjadi hidup, apakah kamu tidak percaya” daripada Surah Anbiya ayat 30. Justeru itu saya ingin mengingatkan diri dan seluruh rakyat negeri ini marilah sama-sama kita menggunakan nikmat dan anugerah Allah ini dengan berhemah dan bersyukur. Baginda Duli Yang Maha Mulia telah menitahkan bahawa penggunaan air domestik di Negeri Selangor telah mencatatkan kadar penggunaan air yang lebih tinggi berbanding kadar nasional. Saranan ini amat penting untuk diberikan perhatian, kerana penggunaan air bersih yang berhemah dan berjimat dapat menjamin bekalan sumber air yang berterusan. Sehubungan dengan itu, Sungai Kandis berharap agar institusi masjid, surau dan semua rumah ibadah di negeri ini dapat membuat penjimatan penggunaan air dengan menggunakan sistem kepala paip, sistem pancuran ataupun bidal. Ini adalah cadangan supaya setiap penggunaan air di Negeri Selangor ini dapat digunakan secara berhemah dan ia menepati *maqasid* syariah dalam perlaksanaan ibadah. Berkaitan dengan bekalan air ini juga saya ingin mengajukan keluhan dan juga aduan daripada rakyat khususnya di DUN Sungai Kandis berkenaan dengan tekanan yang rendah seperti mana yang dibangkitkan oleh ADUN-ADUN yang lain. Diharap dengan pengurusan baru, Air Selangor dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan lebih baik daripada perkhidmatan yang lama, kerana ini adalah amanah dan janji Kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat. Seterusnya, berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar. Sejak kebelakangan ini kejadian kebakaran hutan di sekitar Lembah Klang khususnya di kawasan DUN Sungai Kandis, di Dengkil dan di Kuala Langat yang tidak terkawal telah menyebabkan berlakunya bencana jerebu, hujan lebat yang luar biasa dan seterusnya menyebabkan banjir kilat dan memusnahkan alam dan kerosakan harta benda yang bukan sedikit. Sesungguhnya apa yang berlaku ini adalah akibat perbuatan tangan manusia seperti mana yang disebutkan oleh Sungai Burong tadi dan inilah sikap manusia yang perlu diberikan perhatian terutamanya oleh Kerajaan Negeri. Sungai Kandis mencadangkan agar pendekatan 2P iaitu penguatkuasaan dan pendidikan ditingkatkan. Sungai Kandis menyokong titah D.Y.M.M. Tuanku yang mahukan agar pesalah-pesalah yang melakukan pencemaran sama ada pencemaran sungai atau pencemaran udara dikenakan tindakan yang tegas dan hukuman mandatori. Titah dan nasihat baginda agar pegawai-pegawai kerajaan di Negeri Selangor dapat terus bekerja bersungguh-sungguh, berintegriti dan memberikan komitmen tinggi wajar diberikan tumpuan dan perhatian. Janganlah seperti yang diungkapkan dalam pepatah arab ‘*Hamiha haromiha*’ (penjaga itulah yang menjadi pencurinya). Kejadian-kejadian yang berlaku seperti tragedi Pasir Gudang, bencana jerebu yang sering berlaku patut dijadikan pengajaran tetapi apa yang berlaku sebagai contoh di kawasan DUN Sungai Kandis beberapa pusat pelupusan sampah haram yang seperti berleluasa sedangkan kita ada penguatkuasa, kita ada pihak berkuasa yang mengawal dan menjaga tetapi bagaimana keadaan ini berjalan seperti tiada kawalan. Saya pernah mendapatkan khidmat daripada Unit Bencana, unit Negeri Selangor untuk melihat seluas manakah kawasan yang telah diceroboh itu? Dan, daripada gambar dan juga daripada video yang diambil keluasan tanah itu mencapai tiga ke empat ekar dan bagaimana kita hendak membersihkan kawasan itu dan pastinya menggunakan duit rakyat untuk menjadikan kawasan yang telah diceroboh itu kembali seperti asal. Sungai Kandis juga ingin mencadangkan kepada para petani berkenaan dengan pembakaran terbuka kerana pekebun-pekebun masih menggunakan kaedah konvensional, cara lama untuk

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

membersihkan kebun mereka. Sedangkan kita sudah ada teknologi kompos, teknologi moden bagaimana untuk membersihkan kebun-kebun mereka apabila mereka hendak melakukan tanaman baru. Pihak-pihak yang berkaitan terutamanya agensi kerajaan hendaklah proaktif dan segera tampil membantu pekebun dan petani dalam usaha mereka menghasilkan produk makanan yang baik dan mesra alam. Pendekatan yang kedua, pendekatan pendidikan. Pihak Kerajaan Negeri melalui institusi pendidikan mestilah memberikan fokus dan keutamaan kepada pendidikan pelajar-pelajar di sekolah untuk menanamkan rasa cinta kepada alam, cintakan sungai, cintakan hutan dan mereka ini harus dilibatkan dalam program-program pembersihan parit dan longkang sebagai satu usaha untuk membangkitkan kesedaran. Kita lihat bagaimana rakyat negara Mesir menjadai Sungai Nil. Beribu tahun Sungai Nil mengalir ke seluruh Mesir daripada 2000 tahun yang lalu airnya masih jernih, hijau dan inilah menjadi sumber minuman rakyat Negara Mesir. Apa yang mereka buat? Pastinya pendidikan kepada rakyat betapa pentingnya sungai sebagai sumber minuman dan kehidupan. Kita tahu Negara Mesir hujannya hanya setahun dua kali. Ketika nak masuk musim sejuk dan ketika keluar habis musim sejuk. Jadi, kesedaran rakyat harus diberikan perhatian agar kelestarian hidup dan juga sungai-sungai kita dapat dibersihkan. Seperti mana yang disebutkan oleh Sungai Burong tadi berkenaan dengan Sungai Klang. Sebenarnya Sungai Klang sekarang ini jauh lebih baik daripada sebelum ini. Dan, kalau kita lihat program yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya telah membuatkan hasil Cuma belum maksimum dan kita lihat bagaimana negara seberang, Negara Indonesia mereka membersihkan Sungai Ciliwung daripada sebuah sungai yang hanyir yang busuk dan tidak layak dipanggil sungai tetapi hari ini kita lihat kejayaan setelah melalui berbagai-bagai program pembersihan.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Boleh celah dulu? Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Ada masa sikit lagi.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Silakan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis. Saya ingin bertanya sebenarnya kita tak perlu pergi jauh mungkin di Melaka sebagai contoh usaha-usaha membersihkan Sungai Melaka yang hari ini bukan sahaja sungainya bersih tetapi telah menjadi tarikan pelancong pada setiap minggu.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih Sungai Burong yang telah memberikan contoh tambahan. Maknanya selain daripada usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan sikap rakyat juga harus diberikan tumpuan di mana ada sebahagian segelintir rakyat yang mengambil jalan mudah membuang sisa-sisa kumbahan ataupun bahan-bahan yang terlarang ke dalam longkang dan parit akhirnya

## 21 MAC 2019 (KHAMIS)

membawa ke sungai. Dan di sini timbul penguatkuasaan, sejauh manakah penguatkuasaan ini dilaksanakan? Justeru itu, saya yakin dengan program jangka pendek dan jangka panjang untuk memelihara sungai-sungai di Negeri Selangor ini akan dapat dilaksanakan apabila pihak kerajaan memberikan bekerjasama dengan NGO, pihak-pihak persatuan ataupun kelab-kelab yang dapat membantu menggerakkan kempen kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat betapa pentingnya menjaga alam ini. Berbagai insentif boleh diberikan kepada syarikat dan institusi yang membantu menjayakan program pendidikan dan kesedaran ini. Dan berkaitan dengan penjagaan alam ini juga program kitar semula yang sepatutnya membantu kelestarian alam tetapi kadang-kadang ia menjadi tidak terkawal apabila ada pihak-pihak yang rakus mengejar habuan tanpa memikirkan kesan seperti membuat pembakaran terbuka kerana untuk mendapatkan metal ataupun tembaga daripada kabel-kabel seperti mana yang pelabuhan cerita kabel-kabel elektrik yang dicuri kemudian dibakar. Jadi, kesedaran di kalangan rakyat harus ditingkatkan dan ini kerana pencemaran tersebut mengganggu kesihatan manusia. Kadang-kadang manusia ini selagi dia tak kena batang hidung dia selagi itulah dia masih melakukan. Justeru itu, apabila berlakunya kejadian-kejadian seperti di tragedi di Pasir Gudang itu barulah kita kelam-kabut dan memberi reaksi sedangkan sepatutnya kita proaktif, kita bergerak ke depan, selangkah ke depan bagi mengatasi situasi yang sepatutnya tidak berlaku.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Kandis, *landing landing* ya.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** OK. Saya akan mendarat. Jadi, saya ingin juga membawa suara rakyat di Sungai Kandis berkenaan program pembangunan infrastruktur yang telah pun berjalan tetapi saya dimaklumkan terpaksa ditangguhkan setahun lagi yang akhirnya menimbulkan kesusahan kepada penduduk kerana masalah jalan yang gelap, kemudian trafik yang tidak teratur menyebabkan kesesakan dan juga pencemaran debu. Jadi, mohon kepada pihak berkenaan supaya untuk projek pembangunan akan datang tidak berlaku seperti apa yang berlaku di DUN Sungai Kandis. Buatlah amanah dan laksanakanlah tanggungjawab dengan integriti mudah-mudahan mendapat keredaan Allah S.W.T. dan Sungai Kandis menjunjung kasih di atas titah ucapan baginda yang saya kira wajar dilaksanakan. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*.

**TUAN SPEAKER :** Baik, terima kasih Sungai Kandis. Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN:** *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*, salam sejahtera, terima kasih Tuan Speaker di atas kebenaran diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor yang merasmikan Persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari Isnin yang lalu. Ucapan syabas dan tahniah jugalah kita ucapkan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar di atas kejayaan Negeri Selangor membawa pelaburan yang begitu tinggi dalam Negeri Selangor ini. Ini nak menunjukkan kepada kita bahawa pelabur-pelabur asing ini yakin dengan Kerajaan Pakatan Harapan yang memerintah di peringkat negeri dan juga peringkat persekutuan ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan

## 21 MAC 2019 (KHAMIS)

syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat daripada Paya Jaras, Sementa dan juga Semenyih yang telah dipilih ataupun dilantik ke jawatan masing-masing dan juga telah diberikan tanggungjawab. Jadi, kita mengharapkan kita semua Ahli-Ahli Dewan ini akan menjalankan tanggungjawab dan juga amanah yang telah diberikan kepada kita dengan sebaik mungkin. Saya ada beberapa perkara yang nak saya sentuh khususnya mengenai titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor soal berkaitan dengan pencemaran sungai, pencemaran alam sekitar yang dibawa oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor. Saya hendak minta kita dalam Dewan ini melihat soal berkaitan dengan isu pencemaran ini secara serius sebab kita nak wariskan bumi ini, kita nak wariskan negara ini, kita nak wariskan negeri ini kepada anak, cucu, cicit kita nanti yang akan menjadi kepimpinan yang akan jadi mewarisi negara ini. Bayangkan kalau andai kata kita nak wariskan negara kita ini, kita nak wariskan negeri kita ini, kita nak wariskan daerah kita ini kepada anak, cucu, cicit kita dalam keadaan air sungai pun kita tak boleh nak minum. Ini satu perkara yang bukan sahaja kerajaan nak kena tengok . Pembangkang pun nak kena tengok juga. Sungai Burong jangan pandang-pandang sangat. Saya tak akan bagi laluan. Bukan setakat kerajaan, bukan setakat pembangkang. Masyarakat dan rakyat pun seharusnya hari ini peka, bukan pekak. Soal berkaitan dengan isu pencemaran alam sekitar ini. Kita tak mahu sebab semua orang bercakap soal apa yang berlaku di Pasir Gudang. Bila dah kena barulah semuanya bingkas bangkit untuk bercakap soal berkaitan dengan pencemaran. Sebab itu kita nak minta. Kalau boleh di Dewan Yang Mulia ini, kita menguatkuaskan undang-undang berat bukanlah sampai hendak menjatuhkan hukuman bunuh tetapi mungkin hukuman berat yang mungkin kita boleh kenakan kepada pelaku-pelaku ataupun penjenayah-penjenayah yang mana mereka ini mengaut keuntungan. Penasihat Undang-Undang tenung saya pandang saya. Maksudnya bila tenungan itu kita nampak seolah-olah macam dia bersetuju. Sebab ini soal berkaitan dengan alam sekitar. Sebab kalau andai kata alam sekitar kita hancur bagaimana saya sebutkan tadi kita mewariskan dunia ini, bumi ini, negara ini, negeri ini kepada anak, cucu, cicit kita. Sebab itu perkara ini kita harus ambil perhatian yang sewajarnya. Sebab itu saya minta juga soal kempen, soal pendidikan, kalau boleh pendidikan soal berkaitan nak jaga alam sekitar ini, kita kena mula daripada tadika lagi kalau boleh. Daripada pra sekolah lagi kalau boleh kita nak mula. Jangan dah saya tak nak sebut bangkalah nanti Sungai Burong marah pula pada saya. Janganlah jadi umur 50, 60 tahun baru kita nak didik jaga soal berkaitan dengan alam sekitar ini. Yang ini kita kena tengok betul-betul soal berkaitan dengan pencemaran alam sekitar dan kita tak mahu perkara yang berlaku di Pasir Gudang, kita simpatilah, kita ucapkan takziah kepada Kerajaan Negeri Johor, kepada rakyat Negeri Johor yang ditimpa musibah. Apa yang berlaku di Sungai Kim Kim tadi ni. Kim Kim ni sungai ke nama orang? Sungai, sungai. Kim Kim, saya pun baru tahu lah nama sungai ni Kim Kim. Tapi tuan-tuan, saya dah pergi dah ke Pasir Gudang tu. Pergi dah, tengok dah. Macam mana sengsara, deritanya mereka yang kena. Yang pelaku ni tadi dia untung berjuta-juta, mungkin dia untung *billion*, yang ini. Sebab itu, di Selangor ni kalau boleh kita minta kita nak tahu daripada Kerajaan Negeri mana sungai-sungai yang tercemar ini kalau boleh kalau kita bersetuju, kita semua bersetuju ni mungkin kita boleh lantik di kalangan EXCO-EXCO dan juga ADUN-ADUN ataupun Ahli-Ahli Parlimen ni jadi bapa-bapa angkat kepada sungai-sungai ni. Bukan untuk tujuan apa, untuk kita. Untuk kita pantau. Untuk kita sama-sama ambil tindakan. Itu yang pertama, Tuan Speaker.

Yang keduanya soal berkaitan dengan penutupan pusat-pusat Tahfiz. Pernahlah bagaimana disebut tahun lalu. Saya ni kaki patah tu jadi masalah sikit tu bila nak bercakap tu kan. Kemudian duduk pula dah jauh sikit kan. Dah lari daripada mata ruang lingkup mata Speaker ni kan. Semalam Meru pun sebut dia kata nasib baik yang Titah ni Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Kalaulah yang memberikan arahan ini, pimpinan-pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan, yang salah pasti tiada DAP. DAP, jalan berlubang, yang salah DAP. Longkang tersumbat DAP. DAP ya, yang salah semua DAP. Speaker pun DAP (Ahli Dewan ketawa), tapi kita, kita nak sebut yang duk pelingkup duit Tabung Haji tu siapa? Siapa? DAP. DAP juga yang kena (Ahli Dewan ketawa). Yang duk pelingkup duit FELDA siapa? Itu tuan boleh jawablah. Sebab itu, soal berkaitan, soal berkaitan

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya nak, boleh saya mencelah?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Berkaitan dengan penutupan pusat-pusat

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Taman Templer, Hulu Bernam

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Pusat-pusat Tahfiz. Saya akan bagi *InshaAllah*. Saya akan bagi Yang Berhormat, saya akan bagi. Janji saya, saya akan bagi. Saya nak habiskan ni sekejap. Sebab itu, soal berkaitan dengan penutupan pusat-pusat Tahfiz sebab kita ada SOP dia. Kita tak nak pusat-pusat Tahfiz ni sebab soal berkaitan dengan nyawa ni, soal berkaitan dengan keselamatan ni, kita tidak boleh kompromi. Sebab tak ada pengalaman, enam (6) tahun yang dulu pernah berlaku di Hulu Langat. Macam mana satu pusat Tahfiz berlaku kejadian tanah, tanah runtuh.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Boleh mencelah?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Saya pun tak ingatlah masa tu berapa ramai yang

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Minta laluan

**TUAN SPEAKER :** Sg. Burong mohon mencelah

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ha?

**TUAN SPEAKER :** Sg. Burong nak mencelah

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tadi bagi Templer satu.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Saya bagi Yang Berhormat Hulu Bernam dulu.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ok.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya nak bertanya kepada Taman Templer sebab bila disebut Tabung Haji, saya salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Tabung

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Haji. Dulu. Dah kalau tu tak adalah, tahu kita fahamlah. Tapi, kita duduk dalam tujuan kita tahu perjalanan, kewangan, semua dan ini satu tuduhan fitnah. Dan, apa dakwaan ini yang telah dibawa ke mahkamah tentang penyelewengan kewangan dalam Tabung Haji. Kita tidak boleh bercakap sewenang-wenang. Begitu juga dalam FELDA, apa dia dakwaan yang dibawa ke mahkamah dan sebagainya. Sebab itu kalau kita bertugas sebagai ADUN, kita kena pandang-pandang di waktu siang, dan dengar-dengar waktu malam. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Saya mengikuti ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab Perdana Menteri yang sebut benda ni. Jadi, sebagai *internal* parti politik, sebagai ADUN, kita sebut baliklah apa yang disebutkan oleh Perdana Menteri. Dan kalau andai kata apa yang saya sebut itu tidak benar, kita tengoklah nanti. Tuduhan-tuduhan ataupun pendakwaan-pendakwaan yang telah dilakukan oleh, oleh pihak SPRM dan juga pihak polis yang sekarang ni, kita pun dah tahu sekarang ini, hanya menunggu saat detik dan juga ketika untuk sesetengah pimpinan-pimpinan UMNO dan juga Barisan Nasional yang akan menginap di istana di Sg. Buloh.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Boleh bagi?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Saya banyak juga nak bercakap ni. Saya bagi lah, saya bagi lah. Saya bagi. Saya bagi.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih. Saya cuma nak jadi pembangkang yang orang kata, yang konstruktif la bukan yang.. *Alhamdulillah Amin* (ketawa). Ini soal penutupan Tahfiz ni ya, saya nak minta penjelasan ya. Kita memang akur dengan Titah, atau komen Duli Yang Maha Mulia Tuanku, cuma dari segi cara pendekatan, saya rasa tujuan tu adalah baik untuk melihat Tahfiz-Tahfiz yang tidak mengikuti syarat-syarat keselamatan yang tidak, mungkin syarat-syarat di mana suatu bangunan untuk tujuan belajar itu tidak selamat. Jadi, satu lagi kaedah, daripada kita menutup, mungkin kita kena mengkaji dengan meminta supaya pemberian-pemberian dan syarat-syarat tu dipenuhi dan dengan cara ini kita tidak akan membantutkan perjalanan untuk mendidik anak-anak ini dari segi pendidikan agama. Setuju atau tidak dengan pandangan?

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Sg. Burong. Sebab itu, saya sebutkan tadi, dia pusat-pusat Tahfiz ni, dia ada SOP dia. Sebab itu tadi saya sebutkan, kita soal berkaitan dengan soal keselamatan ini, kita tengok dulu soal berkaitan, soal keselamatan ini. Kita tidak boleh berkompromi soal berkaitan dengan soal keselamatan ini. Dua, tiga tahun yang lepas bagaimana satu kejadian kebakaran telah berlaku di satu pusat Tahfiz di Kuala Lumpur yang mengorbankan saya rasa belasan nyawa anak-anak kita ni. Selain daripada itu, kita nak lihat juga selepas, selepas budak-budak ni, selepas para pelajar ni, yang hafaz Al-Quran ini mereka nak pergi ke mana sebab Titah Tuanku beritahu, setahun ada lebih kurang 15,000 para pelajar kita ni yang hafaz, yang hafal Al-Quran ni. Bukan mudah sebenarnya nak hafal Al-Quran, kita ni pun kadang-kadang nak hafal dua, tiga ayat pun kadang-kadang

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

memang kita susah. Ini budak-budak ni yang boleh hafaz Al-Quran ni. Kalau kita nak tempatkan mereka ni semua nanti di seluruh masjid dan juga di seluruh surau surau yang terdapat di seluruh Selangor ni, memang tak mampu untuk menampung. Sebab itu saya nak mencadangkan pihak Kerajaan Negeri supaya kita melihat juga persoalan berkaitan dengan pendidikan teknikal dan juga vokasional. Sebab kita nak lahirkan dalam Negeri Selangor ni, kita nak lahirkan dalam negara kita ini, pelajar-pelajar, kita nak melahirkan pekerja-pekerja, tak kisahlah mereka ni nanti nak jadi apa. Baik nak jadi Perdana Menteri ke tetapi Perdana Menteri yang dalam diri mereka ini ada integriti.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Mohon laluan, mohon laluan pada Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Saya bagi .. Dia tak bangun tu. Kuang tak minta.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** . Tadi minta, tapi tak bagi. Sampai hati Taman Templer. Tapi tak apa lah. Dah bagi ni, saya ucapkan terima kasihlah. Saya nak sebut berkenaan, saya nak sambung apa yang disebut oleh Templer berkenaan dengan kedudukan terutama keselamatan di pusat-pusat Tahfiz yang diberi kebenaran oleh JAIS. Tahap keselamatan yang disebut oleh Sg. Burong tadi sama juga lebih kurang. Tetapi, ni saya nak beritahu yang berada di Kuang, ada pusat Tahfiz yang bumbungnya terbang kerana pembinaan terhadap pusat Tahfiz itu tidak menepati piawaian pembinaan yang sebenar. Tetapi mereka mempunyai, mereka berdaftar dengan JAIS. Ini adalah satu daripada masalah. Sejauh mana tahap keselamatan dan piawaian ataupun SOP yang ditentukan oleh JAIS itu sendiri. Yang kita nak tahu sekarang ni sejauh mana. Apakah SOP yang, untuk diberikan pendaftaran itu kepada pusat-pusat Tahfiz untuk beroperasi. Saya serah balik pada Templer. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Itu Kerajaan Negeri kena jawab tu, bukan saya kalau nak kena jawab tu. Yang itu, soalan itu kita tujukan nanti kepada pihak Kerajaan Negeri. Cuma saya menyebutkan tadi, soal berkaitan kita nak lahirkan pekerja-pekerja. Ya, tidak mustahil satu hari nanti Perdana Menteri Malaysia seorang yang hafaz Al-Quran, yang tahu membezakan yang mana kaca yang mana permata.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Mohon laluan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Yang tahu membezakan dosa

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Mohon laluan.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** dan juga pahala. Kita tak nak jadi Perdana Menteri yang sapu, rembat, rompak, curi duit rakyat. Ini yang berlaku dalam negara kita pada hari ini. Sebab itu, kita nak

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Terima kasih sahabat saya Taman Templer. Jadi, sebenarnya bila, apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Taman Templer, sebenarnya perkara yang perlu diambil serius ya, beliau menyebut kata beliau bakal mungkin ada di antara mereka itu akan melahirkan

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

pimpinan-pimpinan. Jadi, saya nak berkongsi perasaan yang sama kerana saya juga graduan pelajar Tahfiz dahulu dari Darul Quran JAKIM yang mana apa yang dinyatakan, saya melihat bahawa banyak kewujudan institusi ini adalah suatu yang tidak tersusun, tidak ada buat. Bila ada guru-guru yang ada kemahiran mereka tidak diberi latihan ya. Dari segi berbagai-bagai aspek termasuklah dari segi kurikulum nya. Maknanya, apa kesinambungan, bukan sekadar aspek-aspek yang berkait dengan keselamatan tapi serius yang perlu diambil perhatian adalah dari segi apa yang boleh diambil manfaat daripada pendidikan tersebut. Terima kasih kepada Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih diucapkan kepada Taman Medan di atas penambahbaikan yang disebutkan itu tadi. Soal berkaitan dengan .. lagi kak?

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Boleh menambah? Bagi tak? Sedikit saja.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Saya bila banyak sangat orang kacau ni, jadi masalah juga kak. Kadang-kadang bila yang saya nak sebut tu kan,

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Sikitlah, hormat akak ni. Ok, apa pun terima kasih kepada Taman Templer. Bila menyebut soal Tahfiz ni tadi, kita kena tahu belajar Tahfiz ni untuk bukan setakat dunia tetapi akhirat. Itu yang paling penting. Sebagai seorang Islam kita tahu itu, bila kita hafal Al-Quran, apa kita punya pahala dan sebagainya. Itu kita tahu tak perlu dibicarakan di sini. Tetapi bila kedaiyan tahfiz-tahfiz ini adalah tanggungjawab bersama, sebab itu bila ada berlaku kebakaran di Keramat dulu sebelum ini. Masa itu Perdana Menteri masa itu telah menyediakan peruntukan begitu banyak untuk pusat-pusat Tahfiz ini. Naik taraf dan sebagainya, pendawaian, semua sekali diambil kira dan kita, Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri Selangor yang maju, bila disebut perkara ini, kita bantulah sekolah Tahfiz ini jangan lah kita biar dan kita bercakap dalam Dewan, tidak ada kesudahan. Kita lah tanggungjawab kepada pemimpin semua terutama yang beragama Islam. Kita minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengambil tindakan segera supaya membantu sekolah-sekolah Tahfiz ini bukan sekolah-sekolah swasta mana-mana pula. Itu pun dia bantu tetapi sekolah Tahfiz perlu dibantu. Kita memperjuangkan semua, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Saya nak mencelah sikit.

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer, masa saya bagi sikit lagi. Jangan bagi lah lain-lain pencelahan. Tak ada masa dah. Saya bagi minit yang terakhir.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** *InshaAllah* kak, Kerajaan Negeri kita bantu, *InshaAllah*, Kerajaan Negeri kita membantu pusat-pusat Tahfiz ni. Saya nak menyebutkan perkara yang ke-3, soal apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor soal berkaitan dengan kemudahan untuk orang kurang upaya. Buat masa ni, saya dalam kategori OKU tu. Dan saya lihat sendiri lah khususnya kita ni di Negeri Selangor ni, terutamanya, apabila berlaku persidangan ini, saya nampak kemudahan-kemudahan untuk orang kurang upaya ni saya mengharapkan agar pihak

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Kerajaan Negeri, juga pihak Dewan agar dapat lihat kemudahan-kemudahan yang dapat kita berikan kepada orang-orang kurang upaya ini dapat supaya disediakan khususnya di bangunan Dewan Undangan Negeri Selangor ini. Perkara yang ke-4 yang saya nak sebutkan adalah mengenai soal perpaduan yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Kita sebagai rakyat dalam negara kita ini, rakyat yang cintakan negara kita ini, yang sayangkan negara kita ini, kita tidak mahu negara kita ini berlaku peperangan, negara kita ini berlaku keadaan kucar kacir yang menyebabkan seluruh masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini berada dalam keadaan yang tidak baik. Sebab itu, pada saya kita kena membawa satu budaya politik baru pada saya. Politik sempit, politik sentimen perkauman, sentimen agama yang cuba dimainkan oleh sesetengah pihak yang menjadi kesukaran, menjadi kegusaran kepada kehidupan masyarakat. Pada hari ini, saya ingin mencadangkan politik sempit ini kita tolak dan budaya politik ini kita boleh bawa, kita boleh mulakan semasa kempen pilihan raya kecil di Rantau Negeri Sembilan nanti. Biarlah, biarlah hujah lawan hujah, fakta lawan fakta bukan hujah lawan dengan fitnah. Bukan fakta lawan dengan auta benda yang tak ada kita adakan. Kita bawa satu pendekatan budaya politik baru, ya kita tidak ada masalah kalau andai kata nak hentam, nak tibai, nak balun Pakatan Harapan. Soal tidak menunaikan mungkin separuh daripada janji dalam manifesto kita semasa dalam Pilihan raya Umum yang lalu. Kita tidak ada masalah, kita boleh jawab. Hari ini mungkin Sg. Burong naik untuk berceramah, untuk hentam kita, esok tak ada masalah, Taman Templer boleh naik balik untuk kita jawab balik. Ini lah budaya politik yang seharusnya kita bawa bukan budaya politik ada yang disebutkan semasa siri-siri kempen ni, kalau mati ini, naik nanti akan hancurlah institusi agama Islam dalam negara kita. Kita tengok di Negeri Selangor ini kita nampak ada masjid, ada surau, ada sekolah agama. Di Pulau Pinang, ada masjid, ada sekolah agama, ada surau. Ini adalah merupakan dakwaan-dakwaan, tohmahan-tohmahan, fitnah yang disebarluaskan oleh puak-puak tertentu. Kita tak ada masalah. Kita sanggup kalah dalam pilihan raya ini asalkan sistem berpilihan raya dalam negara kita ni berlaku dengan adil, saksama dan juga bersih kepada setiap parti-parti politik yang masuk dalam pilihan raya dalam negara ini.

**TUAN SPEAKER :** Baik Templer. Dah berkobar-kobar, cukuplah sekarang. Masa dah sampai dah. Saya nak bagi ruang kepada yang lain.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Belum lagi, tadi sebab dah kacau.

**TUAN SPEAKER :** Dah, dah. Saya dah bagi lebih dah.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Saya yang terakhir, saya nak bawa, saya nak bawa terakhir.

**TUAN SPEAKER :** Gulung, gulung. Ya, ya yang terakhir.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sikit saja, sikit saja. Isu di Taman Templer, isu di Taman Templer. Soal berkaitan dengan isu paip pecah.

**TUAN SPEAKER :** Cepat, cepat. Ha paip pecah orang tak pecah tak apa.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Ini saya kena bawa berkaitan dengan paip pecah di Selayang Baru dan juga di Selayang Pandang, saya mengharapkan

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

supaya pihak Kerajaan Negeri dapat mengambil perhatian serius soal berkaitan dengan masalah paip pecah. Yang keduanya, soal berkaitan, saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya nak memohon bajet, sedikit bajet daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, soal berkaitan dengan projek pembakaian padang di Rawang Batu 16 Kg. Melayu sebab kita dah hantar *paperwork* dah kepada MPS cuma MPS jawab, dia kata bajetnya agak tinggi. Perlu mengadu dengan pihak Kerajaan Negeri. Bajetnya pun tak banyak RM141,000.00 sahaja. RM141,000.00 sahaja hari ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh luluskan peruntukan untuk membaiki padang di Kg Melayu Rawang. Dan yang terakhirnya Tuan Speaker, yang terakhir, terakhir, ini memang terakhir, terakhir.

**TUAN SPEAKER :** Cepat. Ya, ya, yang terakhir, yang terakhir, yang terakhir. Ya.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Soal berkaitan dengan Mahkamah Syariah Gombak. Saya dimaklumkan, saya dimaklumkan mahkamah ni dah siap hampir setahun yang lalu tetapi sehingga hari ini, mahkamah itu tidak digunakan. Jadi, kita nak tahu pada hari ini apa, apa sebab yang menyebabkan bangunan yang telah kita bina ini, yang boleh kita guna ini tidak digunakan. Jadi, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Speaker, saya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, saya menyokong. Sekian *Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum WBT*.

**TUAN SPEAKER :** Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker yang saya hormati kerana memberi peluang.

**TUAN SPEAKER :** Saya bagi 5 minit sahaja.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** (Ahli Dewan ketawa). Oo, saya akan terus pergi ke isu Sentosa. Sentosa mohon turut serta dalam perbahasan Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia. Saya menjunjung kasih ke atas Titah Tuanku dan mengambil berat nasihat Tuanku mengenai salah satu perkara yang perlu diatasi oleh semua agensi masa ini ialah untuk memastikan sisa pepejal dapat diurus dengan sistematik dan berkesan. Ingin saya utarakan beberapa perkara yang harus diambil berat oleh Kerajaan Negeri selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia. Antara perkara yang harus diberi perhatian iaitu ialah pihak PBT memerlukan pasukan penguat kuasa yang menyeluruh bagi mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal ini. Pihak PBT bukan sahaja menahan ataupun memberi kompaun kepada mana-mana individu yang membuat sampah longgokan menggunakan kenderaan mereka tetapi pendekatan yang holistik, harus diambil dengan menahan kenderaan itu dengan tempoh masa yang lebih panjang ataupun lebih lama dari yang diguna pakai sekarang sebelum dilepaskan agar perkara ini akan memberikan satu kesedaran kepada individu yang melakukan perkara seumpama ini untuk tidak mengulanginya. Kalau boleh kita perlu menggubal undang-undang atau mengkaji balik akta masa ini supaya pemberian denda dan juga kalau beri tempoh penjara yang perlu kerana ada juga banyak kes denggi yang dilaporkan oleh EXCO tadi yang menyebabkan kematian dan sebagainya.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Saya juga ingin memohon PBT untuk menambahkan anggota penguat kuasa agar mereka dapat membuat rondaan dari masa ke semasa kerana kita kerap kali diberi alasan iaitu PBT tidak mempunyai anggota yang mencukupi. Selain daripada itu, kita tengok di Majlis Perbandaran Selayang. Majlis Perbandaran Selayang telah berjaya menujuhkan satu pasukan *Smart Team*, iaitu sebuah pasukan yang turut membantu menyelesaikan masalah tertentu, so, saya menyarankan agar semua PBT perlu menujuhkan satu *Smart Team* untuk mengatasi masalah sisa pepejal. Selain daripada itu, saya juga ingin menekankan bahawa sampah-sampah dari kilang harus dikutip oleh panel-panel yang ditetapkan oleh PBT masing-masing di kawasan mereka yang telah didaftarkan bersama PBT kerana terdapat banyak kilang yang menggunakan kontraktor kutipan sampah sendiri dan PBT tidak dapat mengesahkan dimanakah mereka membuang sampah kilang ini, akhirnya kita dipenuhi dengan lokasi *hotspot*, sampah di bahu jalan. Saya percaya Kerajaan Negeri harus, boleh memainkan peranan bagi mengatasi masalah ini dengan menyeragamkan kesemua PBT dalam pengurusan sampah kerana ada juga PBT-PBT seperti ucapan tahniahlah kepada MBSA kerana MBSA memberikan tong sampah percuma tetapi bila tanya kepada MPK, mereka tidak boleh, so, penduduk selalu tanya, kenapa MBSA boleh bagi, MPK tidak boleh bagi tong sampah dan sebagainya.

Tuan Speaker, saya ingin juga menyentuh mengenai isu yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu untuk, terutamanya isu pembersihan kawasan yang diamanahkan kepada kontraktor-kontraktor. Perkara ini harus dilihat dengan serius kerana kontraktor pembersihan harus melakukan kerja mengikut terma kontrak masing-masing. Namun hakikatnya, realiti di luar di sana tidaklah sama seperti yang tertera di atas kontrak. Saya harap pihak PBT akan memainkan peranan dengan memastikan kontraktor pembersihan mempunyai tenaga kerja yang lengkap untuk menjaga kawasan yang diamanahkan. Pihak PBT mahupun KDEB harus mengambil tindakan yang tegas dengan memberikan NDC kepada kontraktor yang tidak mencapai tahap yang dijanjikan dalam kontrak dan perlu lah membatalkan kontrak jika perlu kerana Kerajaan Negeri tidak harus dan tidak boleh dipersalahkan oleh rakyat kerana angkara mereka. Selesai hujah saya mengenai kebersihan yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Ingin saya utarakan mengenai masalah-masalah kesihatan. Dalam konsep *Smart Selangor*, Sentosa ingin mengambil kesempatan ini untuk menekankan konsep 3K iaitu Kesihatan. Di lihat di negara Barat dan negara yang sedang membangun, rata-rata restoran makanan, operasinya ditutup pada jam 10:00 malam tetapi di Malaysia, restoran kita beroperasi selama 24 jam. Perkara ini bukan sahaja menjelaskan amalan pemakan ataupun menjelaskan amalan pemakanan masyarakat kita dan mempraktikkan aktiviti amalan pemakanan yang kurang sihat seperti saya selalu makan 1, 2 pagi. Taman Templer pun ikut sama, jadi golongan obes. Norma masyarakat kita juga perlu berubah di mana kita mempunyai bekalan makanan di luar daripada rumah dan tahap kesihatan kita terjejas dengan makan pada masa yang tidak sepatutnya. Perkara ini mengundang kepada masalah obes dalam kalangan masyarakat kita. Kita perlu iaitu, kalau boleh, macam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyatakan kebersihan restoran-restoran juga terjejas kerana tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk membersihkan premis mereka. Konsep seterusnya ialah menyarankan agar restoran beroperasi 24 jam seharusnya beroperasi lebih kurang 18

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

jam atau 20 jam di mana mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk membersihkan premis mereka. Mungkin Selangor boleh memulakan konsep ini.

Perkara ketiga yang...

**TUAN SPEAKER :** Gulung, gulung. Ayat terakhir, ayat terakhir.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Gulung ya? Ok. Saya hormat Tuan Speaker. Yang, saya nak habiskan dengan perkara ini sahaja lah. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih ya, kepada Ketua Polis Daerah Klang Selatan, ACP Shamsul Amar yang berjaya menyelesaikan dua (2) insiden. Insiden penemuan patung berhala di Surau Sabilul Huda di Taman Pendamar. Selain daripada itu, pihak konsesi JKR juga perlu memainkan peranan di sini. Kita ada banyak *hotspot*, *hotspot pothole*, dan sebagainya. Bukan *hotspot*, *pothole*, TNB boleh selesaikan masalah ya, dalam 24 jam, lampu boleh diperbaiki kenapa *pothole* tidak boleh? Boleh kah kita tetapkan 24 hours untuk menutup *pothole*. Baik ini perlu kerana ada banyak kemalangan, kematian berlaku kerana *pothole*, *right*. Akhirnya, saya juga ingin membawa satu isu iaitu menyentuh mengenai isu pembakaran mayat secara terbuka. Saya sarankan agar setiap PBT perlu ada perancangan yang komprehensif untuk membina krematorium. Pada masa ini, hanya MBPJ, MPSJ dan MPK sahaja yang menggunakan pakai kaedah ini dan baki sembilan (9) lagi harus merancang dan memperkenalkan krematorium. Dengan ini, Sentosa dengan hormatnya dan takzimnya menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Kg. Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Tuan Speaker, saya akan bercakap dengan lebih pantas. Kg. Tunku menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mengingatkan kami supaya menjadi kerajaan yang prihatin kepada keluhan rakyat. Di peringkat akar umbi, Kg. Tunku dan jiran sekeliling di Taman Medan dan Seri Setia sedang menghadapi isu kemiskinan bandar yang juga dibawa oleh Yang Berhormat Sg. Pelek. Pada sidang Dewan yang lepas, Kg. Tunku telah membangkitkan isu ini dengan merujuk kepada kajian UNICEF dengan pakar ekonomi iaitu Profesor Dr. Muhammad Abdul Khalid bertajuk, dengan izin, *Children Without: A Study Of Urban Child Poverty And Deprivation In Low Cost Flats in Kuala Lumpur*, dengan izin. Melihat Kerajaan Persekutuan pada masa ini lebih menumpu kepada pemulihan kewangan negara dan golongan B40, saya berharap Kerajaan Negeri Selangor akan lebih aktif membantu golongan M40 sebab mengikut definisi kemiskinan mutlak, M40 tidak tergolong dalam golongan miskin. Mereka juga tidak kaya sebab mereka masih bergelut untuk hidup dan di DUN Kg. Tunku kebanyakannya kes kemiskinan bandar bermula apabila pencari nafkah utama ditimpa kemalangan atau jatuh sakit. Mereka mungkin memiliki sebuah rumah di SS1 Petaling Jaya, tempat tinggal Dato', Datin dan Tan Sri-Tan Sri tetapi mereka tidak memiliki pendapatan boleh guna yang stabil dan sekiranya mereka tidak dibantu mereka berkemungkinan besar akan masuk dalam golongan B40. Kerajaan Negeri Selangor perlu mengambil berat isu kemiskinan bandar ini kerana hampir 70% daripada rakyat Malaysia menetap di kawasan bandar dan Negeri Selangor menjadi destinasi kerana prestasi ekonomi kita yang cemerlang dan peluang pekerjaan yang ada. Dalam menghayati semangat federalisme yang

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Kg. Tunku juga berharap agar Kerajaan Negeri Selangor dapat mengeratkan kerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan misalnya PERKESO. Ramai yang mencarum sahaja tetapi tidak tahu akan faedah dan bantuan yang sedia ada. Contohnya, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO yang mula dilaksanakan pada Januari 2018 menjadi jaringan keselamatan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan selain kes pembuangan kerja, kategori jenis kehilangan pekerjaan yang layak, termasuk peletakan jawatan disebabkan gangguan seksual atau ugutan di tempat kerja, peletakan jawatan apabila diarah melaksanakan kerja di luar skop yang membahayakan keselamatan. Dengan mewar-warkan bantuan ini di peringkat Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan, Kg. Tunku berharap kita dapat mengurangkan kadar kemiskinan bandar.

Di sini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana berjaya mencatatkan pencapaian ekonomi yang baik semasa keadaan ekonomi global diramalkan suram, Negeri Selangor masih menjadi pilihan pelabur domestik dan luar negara. Pelaburan syarikat besar kita banggakan, perkembangan usahawan kecil kita galakkan. Warga Selangor kreatif dan inovatif dan ia menjadi tanggungjawab kita sebagai kerajaan untuk menjadi fasilitator, dengan izin, kepada usaha baru untuk memacu perkembangan negeri melalui *PJ Startup Festival*, dengan izin, yang dianjurkan oleh Pusat Khidmat saya bersama lima (5) orang Ahli Majlis MBPJ, kami telah membuka ruang kepada *startup*, dengan izin, untuk memperkenalkan idea mereka kepada pelabur Syarikat Venture Capital, dengan izin serta agensi-agensi kerajaan dan antara acara-acara di *PJ Startup Festival* ini ialah pertandingan *pitching*, dengan izin, pemenangnya ialah Syarikat Kiddo Care yang telah mencipta aplikasi telefon pintar yang menawarkan perkhidmatan pengasuh profesional bertauliah dan fleksibel. Hasil pertandingan tersebut, Kiddo Care dijemput untuk menyertai *Penang International Halal Conference*, dengan izin, oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim yang merupakan EXCO Pembangunan Keusahawanan Pulau Pinang yang membuat lawatan mengejut ke *PJ Startup Festival*, dengan izin. Jadi, sementara *Selangor International Business Summit*, dengan izin, anjuran Invest Selangor menyediakan ruang untuk perdagangan antarabangsa, kami di peringkat akar umbi memberi ruang kepada perdagangan kecil usahawan wanita dan belia. Di sini Kg. Tunku ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Tiga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan atas sokongan beliau kepada *PJ Startup Festival* dan juga kepada Yang Berhormat Bandar Baru Klang melalui SITEX, saya yakin dengan kerjasama yang berterusan ini Kerajaan Negeri Selangor akan berjaya menghadapi *Revolusi Industri 4.0*. Dan perkara yang akhir bagi saya ialah Kg. Tunku ingin menjunjung kasih terhadap keprihatinan baginda Sultan Selangor mengenai isu fitnah dan berita palsu terutamanya di laman media sosial. Kerajaan Negeri Selangor kita tidak *immune* kepada berita palsu. Misalnya, di ambang Tahun Baru Cina terdapat mesej *whatsapp* tular yang mengajak orang ramai ke Pejabat Wakil Rakyat Pakatan Harapan supaya mendaftar untuk angpau bernilai RM100.00 dan Pusat Khidmat Kg. Tunku bersama Pusat Khidmat Wakil lain dibanjiri oleh orang ramai.

**TUAN SPEAKER :** Jadi, sila berhenti. Terima kasih. Menyokong ya.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Menyokong.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Kg. Tunku. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah tamat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 1:00 tengah hari. Dengan ini, saya menangguhkan Dewan sehingga 2:30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)**

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula, saya minta oleh sebab perbahasan sudah tamat untuk usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor maka saya mempersilakan pihak kerajaan untuk penggulungan sila persilakan Lembah Jaya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, juga terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor hal berkaitan Jawatankuasa Tetap di bawah jagaan saya perumahan dan kehidupan bandar. Saya menjawab atau pun beri respon kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang berkaitan dengan Setinggan Kampung Fajar, jadi Yang Berhormat Hulu Kelang ada membangkitkan pertanyaan mengenai pembangunan semula setinggan di Kampung Fajar melalui kaedah penswastaan. Pembangunan semula di Kampung Fajar dijangka mempunyai potensi tinggi untuk dimajukan sebagai kawasan yang berdaya maju berikutan lokasi yang terletak lingkungan organisasi Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat pembangunan semula Kampung Fajar ini merupakan sebahagian daripada tindakan di bawah inisiatif program NKRA seliaan Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu perancangan pembangunan projek *river of life* atau pun singkatannya ROL di sungai Kelang. Antara tindakan yang akan dilakukan selaras dengan pelaksanaan ROL ini adalah pemindahan dan penempatan semula setinggan di Kampung Fajar.

Tanah yang terlibat di dalam cadangan pembangunan semula Kampung Fajar adalah seluas 18.35 ekar meliputi tanah rizab JPS tapak loji rawatan kumbahan dan tanah Kerajaan Negeri. Dalam melaksanakan pembangunan ini pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya melalui bancian pada tahun 2016 telah merekodkan seramai 114 unit keluarga telah menetap secara haram selama hampir 40 tahun di atas tanah tersebut. Komposisi setinggan mengikut kaum adalah 60 peratus daripada kaum Melayu, 40 peratus terdiri kaum India, melalui mesyuarat pada 17 Oktober 2018 pihak UPEN telah mengambil maklum pemindahan dan penempatan semula setinggan di Kampung Fajar dicadangkan secara yang akan melibatkan tanah rizab Persekutuan. Iaitu tapak

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

operasi loji rawatan kumbahan AMA 71 di bawah kawal selia Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli KATS. Semakan mendapati status pengoperasian LRK atau pun Loji Rawatan Kumbahan AMA 71 tersebut dijangka ditutup dan akan di rasionalisasikan ke LRK berpusat bonus pada Jun 2019.

Hasil daripada mesyuarat tersebut telah memutuskan agar pihak Kementerian Wilayah Persekutuan mengemukakan maklum balas berhubung komitmen Kementerian dalam meneruskan projek ROL di Sungai Kelang. Pentadbiran ini turut memohon pertimbangan Kementerian untuk menyerahkan pelaksanaan ROL di tapak tersebut pada Kerajaan Negeri berserta peruntukan. Sebab sebelum ini Kementerian Wilayah telah berjanji untuk memberi peruntukan untuk pemindahan setinggan tersebut. Jadi namun begitu di dalam mesyuarat anjuran Kementerian pada 23 November tahun lepas dan 8 Mac tahun ini UPEN mengambil maklum hala tuju perlaksanaan projek ROL di Kampung Fajar ini masih belum dapat dimuktamadkan. Jadi saya akan mengambil tanggungjawab untuk pengetahuan Yang Berhormat untuk mengikuti atau pun membuat tindakan susulan ke atas keputusan terakhir ini lah hanya untuk cadangan saya kalau sekiranya peruntukan tersebut tidak juga turun daripada Kementerian Wilayah Persekutuan saya nampak ada pihak swasta yang sebenarnya sanggup untuk melaksanakan projek ini jadi mungkin menjadi halangan setakat ini adalah tanah tambahan daripada loji kumbahan AWA 71 tersebut diserahkan kembali kepada pihak

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** penjelasan sikit, terima kasih di atas jawapan Tuan Speaker, terima kasih jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO, saya rasa itu gambaran yang menyeluruh untuk dan situasi yang berlaku tapi realitinya lebih kawal daripada itu, kita hari ini terpaksa kembali kepada mereka setinggan terima kasih kita berjuang bela nasib itu tak berani guna perkataan setinggan kita beri mereka adalah peneroka bandar, rakan kita jadi saya dan masuk penggal ke-3 Hulu Kelang saya rasa saya telah *train* mereka dalam pengertian saya tak bela saya tak perlu buat apa alasannya kerana yang lepas-lepas itu tanah itu dimiliki dua kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri. Sekarang ini dah setahun lebih hampir setahun kita berada dalam kuasa kerajaan pun tak boleh selesai. Menteri-menteri dari Selangor EXCO-EXCO Selangor saya nak cuba faham apa rumitnya kalau kita peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Perumahan dulu pun sebanyak 30juta untuk pembinaan setinggan menempatkan mereka di satu tempat yang share kos itu dengan IKS U3 sebenarnya. Kalau tengok *details*. Saya yakin *market is rooming* ramai orang nak beli rumah saya mencadangkan diwujudkan satu *taskforce* untuk membela rakyat setinggan membina rumah untuk mereka, memberi kemudahan kepada mereka, kita *open market for* untuk dijualkan untuk subsidise dan saya yakin kalau saya diberikan peluang untuk membantu saya boleh membantu *free of charges*.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang sebenarnya sinar dah ada di hujung apa terowong dalam proses sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Hulu Kelang saya sudah berbincang secara lisan dan mendapat persetujuan oleh Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk mengembalikan semula Loji Rawatan Kumbahan tersebut jadi kita hanya menunggu dari segi dokumentasinya untuk memulakan projek tersebut. Seperti mana yang Yang Berhormat Hulu Kelang

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

cadangkan saya setuju sebenarnya kalau sekiranya peruntukan yang telah dijanjikan sebelum ini oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk projek ROL tersebut tidak turun sebenarnya ada pihak yang sanggup melaksanakan projek itu dengan *cross subsidised* maknanya dia membina untuk peneroka bandar ini ditempatkan di tempat yang baru kemudian juga membina unit-unit mungkin harta bebas untuk *cross subsidised* seperti mana yang disebut tadi. Jadi saya akan pastikan Yang Berhormat Hulu Kelang juga dijemput untuk berada bersama-sama di dalam mesyuarat susulan selepas ini supaya kita akan mendapat pandangan dan juga perspektif yang lebih menyeluruh sebab Yang Berhormat telah pun mengikuti dan juga berusaha untuk menyelesaikan ini dari awal lagi sehingga sekarang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya mencadangkan bahawa yang dah lepas-lepas diusahakan dan dibuka balik call for proposal lebih open terbuka. Jadi saya...

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang berhormat apa penerima unit-unit

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya difahamkan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Unit tersebut

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tiga buah syarikat yang menawarkan benda itu tidak ada letak appointment, letter of intern pun tak ada dan dia buat kerja,group ini buat kerja tapi saya rasa tak adil kalau pihak PBT, kalau pihak negeri mendapat khidmat *any appointment, make it all transparent, call for proposal, set the time, dateline and do it.*

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Sudah tentu Yang Berhormat Hulu Kelang sebab kalau kita mempunyai lebih daripada satu pemaju yang berminat untuk memulihkan projek pemilihan peneroka bandar di Kampung Fajar ini maka kita akan maknanya buka tawaran yang paling baik itu kita akan terima dan sudah tentu kita akan melihat kemampuan kewangan pihak pemaju yang berminat. Dan juga syarat-syarat pihak kerajaan akan memastikan supaya projek Kampung Fajar ini tidak lagi jadi projek terbengkalai jadi itu berkaitan dengan Kampung Fajar perkara kedua adalah berkaitan dengan Flat Ar-Riduan Yang Berhormat bangkitkan.

Flat Ar-Riduan ini sebenarnya pemaju asal pembangunan flat ini merupakan kumpulan Promise Star Development Sdn. Bhd. Dan syarikat atau pun pemaju ini sebenarnya telah digulung pada tahun 2003 dan mahkamah telah melantik Tetuan Rimbun Capital Sdn. Bhd. sebagai pegawai penerima jadi Tetuan Rimbun Capital yang bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran seterusnya yang telah sehingga hari ini. Jadi menurut ulasan Jabatan Bangunan dan Seni Bina MPAJ CF tidak dapat dikeluarkan kepada pihak pentadbir projek kerana tidak memenuhi ada beberapa syarat dan dua di sini syarat yang tidak dapat dipenuhi, satu adalah memastikan kawasan lapang taman permainan dalam keadaan baik, kedua adalah mengemukakan surat tanggungjawab ke atas keselamatan *beam* di tingkat satu blok B untuk pengetahuan Yang Berhormat sebenarnya saya pertama kali mendengar tentang isu Flat Ar-Riduan ini saya tak pasti apa mungkin ada masalah *beam* di blok B tapi itu jawapan yang saya

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

dapat setakat ini jadi syarat yang kedua yang saya rasa melibatkan keselamatan penduduk di situ yang pihak Tetuan Rimbun Capital tak dapat mengemukakan lagi surat akuan bertanggungjawab tersebut. Jadi pada satu ketika dia telah mendapat CF sementara tapi CF sementara itu untuk tempoh tertentu dan dia akan luput jadi MPAJ hanya memerlukan dia memenuhi syarat tersebut dan InsyaAllah CF akan dikeluarkan

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat EXCO, sebenarnya Rimbun Capital adalah dia menguruskan pada masa itu undang-undang JMB telah ditubuhkan dan dikuatkuasakan 2006, 2007 dan pada masa itu ada peruntukan khas sekiranya boleh menguruskan penubuhan JMB *can make easy*, daripada tanggungjawab untuk menguruskan kewangan sebenarnya sebelum *Promise Star* ini adalah dimiliki oleh Sekam Nako adalah sebuah syarikat daripada Bank Rakyat yang menguruskan dan dia telah digulung dan *Promise Star take over* dan kemudian dia gulung balik dia bankrup dan digantikan dengan Rimbun Capital. Ketika saya menjadi ADUN saya menguruskan dengan bersama-sama JMB, bila JMB dah ada dia balik *operated* patut JMB dengan adanya CF, tapi CF tak ada, jadi macam mana MPAJ boleh luluskan pada masa itu, saya kurang jelas lagi tapi apa yang berlaku memang tidak boleh, jadi saya buat tugas *engineer* yang lain saya minta apa alternatif, mereka kata memang ada *structure* tapi not serius bukan *every beam, beam* yang nampak dia punya simen, konkrit itu plaster dia tertanggal kalau saya *request* tapi MPAJ tak buat benda itu, mungkin mereka ada pandangan lain mereka *Maintain* bangunan is not *fit to be given* CF sampai selesai. Jadi dari pandangan saya adalah mereka dah ada satu *tittle* macam mana kita tak tahu, bererti dia boleh, dia boleh *negotiate* dengan sapa-sapa *developer* for the *development*. Jadi saya mencadangkan bahawa imej tu tidak cantik dan bangunan itu sangat buruk, baru-baru ni pun dicat jadi elok tapi dengan izin Tuan Speaker saya mencadangkan bahawa boleh satu rundingan diadakan dan Kerajaan menjadi fasilitator untuk membolehkan *developer* yang mampu untuk *redevelop* dengan satu bentuk *structuring* yang lain untuk tambah unit dan sebagainya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Baik Yang Berhormat Hulu Kelang saya akan ambil pandangan Yang Berhormat dan Insya Allah selepas ini saya akan sendiri akan memudahcarakan ataupun mengadakan mesyuarat dan akan melibatkan Yang Berhormat Hulu Kelang bersama untuk kita tengok bagaimana pihak MPAJ juga pihak-pihak yang berkaitan untuk membantu untuk memulihkan keadaan seterusnya bangunan ini dapat CF yang telah tertangguh untuk beberapa lama ini. Jadi itu nanti kita akan buat susulan kita akan menjemput Yang Berhormat Hulu Kelang. Seterusnya saya juga mendapat pandangan dan juga syor permintaan daripada tapi Yang Berhormat Sungai Air Tawar tidak ada.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Yang Berhormat, saya ingin ingatkan, *Columbia* tidak timbul?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Columbia kita tidak ada jawapan tapi apa yang Yang Berhormat Hulu Kelang bangkitkan dalam perbahasan Flat Columbia ini merupakan flat yang sudah hampir habis lah tempoh hayatnya jadi perlu dipulihkan keadaan supaya dia tidak menjadi kawasan yang dengan izin, *slumb* lah. Jadi ini merupakan salah satu tumpuan pihak Jawatankuasa Perumahan dan Kehidupan Bandar untuk melihat semula kawasan-kawasan yang perlu untuk disuntik dengan nafas baru lah supaya dapat kembali semula menyumbang kepada pembangunan kawasan dan juga memberi kualiti kehidupan yang lebih baik kepada pemilik ataupun penduduk yang tinggal di situ. Itu juga akan masuk dalam kategori projek pembangunan semula di dalam jawatankuasa saya nanti.

Jadi saya pergi kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang Jaya. Jadi insiden membakar motosikal oleh remaja-remaja yang tidak ada tempat untuk berekreasi, beriadah, bersukan dalam masa yang lapang mereka jadi mereka telah *result* dengan izin aktiviti-aktiviti vandalisme di Pangrapuri Angsana. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Subang Jaya pembinaan bangunan-bangunan ataupun blok-blok flat ini mestilah datang bersama dengan kemudahan bersama, termasuklah taman-taman rekreasi. Jadi Pangrapuri Angsana ini dia ada 8 blok dan ada 1,434 unit dan dia hanya mempunyai satu kawasan permainan yang dikongsi kan antara 8 blok ini, jadi boleh bayangkanlah. Mungkin kalau suruh semua orang berdiri atas padang tu pun mungkin tak muat jugak. Jadi ini antara ciri-ciri yang sering dilupai lah dalam pembinaan bangunan-bangunan berstrata khususnya yang kos rendah jadi kita sebenarnya keadaan ini Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar juga sedang menunggu kelulusan daripada pihak UPEN untuk membuat satu kajian modul jaringan hijau bagi kawasan-kawasan flat-flat yang tidak ada kawasan sukan, kawasan berekreasi untuk anak-anak yang tinggal di kawasan tersebut. Jadi hasil kajian itu nanti kita akan membina ataupun mewujudkan kawasan terbuka, kawasan lapang yang selamat dan juga bagi memastikan sistem ekologi dan sosial sesebuah kawasan itu dapat dikurangkan dari segi tekanan, tindakan-tindakan negatif yang berlaku di kawasan tersebut. Jadi reka bentuk zon jaringan hijau ini, juga akan mengambil kira akses yang selamat ke kawasan luar pangrapuri yang berdekatan mungkin ada kemudahan tersebut yang boleh dikongsi kan seperti laluan berbumbung ke kemudahan-kemudahan awam yang berdekatan. Jadi pilot projek ini bagi membangunkan modul jaringan hijau ini akan dijalankan di 3 buah flat kos rendah daripada 3 buah Pihak Berkuasa Tempatan yang berbeza:

1. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
2. Majlis Perbandaran Ampang Jaya
3. Majlis Perbandaran Kajang

Saya akan berbincang dengan pihak UPEN tentang kelulusan peruntukan bagi projek ini. Jadi Insya Allah nanti bila pilot projek ini sudah dilaksanakan dan kita juga akan menilai dari segi sukses, kadar sukses nya kalau dia berkesan kita akan wujudkan kalau boleh di semua flat-flat kos rendah yang tidak ada prasarana dari segi taman permainan yang cukup luas ataupun taman-taman rekreasi yang dipohon oleh pihak Yang Berhormat Subang Jaya.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya nak berterima kasih di atas usaha yang akan dilaksanakan di pangaspuri kos rendah tetapi saya punya hujahan juga adalah berkenaan di luar portfolio Yang Berhormat EXCO di mana dari segi rancangan bandar juga saya berharap bahawa mungkin juga *State Planning Community* mungkin juga Majlis-majlis akan memperuntukkan dasar untuk mempertahankan taman-taman permainan kita terutamanya di kawasan bandar. Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih atas maklum balas tersebut. Sebenarnya saya kongsi pandangan Yang Berhormat Subang Jaya untuk memastikan bukan sahaja kita mengekalkan kawasan hijau ataupun kawasan lapang yang sedia ada tetapi bagi pembangunan yang baru mempunyai kawasan permainan, ataupun kawasan hijau yang *sizeable* dengan izin tidaklah dia berbentuk *pocket areas* yang hanya tinggal selepas dibangunkan sesbuah kawasan. Jadi dia tidak dapat berfungsi dengan betul kerana kita ada *pocket areas* hanya ditinggalkan selepas digunakan untuk tujuan yang lain. Jadi itu kita akan mengambil kira sebab dalam Rancangan Tempatan yang berlaku sekarang ini di kebanyakan Majlis, ciri ataupun kriteria itu juga ditekankan supaya tidak mengabaikan ataupun tidak mengulangi kesilapan-kesilapan sebelum ini.

Jadi itu Yang Berhormat Subang Jaya seterusnya saya juga dapat pandangan ataupun pertanyaan, sebenarnya Yang Berhormat Pelabuhan Kelang telah bangkitkan perkara ini dalam antara soalan yang dikemukakan. Hanya mungkin saya tidak berkesempatan menjawab dalam bahagian soalan jadi isu penyewaan Rumah Selangorku yang dibangkitkan. Sebenarnya memang spesifik yang dibangkitkan adalah Flat Azaria. Untuk maklumat Yang Berhormat Pelabuhan Kelang sebenarnya kita di tapak ataupun selepas kita mendapat aduan tersebut sebenarnya kita telah berjaya mengenal pasti dan juga memberi amaran kepada 6 unit Rumah Selangor Ku di Pangaspuri Azaria, Kelang yang telah menyewakan unit-unit mereka kepada pihak ketiga. Ada juga yang disewakan kepada warga asing. Itu yang kita rasa amat kecewalah. Jadi atas notis dikeluarkan di bawah Seksyen 38(2) Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001, kepada unit-unit tersebut dan kita juga sebenarnya dalam kita pergi ke unit-unit tersebut kita juga berjumpa dan juga dapat ada satu unit yang telah mengubahsuai rumah Selangor Ku yang dibeli yang asalnya ada 3 bilik sudah menjadi kalau tidak silap 6 bilik. Dia jadi macam kotak-kotak kecil. Jadi unit ini juga telah dikeluarkan notis oleh pihak Jabatan Bangunan Majlis Perbandaran Klang di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133 atas kesalahan membuat ubahsuai atau tambahan tanpa kebenaran. Ini juga sedang berlaku. Hanya tindakan di pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, kita sebenarnya sedang membuat beberapa langkah:

1. Kita menjalankan siasatan. Kita perlu juga sebenarnya maklum balas daripada awam yang telah berjumpa ataupun mengenal pasti ada unit-unit Rumah Selangor Ku yang telah disewakan ataupun diubahsuai dan sebagainya yang telah melanggar maknanya dari segi syarat awal pemberian unit tersebut.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

2. Kita akan mengeluarkan notis kepada pembeli unit-unit Rumah Selangor Ku yang telah melanggar syarat tersebut menurut Seksyen (38) Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001
3. Kita membuat juga tindakan penyelarasan bersama-sama dengan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjalankan operasi bersepadu dan kenal pasti kesalahan-kesalahan yang lain. Maknanya macam dalam Flat Azaria, tu dalam kita telah mengenal pasti ada unit-unit yang disewakan kepada pihak ketiga kita telah terjumpa dengan unit yang telah diubahsuaikan. Jadi pihak PBT akan mengeluarkan notis kesalahan membuat perubahan tanpa kebenaran. Jadi itu adalah kerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan.
4. Kita juga terlibat dalam operasi bersepadu bersama-sama dengan PBT yang telah pada 28 Januari 2019 di Kelang.
5. Dan seterusnya mengarahkan pemaju yang membina Rumah Selangor Ku, Badan Pengurusan Bersama dan juga Perbadanan Pengurusan untuk mengambil tanggungjawab yang sewajarnya bagi menguatkuasakan Undang-undang Kecil di bawah Jadual ketiga Peraturan-peraturan Strata 2013. Iaitu berkaitan dengan penyelenggaraan dan pengurusan, tahun 2015 antaranya ialah mengawal selia penggunaan akses kad terhad kepada penghuni yang mendiami unit Rumah Selangor Ku. Maknanya akses kad terhad itu hanya kepada penghuni dan tidak boleh diberikan kepada pihak lain atau pihak ketiga.
6. Seterusnya adalah merangka Undang-undang Kecil tambahan untuk diguna pakai kepada semua Rumah Selangor Ku merangkumi peruntukan mengenakan punitif termasuk mengenakan denda kepada mana-mana pelaku yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang kecil tersebut bagi memastikan semua pembeli rumah mematuhi syarat mereka diberi ataupun mereka di layak untuk memiliki unit-unit tersebut.
7. Membuat koordinasi pengurusan aduan penyewaan dan penguatkuasaan bersama dengan PBT melalui Bengkel Manual Pengurusan dan Penyelenggaraan Rumah Selangor Ku. Di mana kita sedang *compile* dengan izin satu manual berkaitan dengan tatacara seragam pengurusan serta penyelenggaraan Rumah Selangor Ku. Jadi Insyaallah manual itu akan digunakan selepas ini.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Yang Berhormat Pelabuhan Kelang

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Terima kasih dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan aduan salah laku pembeli Rumah Selangor Ku di Pangsapuri Azaria, Bandar Parkland. Bagi pihak DUN Pelabuhan Kelang saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana tindakan yang telah diambil kepada 6 unit rumah yang telah dikenal pasti menyewakan rumah kepada warga tempatan dan ada yang menyewakan kepada warga asing. Dan melalui jawapan juga 2 unit telah berjaya dikosongkan pada 28 Januari 2019 bermakna penyewa sudah keluar dari unit ini dan saya nak tanya Yang Berhormat EXCO lagi 4 unit ini apa akan jadi adakah pemilik masih tinggal di sini atau masih ada penyewa yang menyewa di rumah ini dan boleh tak saya dapatkan ataupun mana-mana ADUN berkenaan rumah Selangorku ini bagi membantu kita memantau senarai pemohon-pemohon yang layak di dalam sesuatu kawasan perumahan Rumah Selangorku contoh di Pangsapuri Azaria ini. Boleh ke saya dapatkan senarai pembeli yang layak dan saya difahamkan oleh pihak LPHS bahawa ada 35 unit di Pangsapuri Azaria ini dalam Skim Smartsewa. Jadi boleh tak saya dapatkan senarai siapa pemilik. Itu saja soalan saya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Senarai tu kita tak akan pamerkan. Sudah tentu kalau Yang Berhormat ingin mendapatkannya boleh memohon kepada pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan saya harap maklumat ini kita perlu juga jaga privasi dengan pihak pembeli dan saya juga mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat mengambil inisiatif melihatkan supaya pembeli unit-unit ini benar-benar mereka yang memerlukan unit dan tidak menyewakan unit tersebut. Status yang lagi 4 yang telah menyewakan unit mereka kepada pihak ketiga itu nanti saya dapatkan maklumat terkini dan saya akan bekalkan perkara itu kepada Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

Seterusnya, adalah cadangan daripada Yang Berhormat Gombak Setia berkaitan dengan pembangunan ataupun *urban regeneration* kawasan-kawasan yang lama ataupun yang telah habis dia punya *vibrant* itu dengan menggunakan simpanan tetap pihak berkuasa tempatan. Sebenarnya kalau di peringkat negeri usaha ini sebenarnya diterajui oleh Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa, merancang keseluruhan bandar juga desa untuk tahun ataupun 2035 dan seterusnya. Dan perincian kepada kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti ini adalah dibuat di peringkat majlis ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi kalau cadangan untuk menggunakan simpanan tetap majlis itu saya tak boleh membuat keputusan atas pihak PBT tetapi pembangunan sesuatu kawasan itu sebenarnya juga untuk pengetahuan Gombak Setia menelan belanja yang besar juga. Jadi kita juga perlu melihat kawasan-kawasan yang kita ingin bangunkan ini kawasan komersial sebab dia ada banyak jenis. Komersial ataupun kawasan kediaman ataupun yang lain-lain. Jadi ini sebenarnya kalau dipihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sendiri kami memberi fokus kepada kawasan-kawasan kediaman. Seperti mana yang pihak Hulu Kelang bangkitkan tadi ada kawasan flat yang telah lama yang perlu dipulihkan keadaan dengan membina baru, membina semula. Jadi kalau *urban regeneration* sering dikaitkan dengan memulihkan keadaan ekonomi juga sosial dan juga persekitaran kawasan tersebut. Jadi yang ini sebenarnya tugas ini akan dipikul oleh JPBD. Hanya sekarang ini JPBD juga dalam usaha memperincikan lagi pembangunan semula kawasan-kawasan lama *brown field* dan juga kawasan yang masih diduduki tapi mungkin dari segi bilangan penduduknya

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

mungkin sudah berkurang disebabkan tempat itu sudah tidak mesra lagi untuk didiami. Jadi itu menjawab cadangan ataupun pandangan Gombak Setia. Gombak Setia ada cadangan lain ke? Tak ada ya?.

Seterusnya yang terakhir adalah berkaitan dengan flat-flat PKNS yang lama di PJS8 Seri Setia. Kawasan Seri Setia ini dan Taman Medan ada banyak flat-flat kos rendah. Jadi flat-flat kos rendah ini sebenarnya merupakan flat yang telah mengambil pemindahan peneroka bandar. Kebanyakan mereka adalah bekas peneroka bandar. Jadi memang ada banyak cabaranlah kerana mentaliti pemiliknya juga tidak berubah daripada peneroka bandar duduk rumah yang bertanah kemudian dipindahkan ke flat-flat ini masih sama sahaja jadi cabaran juga samalah. Kalau dulu di atas tanah sekarang ini di awan. Jadi faktor mungkin kegagalan flat-flat PKNS lama ini untuk menubuhkan JMB kerana pemilik masih berpandangan segala kemudahan pengurusan bangunan ini mesti diuruskan oleh PKNS. Apa yang saya tahu lah saya sendiri berhadapan dengan perkara yang sama semasa saya menjaga Taman Medan dulu mereka masih lagi nampak PKNS yang bertanggungjawab untuk menjaga segala kemudahan bersama di flat-flat PKNS. Jadi mereka tidak sanggup untuk memikul tanggungjawab menjadi ahli jawatankuasa JMB kemudian peratus penyewaan di flat ini juga tinggi. Ramai juga yang menyewa. Jadi bila menyewa tuan punya unit tidak membayar dan juga penyewa tidak membuat bayaran selenggara dan yang ketiga adalah mungkin penyewa-penyewa dari warga asing. Itu menimbulkan banyak masalah lagi tapi itu tidak bermaksud kita melupakan ataupun tidak cuba untuk menyelesaikan masalah ini. Kita ataupun lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sendiri telah merangka satu program. Nak beri latihan kepada pemilik unit ini. Kita panggil program ini Skuad Pemberdayaan Komuniti ataupun Case Squad. Kita berinsentif pembayaran fi pengurusan selama tempoh 6 bulan. Kita tolong bayarkan tapi dalam tempoh 6 bulan itu kita latih mereka untuk mengurus bangunan tersebut. Jadi kita berharap dalam tempoh 6 bulan tersebut skil atau kemahiran untuk mengurus bangunan itu dapat dipelajari dan seterusnya selepas 6 bulan mereka boleh teruskan pengurusan bangunan itu seperti mana telah dilaksanakan di bawah seliaan LPHS di bawah program Case Squad. Jadi ini sedang kita jalankan dan kita sebenarnya pilih flat-flat yang ada kriteria tertentu untuk mengikuti program ini. Jadi kriteria pemilihan untuk mengikuti program case squad ini adalah pertama yang gagal menubuhkan JMB atau JMB tak aktif termasuklah daripada flat PKNS di PJS8 ini. Kedua adalah yang bersedia pemiliknya bersedia untuk mengambil alih pangsapuri tersebut. Mesti adalah kesediaan untuk terlibat sama. Belajar dan lepas itu mengambil tanggungjawab untuk mengurus pangsapuri mereka dan syarat ketiga adalah keutamaan kepada pangsapuri yang pemaju tidak lagi aktif. Bermakna pemaju telah tinggalkan kawasan flat tersebut. Jadi LPHS akan berbincang dengan pihak PKNS bagi menggunakan pakai konsep case squad ini di flat-flat milik PKNS khususnya di PJS8. Saya harap lepas ini Yang Berhormat Seri Setia boleh sama terlibat dalam kita menjalankan konsep case squad ini.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Mohon mencelah, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih atas makluman Yang Berhormat EXCO. Saya difahamkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi antaranya JMBnya tidak aktif dan tidak ada JMB yang akan diberi latihan untuk case squad ini dan juga penduduk akan ambil alih. Bukan sahaja di kawasan PKNS maksudnya flat-flat lama juga sama. Ada kawasan saya juga yang pemajunya sudah tidak ada lagi. Kita juga tahu setiap kali pembayaran maintenance dengan izin setiap bulan inilah yang akan menampung bangunan tersebut. Maksudnya dari segi untuk mengendalikan bangunan tersebut dengan lebih cantik lagi. Jadi adakah sekiranya kutipan mereka tidak langsung dikutip atau tidak dibayar boleh juga tubuh case squad ini dan adakah mereka layak menerima Skim Ceria Selangorku.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Baik, begini jawapannya. Bagi sebab Seri Setia telah bercampur jadi biar saya jawab satu persatu. Bagi flat yang tidak ada JMB atau JMBnya lemah, tak mampu nak mengurus bangunan, ada tapi macam tak ada itu salah satu syaratnya. Kedua, yang juga sangguplah makna selepas latihan 6 bulan mereka ambil alih pengurusan bangunan. Jadi ini antara syarat-syarat untuk ikuti kursus case squad selama 6 bulan. Tapi dalam tempoh 6 bulan tersebut, pemilik petak akan terus membayar fi selenggara. Hanya yang sekarang ini case squad adalah latihan kepada mereka yang kita kenal pasti boleh mengambil alih pengurusan bangunan selepas keluarnya. Kalau ini PKNS, kalau lain, lain-lainlah. Saya juga ingin berkongsi di sini sebenarnya ada flat kos rendah yang berjaya mengutip fi selenggara hampir 100%. Ini penghuni dia adalah bekas peneroka bandar. Jadi kami ingin gunakan model itu untuk dikongsi dengan flat-flat kos rendah yang lain. Kami ingin bawakan mereka pergi lihat sendiri flat kos rendah yang telah berjaya membuat kutipan selenggara yang 100% selalunya dan bagaimana pengurusan kewangan mereka yang telah digunakan dengan bijak telah mampu memberi perkhidmatan-perkhidmatan tambahan berbanding perkhidmatan yang biasa. Jadi ini kita dalam rancangan kita. Saya harap nanti Seri Setia boleh kenal pasti mana flat-flat kos rendah yang sangat daif ataupun sangat teruk dari segi pengurusannya itu boleh bersama-sama dengan LPHS untuk kita berikan mereka kemahiran ini selepas ini. Jadi itu sahaja jawapan daripada saya Yang Berhormat Speaker. Jadi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang membangkitkan. Ada lagi?

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Ada satu soalan tu saya ada tanya tentang bagaimana, berapa lamakah kelulusan Skim Ceria Selangorku. Permohonan dan mendapatkan kelulusan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Baik. Ini jawapan yang ramai yang berminat nak tahu jawapannya. Untuk pengetahuan semua, tahun 2019 peruntukan yang telah diluluskan untuk Skim Ceria ini hanya RM10 juta berbanding tahun-tahun sebelumnya ini jumlahnya lebih besar. Ini adalah kerana kita berharap apabila kerajaan di peringkat persekutuan adalah sama kita akan mendapatlah bantuan peruntukan untuk baik pulih bangunan dan seterusnya seperti mana yang kita laksanakan sebelum ini. Jadi sekarang ini kita masih menunggu jawapan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya kalau saya lihat baru-baru ini ICU ada memberi satu taklimat berkaitan dengan peruntukan untuk pembangunan. Jadi saya lihat mungkin ini juga salah satu cara yang boleh

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

dimanfaatkan untuk baik pulih yang mungkin tidak menelan belanja melebihi RM200,000.00 di mana saya difahamkan setiap permohonan itu tidak boleh melebihi RM200,000.00. Jadi kalau setakat ini senarai menunggu untuk Skim Ceria ini juga panjang. Tahun ini kepada mereka yang sudah mohon tahun lepas yang menunggu giliran jadi kita sudah mengutamakan mereka yang sebelum ini. Jadi yang untuk tahun ini kita masih lagi berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Bandar Baru Klang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bukit Gasing, Banting, Sijangkang, Gombak Setia, Kuala Kubu Baharu, Meru, Jeram, Sungai Panjang, Seri Setia, Pandamaran dan Sungai Kandis yang telah pun prihatin terhadap portfolio berkenaan dengan pelaburan. Tuan Speaker, yang pertama saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memang sentiasa bersedia dan telah pun melaksanakan usaha-usaha membantu IKS untuk menembusi pasaran eksport. Sesungguhnya banyak program yang membantu IKS bagi mempertingkatkan mutu produk dan keupayaan mereka termasuk menembusi ke pasaran eksport sejak daripada bertahun-tahun lagi. Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri sebenarnya tidak berniat untuk mengehadkan potensi IKS supaya perniagaan mereka terhad di dalam negeri sahaja ini adalah pengetahuan asas bahawa dalam perdagangan antarabangsa kita perlu meningkatkan eksport kita supaya kita dapat keuntungan jadi adalah mustahil kerajaan tidak membantu IKS untuk menembusi pasaran-pasaran besar. Kalau kita lihat pasaran Malaysia adalah begitu kecil sekali sebab kalau kita lihat jumlah penduduk di hanyalah 32 juta sementara dalam negara Asia kita mempunyai penduduk sebanyak 60 juta tidak itu hanya Negara Indonesia tetapi Negara ASEAN 620 juta. Dua puluh (20) kali lebih besar daripada Malaysia jadi kita sudah tentu akan menumpukan perhatian dan juga usaha untuk membantu IKS kita untuk mempunyai pasaran yang lebih besar termasuk kalau kita lebih pasaran China penduduknya adalah 1.3 hingga 1.4 bilion jadi kita tidak melepaskan apa-apa peluang sekalipun kalau kita dapat membantu IKS kita untuk mengeksportkan barang kita untuk tetapi sudah tentu mempunyai banyak cabaran yang kita hadap maka pihak Invest Selangor telah pun juga membantu dan membawa melalui Invest Selangor menyediakan pihak platform bukan sahaja kita menyediakan platform di Malaysia, kita juga membawa mereka ke platform antarabangsa dan antaranya adalah di dalam negara kita telah ada di Negeri Selangor dengan sokongan Kerajaan Negeri Selangor kita telah pun mengadakan menganjurkan Selangor International Business Summit dan ini telah sudah masuk ke tahun yang ketiga pada tahun ini kita menganjurkan Selangor International Business Summit ini tahun ketiga (SIBS). Dan di bawah SIBS kita ada tiga program yang kita anjurkan sebenarnya ada yang lebih awal sebelum SIBS iaitu yang pertamanya adalah Selangor International Expo yang telah masuk ke tahun yang kelima dan ini adalah program yang pertama kita lakukan dan kita wujudkan satu platform di Malaysia sendiri yang merupakan satu platform antarabangsa sebab itu kita mempunyai hajat, cita-cita untuk menjadikan Selangor ini Global Trading Hub. Dan langkah pertama, kita wujudkan platform ini menjadikan Selangor sebagai Gateway to ASEAN ini dijadikan Selangor International Expo platform untuk Negara-Negara ASEAN

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

bukan untuk Negeri Selangor dan Malaysia sahaja. Selain daripada itu, Selangor International Expo ini kita juga telah pun menganjurkan Smart City and Digital Economy Convention juga masuk ke tahun yang keempat dan kemudiannya kita buat kali ketiga juga untuk tahun ini menganjurkan Selangor Asean Business Conference di mana ianya merupakan satu seminar yang mengumpulkan pakar-pakar seluruh dunia khususnya di ASEAN untuk membincangkan peluang-peluang perniagaan, peluang-peluang pelaburan yang wujud di ASEAN untuk diperkenalkan di dunia luar. Dan ini adalah usaha yang kita lakukan di peringkat Selangor saya kira platform sebegini belum juga pernah diwujudkan di Persekutuan tetapi di Selangor kita telah lakukan dan ini sudah masuk ke tahun yang ketiga dan tahun ini kita memperkembangkan Selangor International Business Summit ini di mana Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar telah mengumumkan kita akan mengadakan satu Expo R&D and Innovation ini juga adalah satu usaha untuk memberikan, menyediakan satu peluang, satu platform bagi bidang atau industri Innovation dalam Selangor dan Malaysia ini untuk diperkenalkan pada dunia luar dan tahun ini juga kita akan bekerjasama dengan satu persatuan iaitu Malaysia Tea Trade Association untuk mengadakan Expo dengan produk teh dan kopi dan ini adalah satu usaha yang baru.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta menjelaskan. Ada maklumat itu untuk setia Expo tahun itu berapa belanja semua?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Untuk tahun 2019 kerajaan telah menyediakan keseluruhan adalah 9 juta untuk menganjurkan program ini iaitu menganjurkan Selangor International Business Summit jadi di bawah Summit ini merupakan adalah satu payung kepada aktiviti-aktiviti atau event di bawah Summit ini Selangor International Expo, Smart City and Digital Economy Convention, Selangor Asean Business Conference dan ditambah Expo R&D and Innovation and ini adalah empat event utama yang dianjurkan kerajaan Negeri Selangor. Selain daripada itu, tahun ini kita akan tambah satu program yang selaras ataupun current dengan Selangor International Expo iaitu International Tea Exhibition lebih kepada teh dan kopi. Dan juga tahun ini kita akan bekerjasama dengan Malaysia China Commerce untuk menganjurkan Malaysia China Entrepreneur Conference . Conference ini diadakan setiap tahun setahun di negara China dan setahun di negara Malaysia dan kebetulan di Malaysia dan mereka juga akan bersama-sama kita meriahkan lagi International Summit yang kita anjurkan ini. Ini adalah satu platform yang kita wujudkan di Selangor dan selain daripada itu kita juga akan bawa bukan sahaja setakat mengalak kita membawa usahawan kita ke luar negara untuk menyertai Expo yang penting seperti Guangdong 21st Century Road International Expo di Guangdong juga kita membawa usahawan kita ke China Asean Expo yang di adakan setiap tahun di Nanning. Kita juga membawa usahawan kita untuk menyertai Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) bagi tahun ini buat kali yang pertama. Ini adalah cara kita membawa IKS kita, usahawan kita ke platform antarabangsa dan baru-baru ini kita juga menyertai Penang International Halal Expo walaupun Expo ini baru tetapi juga kita aktif, mengambil bahagian supaya IKS kita mempunyai peluang pendedahan yang seluas-luasnya dan ini adalah cara kita membantu dan sebenarnya usaha ini kalau di luar negara selama ini adalah diketuai oleh Martik dan kita mengambil peluang yang sebaik-baiknya yang

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

ditawarkan oleh Martik untuk serta bersama. Dan di Martik peringkat Martik juga diberikan geran untuk usahawan kita yang mengambil bahagian dalam expo-expo luar negara dan disebabkan Selangor International Expo ini menepati syarat-syarat sebagai satu expo antarabangsa maka usahawan kita yang menyertai Selangor International Expo juga diberikan geran untuk meringankan beban mereka dalam hal ini saya kira tidak kurang daripada lima ribu ditawarkan untuk setiap peserta dalam Selangor International Expo seolah-olah mereka menyertai expo di luar negara dan usaha ini banyak telah dilakukan. Selain daripada itu, itu hanya membantu mereka memperkenalkan produk mereka. Selain daripada itu, kita juga mengadakan banyak program latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja kita itu bukan atas semua dilakukan kita banyak menjalankan banyak membantu dan kita bekerjasama dengan Selangor Human Resources Development Centre (HRDC) untuk mempertingkatkan kemahiran mereka khususnya dalam bidang teknologi termasuk Industri 5.0 ini adalah bidang yang baru dan sekarang ini saya kira seluruh Malaysia ini hanyalah Selangor yang telah pun memberikan peruntukan yang cukup besar sebanyak 5 juta ringgit untuk membantu supaya kilang-kilang kita, kilang-kilang kepunyaan IKS ini mereka juga mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam Industri 5.0 menggunakan teknologi yang terbaru bukan sahaja menggunakan *digitalization* tetapi termasuk juga bagi mana menggunakan *crowd* kita ceritakan *crowd* dan usahawan kita tidak tahu apa juganya *crowd* jadi kita membantu mereka memahami seluruh prosesnya yang diperlukan pengetahuan, kemahiran diperlukan kita melatih mereka. Dan juga kita bekerjasama. Sila.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM:** Terima Kasih Yang Berhormat Bandar Baru Klang di atas penjelasan yang saya kira cukup baik dan padat. Saya ingin menyentuh beberapa perkara khususnya apabila kita berbicara tentang platform sebentar tadi kita menyediakan banyak platform untuk menarik lebih banyak pelaburan-pelaburan datang ke negara kita memperkenalkan produk mereka dan sebagainya. Dan saya juga tertarik dengan pandangan tentang bagaimana kita menggunakan kaedah-kaedah ataupun teknologi-teknologi digital ini. Jadi apakah kita di peringkat Negeri Selangor ini juga berhasrat atau mungkin juga mengadakan satu digital platform maksudnya selain daripada expo-expo yang kita buat secara fizikal expo, kita juga boleh mengadakan satu digital platform di mana pamer-pamer yang datang juga bersama-sama dengan kita. Pada masa yang sama, kita boleh beri ruang perniagaan-perniagaan IKS kita untuk menyertai digital platform ini supaya paling tidak mereka juga dapat bersama-sama dengan usahawan-usahawan IKS daripada luar negara misalnya untuk bersama-sama dalam digital platform itu sebab saya melihat ada jurang IKS di negara kita dengan IKS di luar negara sebab tidak re-fun atau tidak definisi kepada IKS atau SME di negara-negara ini juga perbezaan. Jadi kalau masa yang sama kita boleh ada satu digital platform misilnya untuk menggalakkan lebih banyak pelabur-pelabur dari luar negara dan juga pelabur-pelabur tempatan maka mungkin kita boleh adakan satu simbiosis supaya ada satu silang kerja ataupun hubungan kerja yang lebih akrab antara pemain-pemain dalam industri IKS ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima Kasih Gombak Setia. Sebenarnya kita juga ada program seperti itu sedang diusahakan. Jadi saya akan pergi ke bahagian itu untuk meneruskan hujah saya dalam soalan latihan ini. Kita juga pun telah mendapatkan sokongan daripada GMI dan di peringkat negeri juga peruntukkan juga diberikan untuk pembangunan pendidikan tivet. Menteri Besar sendiri juga telah melawat Germany baru-baru ini untuk memperolehi pengetahuan yang lebih mendalam supaya pelaksanaannya akan lebih berkesan dan itu adalah usaha yang kita lakukan semuanya untuk memastikan bahawa mutu produk kita dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Dan, itu penting sebab logiknya sebenarnya senang logiknya kita membawa barang yang kita bawa boleh bersaing di antarabangsa. Kita bawa mereka ke luar negara untuk membuka pasaran mereka, jualan meningkat dan bila jualan meningkat permintaan order lebih banyak maka mereka terpaksa untuk melabur menambahkan pelaburan jadi itu akan menambahkan pelaburan dalam negeri itu sendiri. Itu adalah logik yang begitu *simple* sekali. Dalam hal ini kita juga kita melihat dan mengetahui potensi produk halal dan Malaysia kita mempunyai kekuatan dan kemahiran dan kelebihan berbanding dengan negara-negara jiran yang lain bukan sahaja ASEAN dan dalam pasaran dunia juga kita mempunyai imej dan reputasi yang begitu baik dalam standard halal ini tetapi standard halal ini standard yang amat tinggi dan bukan senang untuk memperolehi sijil halal ini. Jadi kita mempunyai masalah khususnya usahawan kecil ini bila sebut IKS di Malaysia khususnya di Selangor sebenarnya kita melihat kepada usahawan industri kecil bukannya industri sederhana sebab sederhana mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk bersaing di antarabangsa. Yang kita nak memberi penumpuan sekarang hanya adalah industri kecil ini. Khususnya, usahawan kita di kampung, di luar bandar. Mereka mempunyai satu, sekarang ini ada satu gap yang begitu besar ya. Usahawan kita kebanyakannya dari kampung ya, barang, khususnya barang makanan. Produk makanan yang dihasilkan itu sebenarnya kalau nak ikut sepatutnya dah halal, tapi kalau nak ikut prosedur-prosedur dan syarat-syarat untuk memperoleh sijil memang sukar. Maka di Selangor, kita telah pun wujudkan satu, sebenarnya kita sudah wujudkan satu *syllabus*. Kita ada *syllabus* untuk membantu mereka untuk, ke arah mencapai *standard* di mana mereka boleh memperoleh sijil halal. Tapi, itu bukan sahaja soal syarat-syarat tetapi kemampuan dari segi kewangan. Jadi, bagaimana kita mengisi ruang ini. Jurang ini, bagaimana kita mengisi. Jadi, kita sudah ada *syllabus* maka kita akan melancarkan satu program yang melibatkan usahawan kecil ini khususnya kita akan mulakan dengan usahawan yang telah pun didaftarkan dengan HIJRAH tetapi tidak terhad kepada usahawan yang didaftarkan di bawah HIJRAH yang lain juga kita galakkan. Kita memberi jumlah yang cukup besar. Kita latih mereka. *Syllabus* berkenaan dengan halal ini kita berikan mereka, mengajar mereka, melatih mereka. Tapi, belum, mereka masih belum dapat ke tahap itu, tapi kita berikan peringkat ada penarafan dia. Bila dia mengikuti kursus, apa yang akan kita berikan, pengiktirafan. Mungkin satu bintang, bila dia, selain daripada penyediaan, proses penyediaan produknya mengikut syarat-syarat halal kita bagi satu bintang. Tapi, kita juga kena pastikan sumber barang aslinya, barang yang dia beli untuk memproses pakai itu juga dapat daripada sumber yang halal. Kalau dia dapat menepati syarat-syarat itu, dia dapat dua bintang. Lepas itu, logistik ya, barang asli yang dia beli dan produk yang dia jual menggunakan mod pengangkutan yang halal maka dia dapat tiga bintang dan sebagainya. Jadi, untuk itu

## 21 MAC 2019 (KHAMIS)

kita, tapi masih belum mencapai ke tahap halal lagi kalau ikut takrifan halal ini. Jadi, tapi sekurang-kurangnya pembeli tahu yang ini, dia dapat kalau satu bintang, selamat. Selamat dimakan, selesa dimakan. Kalau dua bintang, lagi selamat, kalau tiga bintang lagi baik. Sampai lima bintang dah boleh tunggu bila-bila masa untuk mendapat sijil halal. Untuk proses ini, untuk sistem ini kita panggilnya, kita tak panggil halal, macam mana? Jadi, kita akan, kita telah pun memikir satu nama, iaitu kita memanggilnya *International Muslim Friendly Affiliation Network*. Di mana kalau Selangor, kita latih usahawan kita, kita ada, saya dimaklumkan kita ada 40,000, ya, 44,000. Bayangkan 44,000 usahawan kecil di Selangor daripada yang buat kilang kerepek di Sungai Pelek sampailah yang ya, penjual nasi lemak di Sekinchan, sekurang-kurangnya kita pergi gerainya, kedainya, restorannya, kita nampak satu bintang. Selamat dimakan sebab kita tahu, asas dah ada. Kalau dia dapat dua bintang, lagi bagus, lagi selamat. Kalau pergi kedai, makcik ni dua bintang, pakcik sebelah satu bintang, kita pergi makcik. Kedai makcik dulu, dua bintang. Saya mesti sebut makcik, kalau sebut pakcik nanti makcik marah. Sebut makcik, pakcik tak marah. Itu cara kita akan mempertingkatkan kebolehan, kemampuan mereka. Jadi, yang ini, kita akan wujudkan, di Selangor kita lakukan. Jadi, kalau Selangor kita berjaya, 44,000 termasuk yang tidak masuk, yang tidak didaftarkan di bawah HIJRAH, ada lagi. Mungkin ada 100,000 – 200,000 di Selangor dah, orang datang ke Selangor, selamat. Ada pengiktirafan *International Muslim Friendly Affiliation Network* singkatannya IMAN. Ha, itu hebatnya. Dia ada sijil IMAN. Sijil IMAN satu bintang, sijil IMAN dua bintang. Bila Selangor kita buat, kita pada masa yang sama, kita kembangkan kepada negeri-negeri yang lain. Kalau ada latihan, mesti ada IMAN.

Jadi, kalau kita buat seluruh Malaysia, mungkin ada, mungkin katakan 1 juta. 1 juta ya, usahawan kita. Khusus usahawan-usahawan kecil ini dah ada pengiktirafan yang kita rasa selamat. Kita menggunakan tanpa was-was. Pada masa yang sama juga kita perkenalkan di luar negara dan kita sebenarnya perkenalkan *syllabus* ni di Taiwan dan saya juga telah pun menandatangani satu MOU bersama dengan University Lim Kok Wing di London. Kita dah bawa sampai ke London dah. Bila kita perkenalkan sama ini, bererti, bila kita latih orang Malaysia itu. Orang Malaysia, kalau orang luar datang sini, orang Islam dari luar negara, luar Malaysia datang ke Malaysia dia nampak ada sijil IMAN, selamat. Gunakannya tanpa was-was. Kita pergi ke London, tengok eh ini ada sijil IMAN dua bintang. Selamat, tanpa was-was. Jadi, kita dah wujudkan satu sistem, satu *network* yang begitu besar. Ini yang sedang dilakukan, untuk membantu, membantu usahawan yang belum mampu dari segi kewangan ataupun dari aspek yang lain, untuk mendapatkan sijil halal. Cara itu, kita memperkembangkan satu *networking*. Satu pasaran yang begitu istimewa. Ini adalah usaha cukup, cukup penting dan kita mengharapkan ini akan mendapat, di dalam proses ini, kita akan menyediakan satu kertas untuk mendapatkan kelulusan daripada MMKN sebelum kita laksanakan. Dan sudah tentu beberapa portfolio, portfolio saya, portfolio di bawah Yang Berhormat Batu Tiga dan mungkin Pandan Indah mungkin juga terlibat dan kita akan mengharumkan nama Selangor ya, di arena antarabangsa khusus dalam proses membantu usahawan kita dan juga dalam proses mempertingkatkan mutu produk kita supaya mempunyai daya persaingan di peringkat antarabangsa.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Dan seterusnya saya ingin menjawab satu isu iaitu, ramai antara Yang Berhormat sekalian menyentuh bahawa pelaburan ini hendaklah menjaga, alam sekitar supaya tidak ada pencemaran dan ada disentuh tentang industri plastik dan kitar semula. Kita setuju, kita kena jaga alam sekitar kita. Kita tidak ada, tidak akan berkompromi. Setiap cadangan pelaburan yang akan masuk ke Selangor, akan masuk ke Malaysia pun akan diteliti, akan disemak, akan dipantau supaya industri-industri ini menepati syarat-syarat alam sekitar, jabatan daripada alam sekitar. Jadi, kitar semula ini, kita tidak boleh, sebab ada kilang-kilang yang haram. Kilang-kilang yang tidak mempunyai lesen menjalankan industri kitar semula ini tanpa lesen, tanpa mengikut syarat-syarat penjagaan ataupun pemeliharaan alam sekitar maka kita tolak bulat-bulat industri ini. Bahaya, sebab setiap hari kita menggunakan plastik. Hidup kita sekarang banyak bergantung pada plastik. Hidup kita sekarang ini tidak boleh hidup tanpa plastik. Malah karpet yang kita pijak pun dibuat daripada plastik. Bayangkan kereta kita, kalau kita keluarkan bahan logam yang ada pada kereta kita, yang tinggal kebanyakannya plastik. Jadi, kita menggunakan plastik setiap hari. Kalau sampah plastik, kita sebenarnya yang menghasilkannya. Isunya, bagaimana kita melupuskan barang plastik ini. Saya rasa itu yang penting. Dan kitar semula ini adalah sebahagian daripada proses untuk kita melupuskan plastik. Dan sekarang ini, ada teknologi. Kita kena pastikan teknologi yang akan dibawa untuk memproses plastik ini ada teknologi yang terbaik yang mendatangkan impak yang paling minimum kepada alam sekitar. Itu yang kita boleh buat. Tidak ada satu industri yang tidak mendatangkan pencemaran cuma bagaimana kita memminimumkannya, itu isu penting. Kita buat makanan pun kita mencemarkan alam sekitar kita. Setiap hari kita mencemarkannya. Kita bawa kereta, pakai minyak, asap keluar. Kita mencemarkannya. Tapi bagaimana kita mengurangkannya. Sebab itu, kita menggalakkan orang ramai, ambillah, ambil naik pengangkutan awam supaya tidak semua orang bawa kereta. Kita mengurangkan pencemaran dan bagaimana kita juga dalam proses ini membersihkannya. Itu yang penting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, saya setuju dengan jawapan yang dibekalkan oleh Yang Berhormat EXCO. Cuma apa yang kita lihat dalam perbahasan dua, tiga hari yang lepas, di sebelah sana khususnya, mereka seolah-olah menggambarkan bahawa industri-industri yang mencemarkan alam sekitar ini lebih-lebih lagi kilang-kilang yang berlesen juga harus ditutup. Tidak boleh ada sebarang pencemaran. Kalau ada pencemaran, tutup. Ada pencemaran, tutup. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan, adakah itu sikap yang proaktif, adakah sikap itu sikap yang betul untuk mengatasi masalah ini kerana saya lihat itu mungkin bukan cara yang terbaik. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Banting. Sebenarnya bukan isu adakah industri itu yang mendatangkan pencemaran? Seperti yang saya sebutkan tadi, semua industri mendatangkan pencemaran. Bagaimana kita memminimumkannya. Kita bawa kereta, seperti yang disebut, kita bawa kereta kita mencemarkan udara kita. Tapi kalau boleh kurangkan, kalau nak datang ke mesyuarat Dewan Negeri, kalau Sekinchan dapat kongsi kereta dengan Sungai

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Panjang, Hulu Bernam, Sungai Burong, kita akan mengurangkan penggunaan kereta. Tapi Speaker, dia tak nak. Speaker dia nak sendiri juga. Dia seorang. Itu caranya lah bagaimana kita mengurangkan pencemaran. Jadi, industri kitar semula, termasuk plastik ini, dia membantu sebenarnya tapi bagaimana kita memastikan bahawa yang industri yang kita benarkan itu menepati syarat-syarat. Syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Alam Sekitar kita ketat sebenarnya. Cuma, mungkin dalam proses tersebut apabila kita benarkannya, pemantauan tidak mencukupi. Apabila berlakunya pencemaran, tindakan tidak mencukupi, itu adalah cabaran kita hadapi. Tetapi, jangan kita tolak semuanya. Bak pepatah Inggeris, *Don't throw the baby out with the bath water*, jangan buangkan anak kita bersama dengan air mandinya sekali. Anak kita, kita mandikan di baldi kan? Buang air sahaja, jangan buang anak sekali. Itu maksudnya. Jadi, jangan sebab bila ada pencemaran, kita tak nak industri, tak nak pelaburan, itu bahaya. Kita ceritakan ya, industri *aerospace* yang kita galakkan. Industri *biotech*, ada pencemaran juga. Tetapi bagaimana kita melupuskannya, memproseskan yang tercemar itu bagaimana kita proseskan, mengurangkannya. Malah, kita buat rumah pun, kita merosakkan alam sekitar. Rumah kita, kita kena tebang pokok, ratakan tanah, dah hilang beberapa pokok untuk satu rumah. Kita mencemarkan juga. Tapi itu ada keperluan, terpaksa kita berkompromi sedikit. Tapi, ada hadnya di manakah batasnya, itu isunya. Ya? Ya? Ya, atas pokok kita duduk, kalau tak tebang pokok, tak nak buat rumah. Jadi, saya berharap kita lihat daripada perspektif ini, sudah tentu saya kira hujah hari ini, hujah saya hari ini agak berbahaya sedikit sebab emosi di luar itu memang panas. Tapi, sebagai Wakil Rakyat, kita kena bertengang. Kita kena menerangkan, ada keperluannya.

**TUAN SPEAKER :** Sudah bagi minum air kelapa tadi, *cool, cool* sikit. *Cool down* sikit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tadi saya tidak sempat minum tu.

**TUAN SPEAKER :** Alamak, terlepas peluang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tapi Tuan Speaker, nak tanya sikit.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Mengapakah soalannya yang begitu penting ini, sekarang ini ada jawapan daripada EXCO dan ada lagi EXCO-EXCO yang lain yang akan menjawab, tetapi mereka yang bertanya soalan, khususnya yang di sebelah sana, baris hadapan kosong semua. Saya ingin membawa isu ini beberapa soalan ini, kenapa mereka tidak hadir untuk mendengar jawapan daripada MMKN daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat EXCO kerana jawapan yang padat diberikan. Saya tak pastilah, saya ingin bertanya, adakah mereka tidak berminat? Itu soalan saya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Rasa lepas ini jangan bagi ruang untuk berbahaslah Speaker, utamakan yang ada ini.

**TUAN SPEAKER :** Ya, nanti saya akan pertimbangkanlah.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tidak apa, sekurang-kurangnya daripada enam (6) itu ada dua (2) dengar. Dua (2) ini sudah tentu, saya pasti mereka akan membantu kita.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Saya nampak yang Semenyih sahaja yang ada tadi. Yang ini baru masuk, Sg. Panjang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Yang dua (2) itu tidak ada tanya soalan. Tapi dia faham. Kedua-dua ini dia faham, isunya sebenar.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDIN :** Saya dengar apa yang EXCO cakap, Yang Berhormat EXCO cakap. Jangan tebang pokok, jadi lebih baik kita duduk di mana-mana sahaja lah. Itulah maksudnya tadi.

**TUAN SPEAKER :** Semenyih, Semenyih nak tebang pokok ke tak tebang pokok

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI :** Ya lah, pembangunan seperti mana Yang Berhormat EXCO cakap tadi, tiap pembangunan memang ada kesan dia, jadi saya rasa apa yang dah disebutkan tadi seminimum yang mungkin keperluan seperti mana yang Sungai Pelek cakap tadi dalam kita, asas kita tiap orang akan mencari makan. Asas kitakan. Jadi sekarang ni kita dalam keadaan negeri yang maju dalam keperluan rakyat yang begitu ramai ya kira di negeri Selangor ni rasa benda-benda tu yang seperti mana Yang Berhormat EXCO cakap tadi perlu ya tapi kita menghormati alam sekitar sepertimana tadi yang di cakap Taman Templer tadi kita akan mewariskan ya bukan takat negara, negeri ya, apa yang kita buat ni kita akan wariskan ya ke generasi akan datang. Saya menyokonglah.

**DEWAN :** Pukul lima karang Concorde.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI :** Hahaha. Ok terima kasih. Jadi saya akui tu.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Untuk memelihara Semenyih ni, ni saya nak tanya Rosmah dah datang ke belum? Itu hari dulu kata nak bawak Rosmah datang. Dah ado kot. Dah datang ke belum? Belum?

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI :** Tak berkaitan, tak berkaitan.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Oh.. Belum lagi..

**DEWAN :** Hahahaha

**TUAN SPEAKER :** Kenapa tiba-tiba timbul Rosmah. Saya pun keliru ya. Jangan cuba, Ahli-Ahli Yang Berhormat jangan cuba mengelirukan Dewan ya.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Tuan Speaker dalam kempen Semenyih, Najib kata nak bawa Rosmah kalau menang.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER** : Itu saya faham. Terima kasih. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Itu yang saya tanya Semenyih ni Rosmah dah datang ke belum? Najib dah bawak dia ke belum?

**TUAN SPEAKER** : Nanti kita tunggulah. Kita minta Yang Berhormat...

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI** : Kira itu fitnah semua. Hahaha.

**TUAN SPEAKER** : Hahaha. Kita minta Yang Berhormat Bandar Baru Kelang untuk teruskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker sebenarnya kalau kita melihat tahap pembangunan sekarang ini ataupun projek-projek pembangunan yang telah pun dicadangkan baru-baru ini antara kawasan yang paling pesat pembangunan perumahan khususnya adalah kawasan Semenyih. Banyak pokok ditebang. Jadi kalau kita nak ikut hujah, kalau nak ikut hujah mereka ni Semenyih kita akan tolak semua permohonan untuk pembangunan untuk perumahan. Beribu ekar baru-baru ini kita luluskan di SPC kita luluskan. Jadi itulah sebab hujah saya tu kita setiap pembangunan industri dia akan mendatangkan kesan ya, kepada ataupun impak kepada alam sekitar. Cuma isunya bagaimana kita jaga sebaik-baiknya? Memastikan dia di tahap yang minimum. Tidak mungkin ada satu yang zero. Yang yang apa tu 0% pencemaran. Dan tentang isu perkhidmatan Internet yang lemah memang ini diambil perhatian dan mengikut maklumat yang saya perolehi daripada TM, sebenarnya mereka akan meletakkan atau mereka projek ya, untuk meletakkan USB, USB dan dapat membantu. Sudah tentu dengan adanya USB ni dia akan membantu perkhidmatan Internet dan untuk tahun 2019 sebanyak 242 tapak USB yang akan diwujudkan di seluruh Selangor. dan pada tahun hadapan 2020 tambah lagi 132 side ataupun tapak untuk USB. Bererti dalam dua tahun ini sehingga tahun 2020 ada 374 USB yang baru yang akan dipasang di seluruh Selangor. Jadi bila sampai masa tu saya kira tidak akan ada masalah sebegitu. Daripada ini sebenarnya yang kawasan yang tidak ada USB akhirnya tiak dapat USB hanya 41. Ini kawasan yang tidak sesuai termasuk hutan-hutan. Tak guna kita pasang di situ. Dan yang kawasan yang medium *high cost property, not recommended*. Yang tidak direkomenkan hanya sepuluh. Jadi di seluruh Selangor akan akhirnya kita memperoleh 425 USB dan saya kira ini akan membantu ya, mempertingkatkan perkhidmatan Internet yang sekarang ini merupakan cabaran kepada kita khususnya kepada pengusaha-pengusaha di kawasan industri. Dan saya ingin balik kepada soal alam sekitar kerana ada satu kes yang spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sijangkang berkenaan dengan satu pelaburan dalam kilang kertas yang akan beroperasi di Banting daripada iaitu syarikat tempatannya bernama Best Enternity daripada Negeri China. Projek ini adalah pada dasarnya telah pun diluluskan. Dan sebenarnya projek ini ditapak sudah dimulakan dengan kerja-kerja tanah. Mereka juga telah pun menepati syarat-syarat yang telah pun diletakkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Dan kita memang tahu bahawa mereka ada isu di Vietnam kat negara Vietnam. Syarikat ini ada sebenarnya syarikat

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Hong Kong yang kebanyakannya pada asalnya kebanyakannya kilang memproses kertas berada di negeri China. Tetapi dalam dua tahun kebelakangan ini mereka telah pun melabur di beberapa negara dalam ASEAN, termasuk Vietnam, Thailand, Indonesia, Brunei dan juga Malaysia. Dan antaranya pelaburan jumlah pelaburan di Malaysia adalah yang paling tinggi kerana teknologi yang dipakai adalah yang terbaik. Dan jumlah pelaburan adalah RM2.7 billion. Pekerjaan yang akan diwujudkan dalam seribu pekerjaan. Jadi melainkan Sijangkang dengan Banting menolak ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya tidak menolak. Yang menolak itu Sijangkang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Jadi sekurang-kurangnya saya dapat sokongan daripada Banting dalam projek ini. Projek ini dia telah pun melalui proses yang agak panjang. Telah pun diteliti oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Sekiranya tidak ada sokongan daripada Jabatan Alam Sekitar kerajaan Negeri Selangor tidak akan meneruskan kerana kepakaran untuk menentukan sama ada mereka menepati syarat-syarat pemeliharaan alam sekitar adalah terletak di Jabatan Alam Sekitar. Dan kita sentiasa mengukur kemahiran ataupun kelulusan yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar kerana mereka adalah profesional. Kita hanya yang kita yang mentadbir. Kita kenalah ikut nasihat daripada profesional. Dan sudah tentu sekiranya berlakunya pencemaran... Ya, sila.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sila Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : EXCO adakah dakwaan-dakwaan yang mengatakan syarikat ini bermasalah di Vietnam ataupun di Myanmar. Adakah benar? Yang kedua adakah kita memberi apa-apa insentif kepada syarikat ini untuk projek inilah?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya, saya ada baca dalam media bahawa mereka ada masalah. Tapi kadang-kadang masalah ini adalah masalah *isolated*. Kemungkinan berlakunya kebocoran dan sebagainya. Ini mungkin berlaku tapi dia tidak menjadi isu yang bagi kita membimbangkan kerana mereka menepati syarat-syarat yang diletakkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Jadi seperti yang saya sebutkan kita kena tahu mengapa ada masalah di situ? Kenapa dia melabur dengan jumlah pelaburan besar di Malaysia dan bukan di tempat lain? Dan juga kita kena lihat apakah standard pemeliharaan alam sekitar di Vietnam dengan di Malaysia. Jadi itu semua kita kaji, tidak boleh sebab ada satu peristiwa maka kita menolak pelaburan ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih. Saya kira itu adalah satu penjelasan yang cukup baik. Cuma saya ingin mungkin bertanya ataupun kongsi sedikit pendapat iaitu adakah pernah bahawa syarikat ini melabur dengan mendapat pinjaman wang yang diluluskan oleh bank-bank pelaburan di Hong Kong yang mensyaratkan penerima pinjaman ini menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan perindustrian mereka dengan mengikut undang-undang Alam Sekitar yang paling ketat supaya pinjaman ataupun

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

pelaburan bank-bank ini dia tidak akan mengalami sebarang risiko. Yang kedua ialah berkenaan dengan kes yang berlaku di negara lain, sekiranya kilang itu belum lagi dibina di Malaysia adakah kita boleh mendakwa kilang-kilang ini akan juga melakukan pencemaran. Apatah lagi kalau pencemaran yang berlaku di negara yang lain tu walaupun ada laporan media tetapi sebenarnya ada juga laporan media yang susulannya yang diikuti dengan cara-cara penyelesaian yang telah dilakukan dan juga kelulusan Jabatan Alam Sekitar di negara itu kepada kilang ini untuk terus beroperasi dan itu tidak dilaporkan dimaklumkan kepada orang ramai di sini. Jadi apakah itu satu perkara yang sepatutnya diperjelaskan secara menyeluruh kepada penduduk-penduduk dan sebagainya dan mereka yang berminat daripada tohmahan-tohmahan ataupun pandangan yang berat sebelah disebarluaskan dalam sosial media, disebarluaskan di dalam Dewan yang mulia ini, dan ramai yang tidak berpeluang untuk mengetahui gambaran yang sejelas-jelasnya. Jadi saya ingin meminta pendapat.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya, Yang berhormat, kita tidak ada pengetahuan berkenaan dengan pinjaman banknya adakah syarat yang diletakkan oleh pihak bank. Tapi bagi saya yang penting adalah sama ada kita mengenakan syarat-syarat mengikut standard yang kita hendak, itu yang penting. Jadi Jabatan Alam Sekitar mereka mempunyai kepakaran mereka tahu sama ada ini syarat ini boleh tak dipatuhi oleh mereka? Kalau dari segi teknologi mereka mampu mereka patuhi, kalau mereka tak mampu sudah tentu kita akan tolak permohonan. Bagi saya itu lebih penting. Di manakah mutu ataupun standard yang kita letakkannya. Dan kita pastikan pematuhan itu bagi saya adalah penting.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Ok boleh.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baru. Dalam perbahasan ada membangkitkan isu pelaburan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Ok. Terima kasih. Saya nak tanya Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Ada. Ada. Silakan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Ini yang dikatakan Jabatan Alam Sekitar yang penting ialah mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar. Adakah setiap pelaburan masuk ke Malaysia kita perlu dapatkan kelulusan daripada Alam Sekitar baru membenarkan mereka melabur ataupun melabur dulu baru mendapatkan kelulusan Alam Sekitar.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Dalam sektor pembuatan, semua permohonan pelaburan itu perlu memohon melalui MIDA yang mengeluarkan lesen, lesen perkilangan dan dalam proses itu mereka pun perlu mematuhi syarat-syarat yang telah diletakkan oleh berbagai jabatan ataupun agensi termasuk Alam Sekitar kalau di Selangor LUAS, JPS, JKR, PBT, Invest Selangor dan pelbagai lagi bergantung kepada jenis dan tempat lokasi pelaburan. Jadi untuk kilang khusus ini dalam proses kertas ini sudah tentu mereka perlukan komen ataupun maklum balas daripada Alam Sekitar,

## 21 MAC 2019 (KHAMIS)

mereka juga perlukan komen daripada LUAS, bukan senang kalau LUAS nak lepaskan. Sebab LUAS memberi kuasa yang begitu luas, dan mempunyai pengaruh yang begitu luas. Kerana impaknya kalau tak jaga alam sekitar impaknya impak kesannya cukup luas juga. Jadi LUAS juga ketat. LUAS di peringkat negeri Selangor. Baru-baru ini ada kita menghadapi satu cabaran di mana ada satu permohonan untuk membina loji LPG dan LNG disebabkan dia berada berdekatan dengan pelabuhan, berada di sebelah di sempadan di sebelah sungai dan juga disebabkan *side back lane* 50 meter kita mengadakan perbincangan mesyuarat yang khas untuk melihat bagaimana LUAS boleh meluluskannya. LUAS telah pun meletakkan syarat-syarat maka mereka kena patuh. Kerana itu adalah badan profesional yang membantu kerajaan untuk melihat dan mengkaji semua cadangan pelaburan yang akan masuk ke negara kita termasuk negeri kita. Jadi itu adalah syarat yang standard. Sokongan daripada semua jabatan diperlukan. Tidak ada satu syarikat yang boleh datang melabur dulu baru dapat lesen. Tidak boleh. Sebab kalau tidak ada lesen perkilangan maka Pihak Berkuasa Tempatan tidak akan mengeluarkan lesen perniagaan. Jadi itu yang benteng terakhir pada kita adalah Pihak Berkuasa Tempatan kerana mereka akan lihat di manakah lesen kilang kamu sebelum dia mengeluarkan lesen perniagaan. Itu prosesnya. Jadi ada dua peringkat. Dua peringkat. Satu peringkat itu di peringkat MIDA. Itu dia melalui proses atas kertas sahaja tapi bila datang nak buat kilang kena ada permohonan untuk kelulusan pembangunan KM. Pelan bangunan semua akan dijaga oleh PBT. Jadi itu benteng yang terakhir dan mereka ini perlu melepassi kedua-dua cabaran ini. Yang pertama kelulusan daripada MIDA yang keduanya kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Seterusnya Tuan Speaker, Yang Berhormat Pelabuhan Kelang membangkitkan isu jalan di Pulau Indah. In sudah tentu adalah satu subjek yang begitu kerap dibangkitkan, termasuk Y.B. Pelabuhan Klang membangkitkan itu sebenarnya dari kawasan beliau. Memang ada cadangan dari pihak kerajaan kepada pihak kementerian untuk bukan saja dari segi penyegeeraan jalan sedia ada iaitu dari lebuhraya KESAS dan juga lebuhraya SKVE, termasuk juga pelebaran jalan yang sedia ada selepas lebuhraya KESAS masuk ke Pulau Indah. Pelebarannya satu isu, satu isunya ialah yang dibangkitkan dan dicadangkan oleh pihak negeri adalah dengan kita membuat jalan bertingkat *elevated* supaya kereta gunakan yang atas, yang trak gunakan jalan di bawah.

Itu satu cara penyelesaian dan itu di luar kemampuan Kerajaan Negeri untuk membinanya dan itu adalah jalan Persekutuan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kita mencadangkannya saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pelabuhan, Pelabuhan Klang dan Pandamaran yang membangkitnya supaya dia dapat ditangkap oleh media dan mendapat perhatian daripada kerajaan Persekutuan. Itu cabaran kita. Sekarang ni ada pelebaran di bahagian dalam Pulau Indah. Tapi itu dijangkakan tidak dapat menampung kenderaan dan juga tidak dapat menyelesaikan isu kesesakan dan keselamatan dan saya kira saya ada sebut bahawa untuk mengatasi masalah *speeding* kita mungkin mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk memasang AES.

Saya kira cara itu yang terbaik dan selain daripada jalan yang bertingkat ini ada juga cadangan satu cadangan lagi iaitu melengkapkan jalan Pekeliling di dalam Pulau Indah

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

itu sendiri. Sekarang ada *missing link* iaitu daripada SKVE jambatan baru masuk ke Pulau Indah. Kemudian semua kenderaan dikehendaki belok ke kanan lepas tu masuk ke jalan lama. Jadi itu sebenarnya ada satu bahagian yang tidak dibina jalan ada cadangan dahulu iaitu dari situ ada persimpangan selepas jambatan daripada lebuhraya SKVE sambung terus daripada West Port itu akan sebenarnya akan dapat singkatkan jarak jalan tu. Ya itu kalau itu siap dibina tidak ada *missing link* maka dia akan merupakan satu circular satu jalan pekeliling itu juga kita telah cadangkan. Tapi cadangan kita masih menunggu kelulusan daripada pihak Kementerian Kerja Raya dan juga jabatan yang berkenaan. Itu yang cuba kita usahakan ini kerana dalam jangka masa yang beberapa tahun akan datang ini kita akan siapkan Selangor Bio Bay yang berharga sebenarnya di dua belah jalan selepas SKVE bila masuk ke Pulau Indah. Jadi itu merupakan perancangan yang telah pun kita cadangkan. Puan Timbalan Speaker seterusnya cadangan untuk merangka strategi untuk meningkatkan hasil yang.

**Y. B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Yang Berhormat,

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya sila.

**Y. B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Ok terima kasih Yang Berhormat Exco, berkenaan dengan lebuhraya Pulau Indah. Saya memang kita telah sedia maklum tentang perancangan untuk membuat highway lebuhraya bertingkat dan juga untuk menyelesaikan isu *missing link* yang berada di Pulau Indah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Exco Bandar Baru Klang. Cuma saya nak tanya berkenaan cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa khas yang kalau boleh dilibatkan semua agensi berkenaan isu pertambahan trafik yang mendadak seperti yang saya nyatakan dalam ucapan perbahasan saya di mana pada tahun 1996 jalan Pulau Indah ini hanya boleh menampung 22,000 kenderaan, tetapi sekarang ini telah meningkat menjadi 60,000 kenderaan sehari dan kebanyakannya dipelopori oleh kenderaan berat itu yang selalu terjadi isu masalah kemalangan yang kerap berlaku.

Jadi saya berharap sangat agar pihak Kerajaan Negeri bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa ini yang kalau boleh melibatkan pihak Pelabuhan Klang bukan hanya untuk isu lebuhraya di Pulau Indah tetapi juga lebuhraya yang menghubungkan West Port dan juga North Port iaitu yang melibatkan Dun Selat Klang yang juga mengalami masalah kerana sekarang ini jalan tersebut terpaksa menampung kenderaan sehari mencecah sehingga 80,000 kenderaan.

Jadi perlu saya ingat untuk adakan jawatankuasa ini bagi membincangkan tentang isu-isu keselamatan dan juga memikirkan cara yang terbaik selain daripada cadangan-cadangan berkenaan dengan lebuhraya bertingkat dan juga nak menyelesaikan yang isu *missing link*. Dan juga kena fikirkan sebab saya nampak kalau kita tengok statistik Pelabuhan di antara West Port dan North Port memang betul jumlah kontena yang dikendalikan sebanyak 12 juta setahun tetapi kebanyakannya adalah Kontena *transshipment* dimana pertukaran kapal di antara West Port dan North Port.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Dan sekarang ini Pelabuhan West Port dan North Port tidak ada hubungan di antara Dermaga di bahagian laut sebab itu terpaksa menggunakan pengangkutan lori kontena ini melalui jalan darat. Jadi yang menyebabkan lebuh raya ini sesak jugak ataupun aliran trafik ini menjadi *congested* adalah di sebabkan perpindahan kontena antara West Port dan North Port yang menggunakan jalan darat jadi saya harap untuk tubuhnya jawatankuasa ini mungkin boleh membincangkan secara menyeluruh tentang isu-isu yang berbangkit terutama sekali tentang masalah kedua-dua lebuh raya ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Yang Berhormat, kita akan melihat cadangan Yang Berhormat, tapi pada pandangan saya ini mungkin tidak ada keperluan untuk jawatankuasa tersebut sebab masalahnya sudah diketahui oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Cuma masalah ini dan cadangan pun ada sekarang ini untuk menghubungkan Pelabuhan Utara dengan Pelabuhan Barat ini, sekarang ini ada cadangan untuk membina satu lagi jambatan menghubungkan Pulau Indah dengan Tanah Besar.

Cuma masalah jugak masalah kewangan, jadi isu berbalik kepada isu di manakah kewangan nya. Tak ada isu yang kedua pihak tidak bersetuju ya iaitu kesesakan sekarang, masalah sekarang, kekangan sekarang. Yang isu utama adalah kekangan kewangan jadi cuma apa yang kita boleh lakukan adalah mendesak. Saya berharap ahli Parlimen kita yang mewakili Klang dapat membawa isu ini ke Parlimen dan pihak Kerajaan Negeri akan terus untuk membangkitkan perkara ini kepada Kementerian dan Menteri berkenaan.

**Y. B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Yang Berhormat EXCO, dia bukan isu keselamatan dan juga lebuh raya ini tetapi ada jugak isu dengan masalah jabatan berkenaan jalan yang sekarang ini kalau kita lihat antara jugak penyumbang menyebabkan laluan ini begitu sesak kerana hampir sekarang ini sudah hampir 307 syarikat lori kontena yang diluluskan kalau berbanding dengan 10 tahun yang lalu hanya 5 atau pun 6 syarikat saja yang mengendalikan pengangkutan kontena ini dan daripada 307 syarikat lori kontena ini menjadikan jumlah lori kontena sahaja, kepala lori kontena saja 8525 unit. Dan setiap lori kontena ini, kepala lori kontena ataupun *prime over* dia boleh ada permit 7 *trailer* jadi itu yang perlu dibincangkan untuk bagaimana nak mengawal. Jawatankuasa ini bukan hanya untuk agensi-agensi kerajaan jugak tetapi melibatkan industri-industri seperti Persatuan Pengangkut Lori Kontena, Persatuan Pengangkut Kenderaan Berat yang lain, Kontena yang lain. Sebab input-input daripada mereka ini jugak amat diperlukan untuk perancangan jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Bagaimana nak mengawal apa yang ada sekarang di kawasan Pelabuhan Klang ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Baik saya akan minta pihak kementerian untuk melihat bagaimana kita nak wujudkan dan siapakah yang akan jemput untuk bersama dalam jawatankuasa ini. Baik. Tuan Speaker seterusnya saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Baru. Tuan Speaker daerah Hulu Selangor memang merupakan daerah yang giat di promosikan oleh INVEST Selangor sebagai salah satu lokasi pelaburan bagi projek-projek perkilangan agar

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Pembangunan Perindustrian tidak hanya tertumpu kepada kawasan Lembah Klang sahaja. Sebenarnya sekarang Lembah Klang menghadapi cabaran daripada kawasan luar Lembah Klang kerana tanah-tanah di Lembah Klang ini sekarang mahal.

Yang Berhormat Seri Setia menggesa kerajaan menggesa INVEST SELANGOR membawa pelaburan ke Seri Setia. Itu merupakan cabaran besar sebab tanah di situ mahal. Kita dapat menawarkan tanah di Hulu Selangor dia lebih mudahkan, tetapi sudah tentu ada cabaran nya sendiri. Tapi dari segi nilai tanah, harga tanah memang adalah lebih menarik bagi pelabur untuk pergi ke Hulu Selangor. Dan antara projek-projek perkilangan yang di gelar kan di Hulu Selangor adalah Industri Pengeluaran Produk Pengangkutan dan lain-lain industri yang bersesuaian

Dan sudah tentu telah pun diketahui umum bahawa industri sekarang yang paling penting di kawasan Hulu Selangor adalah UMW ‘Rui stroys’, dan juga UMW ‘High value Metal Park’ yang sedang dibangunkan dan kita mengharapkan ia akan membawa pembangunan yang lebih pesat lagi ke kawasan Hulu Selangor ini dan jugak hanya syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan PBT dan agensi teknikal sahaja yang dibenarkan beroperasi. Sekiranya ada syarikat-syarikat yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan kita akan meminta pihak berkuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan. Jadi ini adalah SOP Kerajaan Negeri Selangor dalam menguruskan isu-isu yang dibangkit yang dihasilkan daripada pembangunan industri ini.

Berkenaan dengan pekerja asing, dan juga dalam pembangunan industri ini, mengikut rekod Mesyuarat Khas Pekerja Asing kali yang ke-33 yang telah pun diadakan pada tahun 2002, mesyuarat Bil 2/2005 pada 5 julai 2005 telah memutuskan supaya menujuhkan pusat kelulusan setempat untuk memproses pengambilan pekerja asing daripada negara daripada sumber yang dibenarkan. Agensi kawal selia bagi semua sektor telah ditempatkan secara sepenuhnya di sepenuh masa di OSC. Bahagian pengurusan pekerja asing Kementerian Dalam Negeri telah ditubuhkan dan berperanan dalam urus setia kepada OSC. Bagi memantau permohonan dan kelulusan pekerja asing ini mesyuarat JKKPA kali Ke-10 bilangan 1/2013 pada 1 Julai 2013 telah bersetuju supaya penambahbaikan peranan pusat setempat dilaksanakan seperti berikut :

- 1) Semua kelulusan pekerja asing hanya dibuat di OSC Kementerian Dalam Negeri saja.
- 2) Semua agensi kawal selia akan menempatkan pegawai masing-masing sepenuh masa di OSC.
- 3) Peranan OSC bagi mengendalikan permohonan pengambilan pekerja asing untuk sektor-sektor yang dibenarkan sahaja setelah majikan gagal mendapat pekerja tempatan.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

Ini bererti bahawa pekerja tempatan adalah diutamakan. Kementerian Dalam Negeri juga mempertimbangkan permohonan pengambilan pekerja asing berdasarkan permintaan industri dan kelayakan yang telah ditetapkan. Calon pekerja asing mestilah lulus semakan senarai hitam jabatan melalui *Immigration Security Clearance* yang dilakukan di negara sumber.

Jabatan Imigresen Malaysia memberi kelulusan VISA dengan rujukan atau VDR dan PASS lawatan kerja sementara PLKS berdasarkan negara sumber dan kuota yang telah diluluskan. Selain itu pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI turut mensyaratkan kepada syarikat-syarikat asing yang memperolehi kelulusan projek-projek perkilangan di bawah syarat-syarat lesen pengilang Akta Penyelaras dan Perindustrian 1975 untuk memberi keutamaan kepada pekerja tempatan seperti berikut :

- 1) Syarikat hendaklah melatih rakyat Malaysia supaya melatih teknologi dan kepakaran dapat disalurkan kepada semua peringkat jawatan. Daripada pengurusan sampai lah ke operasi.
- 2) Sekiranya pihak syarikat memerlukan guna tenaga tambahan, jumlah guna tenaga tambahan syarikat, hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya daripada 80% rakyat Malaysia. Penggajian rakyat asing termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyuburan luar adalah tertakluk kepada dasar semasa.

Walaupun secara dasarnya kerajaan mengawal pekerja asing ke Selangor, namun begitu khidmat tenaga kerja asing ini amat diperlukan oleh sektor perindustrian bagi menampung kekurangan tenaga kerja tempatan. Dan dalam hal ini saya juga ingin menegaskan bahawa

(mencelah)

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Penjelasan EXCO, pada dasarnya yang kita faham bahawa pekerja asing ini dimasukkan dalam tiga kategori iaitu dengan izinya “Dirty”, “Dangerous” dan “Difficult”. Adakah dengan dasar ini kita dah lari daripada kategori yang tadi tu. Sebab kita kena utamakan daripada yang saya fahamkan tadi ia mengikut “percentage” bukan mengikut kategori. Adakah kita dah lari daripada kategori ini kita tumpukan pada bilangan itu. Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Sebenarnya kalau ikut dasar syarat yang dikenakan itu, ia pada semua lapisan 80% mestilah ada rakyat Malaysia, dan itu yang telah pun ditetapkan. Dan sudah tentu dalam “procedure” ini juga kadang-kadang ada pindaan sedikit juga mengikut kehendak industri. Umpamanya Malaysia ada pengeluar sarung tangan yang paling besar di dunia. Empat syarikat terbesar di dunia datangnya dari Selangor. Dan daripada empat ini, tiga berada di Klang. Dan industri ini memerlukan banyak pekerja tapi pekerja tempatan sukar didapati sebab ia merupakan bahagian yang tidak memerlukan kemahiran yang tinggi dan sudah tentu di Malaysia

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

rakyat kita kebanyakannya telah pun menyempurnakan pembelajaran sekolah sekurang-kurangnya tahap SPM. Jadi kalau kerja di kilang mereka tidak sanggup. Jadi itu terpaksa kita mengimport. Itu salah satu contohnya. Kalau kita tidak membenarkan pengimportan pekerja asing ini dalam industri sudah tentu kita tidak dapat mengekalkan kedudukan kita sebagai pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia. Jadi itu adalah seperti yang saya sebutkan sebelum ini, cabaran dan bagaimana kita terpaksa membuat “fine tuning” dalam pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan itu.

Puan Timbalan Speaker, secara dasarnya Kerajaan Negeri Selangor menyediakan platform bagi membantu para pelabur yang ingin melabur di negeri Selangor. Kerajaan Negeri melalui agensi penggalakan pelaburan iaitu “Invest Selangor” bukan sahaja mempromosikan peluang-peluang pelaburan bagi menarik pelaburan ke Selangor tetapi “Invest Selangor” juga membantu para pelabur dari proses pemilihan tapak sehingga pihak syarikat memulakan operasi. Setiap projek yang dikemukakan kepada “Invest Selangor” akan dipantau kemajuannya melalui Mesyuarat Penyelaras Projek Pembangunan yang akan diadakan secara berkala iaitu sebulan sekali sekurang-kurangnya dan dipengerusikan oleh saya sendiri selaku EXCO Pelaburan Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana Negeri Selangor. Dan Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri dalam proses mengemas kini initiatif-initiatif bagi menjayakan konsep gugusan ekonomi yang telah pun disarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sewaktu pembentangan bajet 2019 tahun lalu. Bagi menjayakan konsep gugusan ekonomi atau klasterisasi negeri Selangor ini pihak UPEN akan mengadakan bengkel bagi membentuk rangka kerja dan pelan tindakan seterusnya membuat pemantauan melalui pelaburan status bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh agensi atau jabatan dalam setiap kluster dan pelaburan status tersebut akan dibentangkan dalam Majlis Tindakan Ekonomi Selangor secara berkala.

Puan Timbalan Speaker, satu isu lagi adalah berkenaan dengan penyelenggaraan di kawasan industri. Jadi setiap PBT telah pun diarahkan oleh MMKN untuk menetapkan sejumlah peruntukan yang diperoleh daripada kawasan industri untuk dikembalikan kepada penyelenggaraan kawasan industri. Dan EXCO telah pun membuat keputusan tersebut cabutan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor yang pertama 2017 yang diadakan pada 11 Januari 2017 telah disahkan oleh mesyuarat kemudiannya telah pun menyatakan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menimbang dan bersetuju seperti berikut iaitu di Majlis Bandaraya Petaling Jaya 20% cukai taksiran yang diperolehi daripada kawasan industri. Bagi Majlis Bandaraya Shah Alam 20% juga, bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya 40%, Majlis Perbandaran Klang 20%, Majlis Perbandaran Sepang 20%, Majlis Perbandaran Ampang Jaya 100%, Majlis Perbandaran Kajang 25%, Majlis Perbandaran Selayang 40%, Majlis Daerah Hulu Selangor 15%, Majlis Daerah Sabak Bernam 25%, Majlis Daerah Kuala Selangor 25 dan Majlis Daerah Kuala Langat 15%.

Puan Timbalan Speaker, itu sahaja daripada penggulungan saya, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan dan memberi perhatian yang secukupnya kepada bidang pelaburan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga.

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Bukit Gasing, Bukit Lanjan, Hulu Klang, Seri Setia dan Sungai Pelek. Tapi Sungai Pelek ini saya ingat Yang Berhormat Bandar Baru Klang telah pun menjawabnya, jadi saya tidak akan menjawabnya lagi. Tentang I.R. 4.0: Ingin saya nyatakan di sini untuk Seri Setia dan juga bersekutu Hulu Klang, isu yang dibangkitkan adalah tentang berkaitan dengan kampung dan definisi dan sebagainya. Sedikit latar belakang terlebih dahulu, supaya semua Ahli Dewan atau Ahli Yang Berhormat di dalam dewan ini memahami tentang apakah yang kita bincangkan atau tumpukan bila berkata tentang pembangunan luar bandar. Di bawah pelan Malaysia Selangor, ataupun dalam pelan hala tuju strategi desa negeri Selangor 2035 telah beberapa kajian telah dibuat, dan telah pun mendapat sesuatu penemuan-penemuan yang begitu baik yang saya rasakan perlu dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang mana pada asalnya kita lihat kedudukan kampung-kampung negeri Selangor ini kadang-kadang ada yang telah terkeluar daripada definisi yang sebenar. Mamandangkan terlalu pesat membangunnya kadang-kadang definisinya tidak boleh dipakai lagi. Jadi untuk itu, melalui kajian yang telah dibuat, pada 2017, definisi kampung ini, kita sebut ataupun kita dapat sekitar Selangor mempunyai 522 kampung induk. Kampung induk ini adalah kampung yang terdiri daripada kampung tradisi, kampung tersusun, kampung baru, kampung bagan, dan kampung orang asli. Dan di bawah kampung tradisi ini pada asalnya, 2017 kita ada 368 tetapi setelah dipersetujui oleh MMKN tambah tiga (3) lagi jadi kita ada 371 kampung tradisi. Jadi bermula dari kampung induk ini, perbincangan definisi kampung-kampung lain ini dilihat secara terperinci. Jadi untuk itu, adalah kajian dibuat, dan kita telah definasikan beberapa kampung yang sepatutnya ada tapi tidak ada dalam senarai induk itu. Termasuklah kampung yang dinyatakan oleh Kampung Hamid Tuah yang disebutkan oleh Seri Setia. Kampung Hamid Tuah ini sebagaimana Kampung Tunku, nama saja kampung tetapi tidak wujud kampung itu, Kampung Tunku, Kampung Dato' Harun, beberapa kampung yang sebenarnya tidak menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh kampung tradisi. Saya rasa ini juga mungkin akan dijadikan perhatian oleh pihak Kerajaanlah bagaimana kita nak pastikan bagaimananya ianya boleh dispesifikasikan semula definisi supaya mana-mana tempat yang tidak ada ciri-ciri ini tidak menggunakan makna atau nama kampung lagi. Kampung Hamid Tuah ini sebenarnya kalau dilihat ia berada di daerah mukim Damasara, di daerah Petaling, dan ia tidak termasuk dalam senarai kampung induk, mahupun lagilah kampung tradisi. Ia sebenarnya milik persendirian. Yang sekarang ini kawasan itu juga sebenarnya di bawah pengelolaan Amanah Raya. Jadi saya sebenarnya prihatin bila diutarakan tentang isu seolahnya ia terabai, saya akui, kemungkinan ianya perlu diberi perhatian oleh semua pihak tetapi kita juga mengharapkan supaya harapan yang diletakkan oleh Seri Setia, maknanya bila ia tidak didaftarkan di bawah senarai kampung, jadi kemungkinan besar banyak program yang tidak dapat secara terus dibuat oleh kampung ini.

Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Puan Timbalan Speaker, terima kasih. Yang Berhormat Batu Tiga, saya nak tanya status rumah adakah tanahnya tanah lot ataupun tanah haram ?

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Ini adalah milik persendirian dan bukan tanah haram tetapi ada berlakunya tentang wasiat dan ia diletakkan di bawah pengurusan Amanah Raya. Itu sahaja maklumat yang saya tahu, maksudnya, ianya perlu kita tengok balik mungkin Yang Berhormat Seri Setia perlu tengok semula bagaimana ianya boleh dibantu tetapi ianya saya nak tegaskan di sini ianya tidak termasuk dalam 371 kampung yang dalam perhatian kerajaan. Itu sebenarnya dan juga Hulu Klang bertanya tentang apakah yang disebut tentang apa beza desa, kampung. Dan ini saya bacakan sedikit tentang jawapan yang diberikan Pelan Malaysia atau JPBD, iaitu petempatan desa ditakrifkan sebagai kawasan selain dari kawasan bandar, yang mempunyai kepadatan yang rendah dan jumlah penduduk kurang daripada 10 ribu orang yang mana ianya merupakan kawasan campuran komersial industri kemudahan yang lazimnya mengalami tahap urbanisasi yang rendah. Manakala kampung pula merupakan sebuah penempatan tradisi yang kawasannya lebih kecil yang ciri-ciri tradisi yang tinggi daripada segi sosial budaya dan fizikal dan kadang-kadang ianya tidak melebih 1000 orang. Kalau bahasa mudahnya beginilah, kampung itu ia terletak dalam desa, desa itu lebih besar, kampung itu lebih kecil. Itu istilahnya. Kadang-kadang penggunaannya begitu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Isu spesifik semalam tentang Kampung Kemensah. Kampung Kemensah ini dia ada Madrasah, Sekolah Agama, Perpustakaan Desa, Balai Orang Awam (telah pun dibaiki), Gelanggang Futsal, Masjid (dalam rancangan), Kampung Orang Asli, dan ia boleh tembus sampai ke Langat sana. Jadi masalahnya Ketua Kampung punya bidang kuasa itu, tidak jelas. Nak minta penjelasan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Itu saya belum habis jawab lagi. Kampung Kemensah ini sebenarnya, kita definisikan sebagai salah satu kampung tradisi, ia sebenarnya luas, kalau ikutkan dia macam boleh jadi desa dan sebagainya tetapi desa itu tidak ada pengkhususan dalam konteks pengurusan. Yang ada kampung. Macam yang kita kata di dalam Kampung Kemensah itu, dia ada elemen-elemen orang Asli. Orang Asli ini, nanti akan diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri dan bukan lagi di bawah PLB sekarang ini di bawah Pembangunan Luar Bandar, hanya mengkhususkan kampung tradisi. Apa yang ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat Hulu Klang di sinilah sebenarnya kita melihat cabaran Ketua-ketua Kampung, di mana Ketua-ketua Kampung juga sekarang ini perlu dimaklumkan tentang di mana bidang kuasa dia, dan di mana tempat ataupun di mana mereka wajar memberikan perhatian. Sebab itu di dalam garis panduan baru kita sebut, Ketua Kampung bertanggungjawab kepada kampung induk, atau kampung yang ada, dan kawasan jajahannya. Kawasan jajahan ini juga kita akan maklumkan di mana kawasan yang perlu dia bertanggungjawab. Apa yang ingin saya nyatakan untuk Hulu Klang, Ketua Kampung sekarang ini bukan sahaja kita lantik, tetapi kita pastikan dia tahu kawasan tadbir dia. Dia tahu juga tentang bagaimana nak profailkan kampung dia. Maksudnya dia tidak boleh lagi sekadar dilantik lepas itu dia tidak tahu di mana sempadannya, masjid mana yang dia sepatutnya ambil maklum, aset apa yang perlu dijaga dan sebagainya tetapi dia perlu diteliti dengan kita wujudkan satu saya sebut banyak kali dah, tentang profail kampung itu, tetapi kalau profail kampung itu ada, dia mestilah di "upload"kan nanti Yang Berhormat semua boleh tolong upload "i-Desa", aplikasi "i-Desa". Di situ kita boleh

## **21 MAC 2019 (KHAMIS)**

melihat tentang apa ciri-ciri tentang apa yang ada dalam aset kampung itu yang telah diisyiharkan di bawah Kementerian Luar Bandar. Tetapi saya nak nyatakan dalam dewan ini aplikasi itu belum cukup “update” yang ada sedikit kekeliruan dan kita tengah perbaiki lagi dan ianya dalam tahap 77%. Saya jangka saya tidak punya masa, saya harap saya boleh bersambung untuk esok.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Batu Tiga. Sila duduk dahulu dan sambung di esok hari. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan pukul 4.30 petang, dan saya tangguhkan Dewan sehingga esok Jumaat 22 Mac 2019, jam 9.30 pagi. Saya ulangi jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)**